



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 7	Rabu	29 Mac 2023
---------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)
- Pindaan Takwim Persidangan (Halaman 2)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2023 (Halaman 11)

USUL:

- Usul di Bawah Peraturan Mesyuarat 6(1)
Dibaca Bersama Peraturan Mesyuarat 6(3) (Halaman 43)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
4. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
5. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
6. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
7. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
8. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
9. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
10. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
11. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
12. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
13. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
14. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
15. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
16. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
17. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
18. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
19. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
20. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
21. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
22. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
23. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
24. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
25. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
26. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
27. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
28. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
29. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
30. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
31. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
32. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 33. | Yang Berhormat | Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik) |
| 34. | “ | Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu) |
| 35. | “ | Dato' Haji Husain Bin Awang (Terengganu) |
| 36. | “ | Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis) |
| 37. | “ | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 38. | “ | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 39. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 40. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 41. | ” | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 42. | “ | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 43. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 44. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 45. | “ | Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah) |
| 46. | “ | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 47. | “ | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 48. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 49. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 50. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 51. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 52. | “ | Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 53. | “ | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 54. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 55. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 56. | “ | Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | | Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri] |
| 4. | | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |

AHLI TIDAK HADIR (samb/-)

5. Yang Berhormat Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
6. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
2. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
3. “ Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim [Perdana Menteri dan Menteri Kewangan] (Tambun)
2. Yang Berhormat Puan Fadhlina Binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
3. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian)
5. “ Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas)] (Hulu Rajang)
6. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi] (Beaufort)
7. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
8. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Iskandar Puteri)
10. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Pensiangan)
11. “ Puan Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
12. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 29 Mac 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menerima satu keputusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha Dewan Negara membacakan keputusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Keputusan]

“28 Mac 2023

Keputusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) Rang Undang-undang Perbekalan 2023

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiga di Mesyuarat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PINDAAN TAKWIM PERSIDANGAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacita hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis dan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 10(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara supaya Takwim Mesyuarat Dewan Negara yang sedang berjalan sekarang dipinda dengan menambah sebanyak dua hari lagi, iaitu pada hari Isnin, 10 April 2023 dan hari Selasa, 11 April 2023.

Saya meminta Setiausaha Dewan supaya mengedarkan pindaan Takwim tersebut serta butirannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga telah menerima permohonan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk memberi laluan lebih awal kepada pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Oleh yang demikian, saya membuat ketetapan bahawa sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan pada hari ini akan diharatkan sehingga jam 10.30 pagi bagi memberi ruang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2023, sangkutan dengan tanggungjawab kenegaraan di luar negara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, jumlah kes barangan tiruan yang melibatkan pelbagai barangan pengguna mengikut kategori barang, tangkapan, pendakwaan, nilai rampasan dan hukuman.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Salam Malaysia Madani. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, barang pengguna tiruan ialah barangan yang selalunya berkualiti lebih rendah, dibuat atau dijual dan dipakaikan dengan jenama lain tanpa kebenaran pemilik jenama.

Kementerian sentiasa memberi perhatian yang serius bagi menangani lambakan penjualan barangan yang disyaki menggunakan cap dagangan tiruan, yang mana pelanggarannya menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah seksyen 102 Akta Cap Dagangan 2019 yang dikuatkuasakan oleh kementerian ini.

Sepanjang tahun 2020 sehingga 28 Februari 2023, kementerian telah menghasilkan sebanyak 976 kes, dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM69 juta yang melibatkan pelbagai barangan pengguna menggunakan cap dagangan tiruan mengikut kategori. Antaranya pakaian, makanan, minuman, kosmetik, barangan kulit, ubat-ubatan dan alat komunikasi. Sejumlah 99 kes tangkapan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 hingga 28 Februari 2023 dengan tindakan denda dan kompaun berjumlah RM3.5 juta terhadap pesalah yang mana disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

Barang-barang tiruan yang dirampas akan dilupuskan setelah sesuatu kes berkaitan dengan perihal cap dagang tersebut telah diselesaikan sama ada melalui denda atau kompaun. Kementerian mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini memberi amaran tegas bahawa mana-mana peniaga supaya tidak sesekali terlibat dengan penjualan barang tiruan terutama yang melibatkan keselamatan pengguna.

Sekiranya didapati mana-mana individu peniaga yang menjual barangan tiruan dan melakukan kesalahan di bawah Akta Cap Dagangan 2019, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap barang tiruan yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

■1010

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM20,000 bagi setiap barang tiruan yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya. Ini bagi individu.

Akan tetapi, bagi syarikat pula jika disabitkan kesalahan, denda yang akan dikenakan tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang tiruan yang dipakaikan dengan salah cap dagangan tadi.

Bagi kesalahan kedua, tidak melebihi RM30,000 bagi setiap barang tiruan yang dipakaikan dengan cap dagangan yang berdaftar tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan sebentar tadi. Satu soalan, apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan kesedaran kepada pengguna-pengguna terutama yang di luar bandar ini berkaitan dengan keselamatan dalam membeli barang-barangan seperti yang disebutkan tadi? Terutama makanan, ubat-ubatan dan mungkin keperluan seharian. Apakah yang akan dilakukan oleh kementerian terhadap ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kita di bawah KPDN, ada Bahagian Pendayaupayaan Pengguna yang sentiasa membuat advokasi, bekerjasama dengan NGO-NGO kepenggunaan untuk sentiasa membuat program-program advokasi.

Jadi, kita juga menyediakan saluran-saluran untuk dibuat aduan. Pengguna sekiranya mendapati bahawa mereka tersalah beli barang tiruan, boleh membuat aduan kepada kami; boleh digunakan portal ezAdu, melalui email, boleh telefon, boleh *WhatsApp*.

Terkini, kita mengeluarkan satu *QR code* untuk memuat aduan, yang memudahkan cara membuat aduan. Jadi, pengguna; pertama dididik, diberi advokasi dan kemudian diberikan saluran aduan supaya kita boleh membantu mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Soalan tambahan.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sudah berdiri dahulu, iaitu Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic. Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya ialah kita memang ada undang-undang dan penguat kuasa untuk mengatasi penjualan barangan tiruan. Akan tetapi, nampaknya kurang memuaskan. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri; undang-undang yang kita sedia ada itu tidak mencukupi atau kita ada kelemahan dalam penguatkuasaan? Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan daripada Yang Berhormat Senator adalah sama ada, ada kelemahan daripada segi undang-undang ataupun ada kelemahan daripada segi penguatkuasaan...

Tuan Yang di-Pertua: Memadai tidak undang-undang itu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Memadai tidak undang-undang dan juga penguatkuasaan. Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, ia ada juga elemen undang-undang. Ia ada elemen penguatkuasaan. Ia ada juga elemen pengguna, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ia bermula dengan pengguna. Sebab kita ada undang-undang untuk mengawal. Akan tetapi, kalau pengguna tidak didaya upaya dan pengguna suka ataupun tidak tahu bagaimana hendak bertindak atas salah laku peniaga. Maka penguatkuasaan itu- kita boleh sentiasa turun padang dan pantau, tetapi kita perlu juga aduan untuk kita ambil tindakan.

Jadi di situ Tuan Yang di-Pertua, saya kira tiga elemen pengguna, undang-undang dan penguat kuasa perlu bekerjasama dalam satu ekosistem. Oleh sebab itu, ia perlu daya upayakan ketiga-tiga elemen ini. Akan tetapi, daripada segi undang-undang kita lihat ia cukup untuk melindungi hak pengguna. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Okey, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang bahagian advokasi pengguna. Saya hendak bertanya, adakah fungsi itu juga termasuk menyedarkan pengguna tentang bahayanya bahan-bahan dalam mainan kanak-kanak? Contohnya, macam bahan yang digunakan untuk membuat dan juga cat-cat dan sebagainya. Ini adalah kerana kanak-kanak biasanya akan menggigit mainan tersebut. Jika ada bahan beracun, ia akan membahayakan kanak-kanak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Barang-barang bahaya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, kita bekerjasama dengan NGO-NGO pengguna. NGO-NGO pengguna ini, ada peruntukan yang kita salurkan kepada NGO pengguna untuk membantu kita. Merekalah yang selalu juga membantu kita dengan mengadakan advokasi sebab mereka *direct*, mereka berurusan terus dengan pengguna dan mereka di lapangan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi itulah, secara rumusannya memang sentiasa diadakan advokasi dan kita didik juga pengguna dengan semua perkara termasuk mainan kanak-kanak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing.

2. Dato Dr. Nuing Jeluing minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil untuk mereformasi sekolah kebangsaan untuk menjadikannya sebagai pusat perpaduan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam memupuk perpaduan secara menyeluruh di kalangan warga pendidik. Oleh hal yang demikian, sistem pendidikan menerusi kurikulum kebangsaan digubal berasaskan dan bertunjangkan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

KPM memasukkan elemen patriotisme, perpaduan dan kecintaan terhadap agama, bangsa dan negara dalam kurikulum kebangsaan melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta melalui pendekatan merentas kurikulum dalam mata pelajaran yang lain.

Bagi memperkukuhkan konsep perpaduan secara holistik di sekolah, program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) dilaksanakan bermula tahun 2015. Pelaksanaan TS25 adalah bermatlamatkan ke arah kemenjadian murid dan sekolah yang berkualiti dengan berfokuskan kepada aspek kepimpinan guru yang kompeten dan sokongan padu komuniti. Program ini selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi penekanan kepada aspek perpaduan melalui penerapan nilai, etika dan rasa tanggungjawab sebagai warganegara.

Di samping itu, pendekatan Malaysia Madani yang bertunjangkan sikap saling hormat-menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban, menjadi sokongan ke arah memperkasakan konsep perpaduan di sekolah.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menyambut baik perancangan hala tuju Malaysia Madani dengan menggariskan tujuh- teras utama nadi keunggulan KPM. Penekanan terhadap perpaduan secara menyeluruh menjadi keutamaan KPM agar selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan keseimbangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Selain itu, KPM juga memperkasa pembelajaran luar bilik darjah melalui aktiviti kokurikulum sebagai satu usaha menerapkan nilai dan semangat perpaduan dalam kalangan murid di sekolah kebangsaan. Penglibatan murid dari pelbagai bangsa dan dalam aktiviti kokurikulum melalui aktiviti unit beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan juga menjadi medium utama KPM dalam memupuk perpaduan dalam kalangan murid di sekolah kebangsaan.

KPM yakin langkah-langkah yang diambil mampu memperkasakan perpaduan di sekolah kebangsaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Dato Dr. Nuing Jeluing, ya.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan, semasa pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas pada 13 Februari 2023, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah bahawa perpaduan merupakan penyatuan dalam perbezaan, sebagai asas pembinaan kestabilan, tiang kemakmuran, menyumbang kepada kemajuan dan ia akan membawa kejayaan kepada negara kita.

Soalan saya, adakah pihak KPM berhasrat untuk menentukan bahawa tenaga guru-guru di semua sekolah mencerminkan komposisi masyarakat kita? Terima kasih.

■1020

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, KPM sentiasa menggalakkan semua warga Malaysia yang berkecayaan untuk memohon mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Malaysia tanpa mengira komposisi kaum. Graduan PISMP akan berkhidmat di sekolah rendah bawah KPM. Di samping itu, permohonan sebagai guru untuk mengajar di sekolah menengah bawah KPM menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan juga adalah terbuka kepada semua graduan yang berkecayaan.

Penempatan dan pelantikan guru di sekolah KPM adalah berdasarkan kepada kekosongan opsyen, mata pelajaran serta keperluan perjawatan. Khususnya di negeri Sabah dan Sarawak, KPM sentiasa akan memastikan penempatan guru memenuhi dasar 90:10 dengan mengutamakan graduan tempatan negeri tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi. Ya, siapakah berdiri awal sekali tadi? Silakan ya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi. Jika kita menyentuh perpaduan, ia memerlukan semua pihak termasuk pihak kerajaan, pihak pembangkang dan juga rakyat. Jadi, apakah inisiatif perpaduan yang dilaksanakan oleh KPM di sekolah? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian sudah dijawab tadi. Itulah, dalam soalan ini, ada dua perkara yang jelas iaitu mereformasi sekolah kebangsaan dan kedua ialah pusat perpaduan. Beliau sudah jawab. Jadi, saya tidak benarkan untuk jawab.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Kembara Perpaduan Malaysia Madani yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 wajar dilaksanakan di peringkat sekolah sebagai usaha untuk mengekal keharmonian pelajar yang berbilang kaum.

Soalan saya, bagaimanakah KPM dapat menjayakan program tersebut dalam sektor pendidikan negara? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan peranan yang akan dimainkan oleh KPM untuk memastikan program nasional tersebut mampu digarap sebagai usaha untuk menyatupadukan pelajar, guru dan kakitangan sekolah yang mungkin selama ini dipisahkan dengan jurang perkauman yang kita tidak sedari. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hak untuk menjawab ataupun tidak.

Puan Lim Hui Ying: Jawab, jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ia kadang-kadang macam tembak itik, kena ayam... *[Ketawa]*

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan Malaysia tekad memastikan aspek perpaduan menjadi keutamaan dalam merencanakan sistem pendidikan negara berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. KPM mengambil inisiatif yang berterusan untuk meningkatkan lagi pembentukan modal insan yang seimbang dan cemerlang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, berpegang teguh kepada Rukun Negara dan berpandukan ajaran agama dalam kalangan murid.

KPM menyambut baik dan menyokong usaha kerajaan dalam menganjurkan Program Kembara Perpaduan Malaysia Madani. Bagi menyambut usaha baik ini, KPM telah merancang dan melaksanakan pelbagai program yang berteraskan pembangunan dan pengukuhan perpaduan dalam kalangan murid melalui pelaksanaan aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Antara program tersebut iaitu penerapan elemen literasi dan amali sivik melalui Pendidikan Sivik yang menggunakan *Module Exemplar*, pertandingan sukan dan permainan, aktiviti kelab berpersatuan serta aktiviti unit beruniform.

KPM juga memberi penekanan kepada beberapa aktiviti atau program bagi memantapkan kefahaman konsep perpaduan di sekolah dengan penglibatan dari semua warga sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, seramai 1,366 orang pengetua dan guru besar telah mengikuti latihan penerapan nilai perpaduan yang disediakan oleh KPM mulai tahun 2017 sehingga 2021.

Selain itu, KPM dengan kerjasama Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah. Kelab ini ditubuhkan adalah sebagai satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan murid pelbagai kaum. Sehingga kini, sebanyak 3,443 KRN atau Kelab Rukun Negara telah ditubuhkan di sekolah rendah dan 1,434 buah di sekolah menengah.

Kita akan sentiasa memastikan pendidikan menjadi tunjang utama ke arah pemupukan perpaduan di negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

3. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apa peranan agensi-agensi di bawah kementerian dalam menonjolkan aktiviti-aktiviti berteknologi tinggi, umpamanya *artificial intelligence*, dan IR4.0.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Arthur Joseph Kurup]:

Selamat pagi dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan telah menggubal Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE) bagi merintis laluan ke arah kemakmuran, kesejahteraan masyarakat dan daya saing global. Pelbagai penerima gunaan teknologi telah diambil kira di dalam Rangka Kerja ini termasuk yang berkaitan dengan pembangunan industri 4.0 dan kecerdasan buatan.

Sehubungan dengan itu, MOSTI telah membangunkan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 dan ia bertujuan untuk menghasilkan ekosistem inovasi AI bagi pembangunan AI yang memanfaatkan kolaborasi *quadruplehelix* berpandukan prinsip AI yang bertanggungjawab. Prinsip AI yang bertanggungjawab ini meliputi elemen seperti keadilan, kebolehpercayaan, keselamatan dan kawalan, privasi dan keselamatan, kebahagiaan manusia, akauntabiliti dan ketelusan.

MOSTI juga sedang membangunkan kod etika kecerdasan buatan di bawah Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025. Pembangunan kod etika ini akan merangkumi tadbir urus, rangka kerja, penanda aras dan pengukuran kecerdasan buatan dalam negara. Kod etika kecerdasan buatan ini berkait rapat dengan tujuh prinsip kecerdasan buatan selari dengan prinsip yang digariskan oleh badan-badan antarabangsa seperti OECD, *European Commission* dan *International Technology Law Association*.

Kod etika ini amat penting bagi mengurangkan risiko dan isu berkaitan etika berhubung dengan penggunaan teknologi kecerdasan buatan seterusnya menghasilkan kebolehpercayaan kepada seorang individu untuk menggunakan teknologi tersebut. Setelah teknologi kecerdasan ini memperoleh tahap kebolehpercayaan yang tinggi, maka sebarang keputusan yang diperoleh melalui teknologi ini boleh digunakan sebagai sumber kedua dalam membuat sebarang keputusan.

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator, beberapa buah agensi di bawah MOSTI berperanan dalam menonjolkan aktiviti berteknologi tinggi. Pertama, MIMOS yang diberi mandat untuk menjalankan aktiviti R&D di dalam bidang ICT, semikonduktor dan mikroelektronik dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan daya saing industri negara melalui harta intelek dan teknologi...

Tuan Yang di-Pertua: Itu masa sudah tamat, Yang Berhormat. Cuba berekonomi perkataan sikit tadi.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, kita ada agensi MIMOS seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Kedua, agensi MRANTI yang memainkan peranan penting dalam perkhidmatan mudah cara. MRANTI juga memberi bantuan pengkomersialan bagi sektor penting dalam agenda pembangunan teknologi.

Dan agensi ketiga, inisiatif daripada NanoMalaysia yang berkaitan dalam membangunkan industri makanan dan pertanian, kesejahteraan perubatan dan penjagaan kesihatan, peranti dan alam sistem elektronik, tenaga serta alam sekitar yang juga menyumbang kepada pembangunan kecerdasan buatan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Akhirnya balik kepada Yang Berhormat Dato' Nelson. Ada soalan tambahan? Akhir sekali ya. Sebab, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sudah pun bersedia.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa peratusan kejayaan pengkomersialan di bawah program NTIS iaitu *National Technology and Innovation Sandbox*, dengan izin? Sila nyatakan peluang pekerjaan yang telah diwujudkan hasil daripada pemudahcaraan teknologi AI dan IR4.0. Terima kasih.

■1030

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Secara ringkasnya, NTIS ini merupakan program di mana kita menyediakan ruang dan tapak ujian kepada para pembangunan produk-produk yang berinovasi dan berteknologi tinggi. Melalui projek NTIS ini, setakat ini kita ada sebanyak 22 buah projek dengan fasilitasi pendanaan di bawah MTDC yang telah berjaya dikomersialkan dengan nilai jualan sebanyak RM51.8 juta.

Daripada jumlah ini, sebanyak 70 peratus daripada projek ini adalah tergolong dalam elemen AI dan IR 4.0. Daripada NTIS juga, usaha ini telah menghasilkan 98 buah projek yang dibantu melalui pemudahcaraan pendanaan. Setakat ini, kita telah menyediakan sebanyak 244 peluang pekerjaan yang mahir dalam teknologi tinggi. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali dan diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti yang saya umumkan sebentar tadi bahawa pada saat ini, sampai masa bagi Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2023.

Kepada Ahli-ahli yang tadi tidak sempat dijawab soalan masing-masing, saya petuakan supaya jawapan bertulis disediakan kepada setiap Ahli yang telah mengemukakananya. Setiausaha.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2023****Bacaan Kali Yang Kedua**

Tuan Yang di-Pertua: Dengan sukacitanya dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

10.32 pg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya memilih untuk datang membentangkan sendiri sebagai langkah menghormati dasar reformasi Parlimen dan mengangkat martabat Dewan Negara kepada tahap yang sewajarnya... *[Tepuk]* Saya juga sedar inilah kali pertama seorang Menteri Kewangan atau Perdana Menteri datang hadir untuk membentangkan satu rang undang-undang yang penting untuk pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara.

Semalam Dewan Rakyat telah sebulat suara meluluskan rang undang-undang atau Belanjawan Madani yang kita bentangkan dan ini satu perkembangan baik setelah berlaku perbincangan dan teguran iaitu pandangan yang agak panjang. Belanjawan Madani 2023 ini dirumuskan sebagai langkah untuk menghadapi tantangan semasa yang mencakup soal ikhtisas, tatakelola pentadbiran, langkah pemacuan pertumbuhan ekonomi dan juga kesejahteraan rakyat.

Saya rumuskan apa yang telah dibentangkan dahulu selain daripada beberapa kebijakan baharu yang akan diumumkan pada hari ini. Tentang hutang dan liabiliti negara yang mencecah RM1.5 trilion iaitu lebih 81 peratus daripada KDNK bagi tahun 2023. Oleh sebab itu, bila ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang berani mengusulkan apa salahnya kita pinjam lagi untuk bantu rakyat, kita tidak bersetuju kerana ini merupakan satu tindakan, cadangan yang tidak bertanggungjawab. Membebankan generasi yang akan datang untuk membayar hutang yang terlalu besar.

Kita rumuskan bahawa antara isunya selain daripada krisis ekonomi dan COVID-19, adalah kerana kelemahan tatakelola, ketirisan dan rasuah yang kita anggap sudah menjadi barah dan *systemic*. Oleh yang demikian, dalam beberapa buah kerangka kita, kita tekankan belanjawan ini supaya berlandaskan tiga tekad. Pertama, tentunya belanjawan negara harus menjurus kepada usaha, kebijakan, langkah pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan.

Kedua, reformasi institusi dan tatakelola bagi memulihkan keyakinan. Ada yang mempersoalkan apa hubungan tatakelola- *governance* dengan belanjawan? Jawapan saya ialah bahawa dalam beberapa langkah dan bantuan termasuk subsidi, jumlah ketirisan itu terlalu tinggi. Dalam beberapa langkah perolehan tanpa tender iaitu rundingan terus dalam beberapa aspek yang akan saya sentuh, kehilangan dana itu juga mencecah puluhan bilion ringgit. Maka, untuk menyelamatkan ekonomi negara, reformasi institusi dan tatakelola itu kita anggap penting.

Ketiga, keadilan sosial untuk menyederhana kesenjangan. Pertama, kerana jumlah kemiskinan tegar mencecah hampir 130,000 dan kesenjangan terus melebar sama ada di kalangan Bumiputera sendiri ataupun Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Jadi sebab itu, beberapa langkah atau kebijakan baharu harus diperkenalkan.

Untuk merumuskan, pendekatan dasar belanjawan yang dianggap masih mengembang iaitu memperuntukkan RM388.1 bilion, sebanyak RM289.1 bilion untuk belanja mengurus, sebanyak RM99 bilion bagi belanja pembangunan termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka. Ini catatan belanja pembangunan agak tertinggi. Maka, iltizam kita iaitu mengurangkan defisit fiskal kepada lima peratus, ketimbang 5.6 peratus tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk mengurangkan defisit ini kritikal untuk memulihkan keyakinan pelaburan dalam domestik dan juga luar negara. Keduanya, ia mempamerkan satu sikap pengurusan kewangan yang lebih bertanggungjawab. Kita menjangka kalau trend ini berterusan, kita dapat mencapai defisit yang dianggap terkawal sekitar 3.2 peratus menjelang tahun 2025.

Saya akan cerakinkan beberapa kebijakan khusus dalam pembentangan ini untuk mengelakkan pengulangan hal-hal yang telah disebutkan, melainkan menjawab keresahan atau kegelisahan dan juga memperkenalkan beberapa kebijakan ataupun pengumuman baharu. Keputusan kita iaitu memberikan perhatian kepada peniaga mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang paling banyak terkesan daripada wabak COVID-19. Manakala untuk tahun taksiran 2023, kadar cukai PMKS ke atas pendapatan bercukai bagi RM150,000 pertama dikurangkan daripada 17 peratus kepada 15 peratus. Dua peratus pengurangan ini dapat menjimatkan di antara RM3,000 kepada 150,000 orang pembayar cukai PMKS.

Kita tumpukan umpamanya dalam program pembangunan. Satu anjakan daripada pendekatan lama iaitu memusatkan perhatian kepada PMKS dan juga yang di bawah.

Umpamanya, saya telah tekankan kita mahu kenal Kuala Lumpur ini bukan sahaja dengan Twin Tower dan bangunan indah gemerlapan, tetapi juga gerai, warung dan restoran kecil yang indah dan bersih. Oleh sebab itu, seluruh majlis perbandaran, sama ada di bawah Persekutuan ataupun negeri diminta mendukung hasrat yang sedemikian.

■1040

Umpamanya kita gunakan peruntukan kewangan termasuk RM50 juta membina baharu dan menaik taraf 3,000 buah gerai dan kiosk, ini secara spesifik sebagai kemudahan penjaja kecil dan RM176 juta naik taraf premis kemudahan perniagaan di bawah MARA, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, PUNB dan UDA.

Beberapa langkah lain termasuk kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan untuk memanfaatkan usahawan PMKS itu keseluruhannya bernilai RM40 bilion. Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) turut sedia menjamin sehingga RM20 bilion pinjaman PKS terutama yang melibatkan sektor tumpuan seperti teknologi tinggi, pertanian dan pembuatan.

Kita sering hampir setiap tahun dan baru-baru ini kian bertambah bencana dan musibah bencana banjir. Maka sebab itulah kita bersetuju untuk meneruskan projek yang dahulu diluluskan RM15 bilion untuk tebatan banjir tetapi kaedahnya bertukar.

Ini Tuan Yang di-Pertua, saya memilih untuk menjelaskan kerana ada yang mengatakan kita batal, kita sambung. Tidak betul. Yang dibatalkan itu, keputusan rundingan terus. Yang disambung itu adalah tender, proses tender. Jadi tidak benar mengatakan kita ini membatalkan kemudian meneruskan.

Dia membatalkan, saya jelaskan sekali lagi, itu rundingan terus kerana kos terlalu tinggi. Apabila tidak ada tender, rundingan itu hanya terletak kepada beberapa orang pegawai, tentunya atas fatwa dari atas. Ini yang telah berlaku sebab itu dengan projek yang sama, kita boleh jimatkan RM2 bilion. Kerana penjimatan itu, kita tambah dua projek tambahan, satu di Johor dan satu di Sungai Golok, Kelantan... *[Tepuk]*

Ini menunjukkan bahawa tatakelola dalam kerajaan keras menentang penyelewengan dan rasuah itu akan dapat bantu menambah projek rakyat dan mengurangkan beban rakyat. Oleh itu selain daripada 10 projek tebatan banjir, tanpa mengira negeri walaupun ada tohmahan yang berterusan bahawa pentadbiran Kerajaan Perpaduan ini memilih untuk menekan negeri-negeri yang tidak menyokong Kerajaan Perpaduan. Ini tidak benar sama sekali dan saya akan baca umpamanya jumlah peruntukan kepada negeri-negeri termasuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Itu lebih daripada semasa mereka memerintah tiga tahun.

Jadi oleh yang demikian saya harap fitnah seperti ini dihentikan dan Dewan Negara boleh tunjuk satu contoh yang baik di mana kritikan dan teguran dibenarkan, dan saya

bersedia untuk membuat pindaan penyesuaian setelah mendengar pandangan dan teguran tetapi fitnah ini tidak boleh diteruskan.

Fitnah ini kadang-kadang daripada pemimpin besar termasuk Ketua Parti yang menyatakan bahawa zalimnya Menteri Kewangan ini kerana menindas dan tidak memberikan peruntukan kepada negeri-negeri, atau melewatkan, atau mengurangkan. Semua fakta itu salah. Jadi walaupun kita guna hujah Al-Quran, hujan hadis dan kita berpakaian nampak seperti seorang ulama tetapi kalau kita buat kenyataan begini, tanggungjawab saya menjawab. Bukan untuk menyerang ulama tetapi menerangkan fakta yang salah kerana bertentangan dengan semangat tatakelola dan kebenaran.

Untuk mempercepatkan proses, saya tidak akan gunakan kaedah sama proses perolehan kerana dalam menghadapi masalah tebatan banjir ini dia mendesak. Oleh yang demikian, seluruh proses itu dipercepatkan. Tender diteruskan, tetapi proses dipercepatkan kerana tender projek harus dimulakan selewat-lewatnya akhir Jun tahun ini juga. Kita tambah RM250 juta untuk NADMA dan beberapa keputusan lain, kelulusan termasuk untuk Kelantan, Terengganu dan Johor yang telah saya umumkan bulan lalu.

Kita ada masalah juga tentang hutan dan sampai hari ini, semalam pun masih ada berita tentang pembalakan haram dan sebab itu kita telah bersetuju untuk menambah bilangan renjer di kawasan hutan kepada 1,500 orang dan mengutamakan juga Orang Asli untuk bekerja sebagai renjer dan veteran tentera dan polis yang melibatkan tambahan RM50 juta.

Dasar pelaburan baharu, *Invest Malaysia Council* telah diumumkan dan di samping itu kita mahu perkembangan sektor kewangan Islam. Malaysia pada peringkat awal dahulu merupakan di antara pusat kewangan Islam yang terkenal tetapi sekarang kita kalah kepada beberapa buah negara dalam persaingan yang hebat. Oleh yang demikian kita harus mengemukakan beberapa insentif dan kebijakan baharu supaya kita dapat bukan sahaja menggunakan kaedah Islam tetapi yang lebih progresif.

Saya sebut di Parlimen baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, tentang keperluan menilai semula pendekatan konvensional bank atau kewangan Islam yang hanya ditekankan tidak ada riba tetapi tidak memenuhi *maqasid syariah* iaitu tentang penyertaan yang lebih ramai, keadilan. Ini pernah dikupas dengan begitu baik oleh seorang pengasas Bank Islam, Mohammad Nejatullah Siddiqi yang menyatakan elok dikaji semula supaya pendekatan itu tidak hanya menghalalkan bank tetapi menetapkan agar bank itu dapat dilaksanakan secara yang lebih adil, lebih menyeluruh dan menarik penyertaan lebih ramai.

Saya tekankan dalam isu reformasi institusi dan tatakelola baik ini sebagai contoh tadi tentang tebatan banjir. Akan tetapi dalam usaha yang sama, pendekatan institusi harus diperkemas dengan beberapa langkah termasuk dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Maka tahun ini merupakan pertama kali kita tumpukan pembaikan, baik pulih sekolah-sekolah

daif tanpa mengira sama ada sekolah kebangsaan atau Sekolah Cina atau Sekolah Tamil, sekolah di kawasan Orang Asli, semuanya di bawah kategori daif itu harus dibantu dan perbelanjaan untuk maksud tersebut dan juga untuk klinik-klinik yang daif mencecah RM1.2 bilion.

Ini kerana kita saksikan saya percaya juga Ahli-ahli Yang Berhormat tahu di beberapa buah tempat sendiri sekolah yang tidak pernah- dapati sekolah mempunyai tandas yang lengkap. Ada yang sekolah enam buah tandas, empat buah rosak. Pengalaman saya sama di Port Dickson. Saya percaya kalau beberapa buah kawasan lain di desa atau pedalaman, lebih teruk lagi. Oleh sebab itu kita harus beri tumpuan ke arah itu.

Salah satu masalah yang berbangkit setelah wabak COVID-19 ini ialah soal jumlah yang mufliis. Oleh sebab itu saya telah umumkan jumlah yang mufliis kalau hutangnya itu RM50,000 ke bawah dilepaskan sama sekali. Yang selainnya, jumlah hampir keseluruhannya 260,000 kes akan diselesaikan melalui Akta Insolvensi 1967 supaya secara automatik pada masa yang singkat boleh dilepaskan dan mereka boleh mencari jalan, pekerjaan melainkan kes-kes yang dianggap bermasalah atau masalah besar.

Wanita dan kanak-kanak juga diberi perhatian dengan kewujudan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak yang baharu. Dalam sesi yang lepas di Parlimen, berulang kali saya sebut tentang keperluan konglomerat besar menjalankan tanggungjawab untuk meringankan beban rakyat.

■1050

Maka saya telah hubungi umpamanya BERNAS, Tan Sri Syed Mokhtar untuk membantu dan beliau segera meluluskan RM10 juta kemudian RM50 juta, RM60 juta ringgit untuk pesawah yang umumnya dalam kategori miskin dan selepas itu beliau bersetuju supaya 30 peratus daripada keuntungan bersih import beras BERNAS dipulangkan kepada pesawah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudian di Dewan Rakyat bangkit mengapa saya menekan hanya kepada pengusaha Melayu? Saya tidak faham pemikiran begini. Pertama, tidak meneliti fakta, keduanya, semua kes termasuk hendak tolong orang miskin pun digunakan isu perkauman. Kenyataannya apa? Kita untung, syarikat-syarikat produk getah, termasuk *glove* itu untung besar semasa COVID-19. Mereka telah diminta melalui sumbangan dan cukai makmur, memberi sumbangan sebanyak RM400 juta dan yang kebanyakannya syarikat Cina. Itu golongan etnik Cina.

Jadi, sebab itu saya tidak mengerti mengapa usaha membantu rakyat miskin itu disukarkan, perbalahan besar. Padahal dalam perbincangan saya dengan Tan Sri Syed Mokhtar tidak timbul masalah. Saya bincang dengan dia. Ada bedanya kerana saya tidak minta wang untuk saya atau untuk parti saya. Jadi, oleh yang demikian dia boleh pindahkan kepada pesawah. Kalau sudah pilih untuk meminta RM200 juta untuk parti saya, jadi RM200

juta itu tidak sampai kepada pesawah. Jadi, saya pilih untuk sampai kepada pesawah. Kalau itu dianggap salah, nasiblah. Baik, soal yang lain ialah syarikat-syarikat lain pun begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengumumkan umpamanya untuk TVET sekarang ini dikendalikan oleh kerajaan. Berapakah jumlah? Jumlah 500 lebih kurang. Kemudian, berapakah jumlah peruntukan? Sebanyak RM6.7 bilion. Akan tetapi kesannya ada yang berhasil, ada yang kurang. Peluang pekerjaan 90 peratus tetapi gaji majoriti RM2,000 ke bawah. Masih dalam kategori miskin. Oleh sebab itu saya mengambil keputusan untuk mencadangkan kepada syarikat-syarikat besar, PETRONAS telah memulakan di Batu Rakit, Kimanis dan kita minta diambil alih TVET di Pengerang.

Kemudian Sunway, Berjaya, DRB-HICOM juga dan puluhan syarikat lain juga diminta supaya mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya TVET, dia memberi latihan, dia pastikan bidang, jurusan yang diperlukan sekurang-kurangnya untuk syarikatnya dan saya ucapkan terima kasih kerana hampir 50 buah syarikat yang terlibat termasuk GLC dan GLIC untuk membantu PERKESO menyediakan insentif kepada majikan yang menggaji 17,000 orang graduan khususnya TVET sebanyak RM600 sebulan selama tiga bulan.

Berkait soal pekerjaan, semalam saya bertemu dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang membangkitkan isu penindasan pekerja kerana tidak menerima bayaran gaji minimum termasuk pekerja di bawah kontrak perkhidmatan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh diterima sama sekali kerana kerajaan menetapkan gaji minimum maka kontrak-kontrak kerajaan mesti pastikan ini dilaksanakan.

Oleh yang demikian, saya tegaskan perintah gaji minimum RM1,500 telah dilakukan dan semua kementerian harus memastikan kontrak-kontrak kementerian, baik keselamatan sekolah atau hospital dan lain-lain, mesti menetapkan tanpa kecuali gaji minimum RM1,500 untuk pekerja dilaksanakan.

Projek JENDELA RM725 juta bagi 3,700 buah sekolah dan 47 buah kawasan perindustrian. Kita juga telah mencadangkan supaya GLC termasuk Khazanah dan KWSP melabur dalam syarikat pemula tempatan yang inovatif dan pertumbuhan tinggi dengan nilai pelaburan RM1.5 bilion.

Ada isu lain tentang menoktahkan kemiskinan tegar. Saya sebut tadi dalam kajian bulan Mac tahun ini jumlahnya ialah 126,000 - ketua isi rumah. Akan tetapi saya berikan jumlah 130,000 kerana ada kemungkinan penambahan dalam beberapa bulan ini. Jadi, saya bertekad untuk tahun ini, Malaysia harus catat rekod bukan gedung besar atau mercu tanda tinggi tetapi membebaskan 130,000 buah- keluarga daripada kemiskinan tegar... *[Tepuk]*

Ada yang mempertikaikan seperti mana Yang Berhormat dengar kononnya dalam Islam ini tidak mungkin. Saya ingat kita tidak perlu layan pandangan dangkal begitu rupa kerana pengalaman Khalifah Umar Abd Aziz itu jelas, dua tahun tiga bulan dapat membasmi

kemiskinan tegar. Jadi, kita sudah enam dekad merdeka, saya fikir tidak ada alasan lagi kerana miskin tegar ini maknanya makan tidak cukup, susu anak tidak ada.

Jadi, saya bincang dengan rakan-rakan Jemaah Menteri, seluruh jentera kerajaan, selain daripada peruntukan-peruntukan lain, ditumpukan untuk menyelesaikan masalah ini dan sudah dikeluarkan dana bulan Januari dan 5 April berikutnya untuk melaksanakan peringkat awal. *Alhamdulillah* ada kejayaan dan saya yakin *insya-Allah* dapat kita selesaikan tahun ini. Ditambah dengan selain eKasih, Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), di mana akan dipastikan supaya orang yang terlepas itu diberi bantuan atau modal seperti melalui TEKUN dan lain-lain supaya dia tidak kembali miskin tegar pada tahun berikutnya.

Dalam bentuk subsidi bantuan serta insentif, jumlah peruntukan kerajaan RM64 bilion. Ini yang saya sebutkan kebimbangan saya kerana kalau kita baca Laporan Ketua Audit Negara, ketirisan itu besar, penyelewengan juga ada dan ini harus cuba dihentikan kerana kalau kebocoran itu tinggi, jumlah itu tidak sampai kepada kumpulan sasar.

Sumbangan Tunai Rahmah bagi golongan B40 Fasa 1 seperti yang telah saya umumkan, dan isi rumah pendapatan kurang RM2,500 layak terima sumbangan sehingga RM2,500 bergantung kepada bilangan anak. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) akan membantu meringankan beban sara hidup hampir 9 juta orang penerima atau bersamaan lebih 60 peratus rakyat dewasa negara ini dengan peruntukan disediakan hampir RM8 bilion. Fasa kedua pembayarannya pada 5 April, maknanya sebelum Raya.

Kita telah umumkan umpamanya bantuan untuk nelayan, pesawah, pekebun kecil. Tiga tahun lalu tidak dinaikkan tetapi bantuan sehingga RM300 sebulan saya umumkan bulan lalu iaitu RM300 sebulan bagi nelayan. Belanjawan 2023 juga berikan tambahan sumbangan tunai kepada pesawah padi RM200 sebulan untuk tiga bulan semusim. Kerajaan turut bersetuju menaikkan sumbangan musim tengkujuh daripada RM600 kepada RM800 untuk tempoh empat bulan kepada pekebun kecil getah. Ini dalam belanjawan telah pun diumumkan.

Yang baharu yang saya ingin umumkan pada hari ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ialah keadaan hidup rakyat miskin ini masih terasa. Jadi kita, oleh yang demikian dengan Ramadan dan Aidilfitri, saya teliti, saya minta Kementerian Kewangan teliti mana kohort yang tidak peroleh manfaat daripada pengumuman-pengumuman yang dibuat sebelum ini. Umpamanya penjawat awam ada, nelayan, pekebun kecil ada.

■1100

Akan tetapi, yang tidak termasuk dalam kategori ini ialah jumlah- walaupun begitu, saya lihat masih ada masalah terutama bulan Ramadan dan Aidilfitri. Maka, saya bersetuju untuk menyalurkan bantuan khas kewangan Aidilfitri kepada 850,000 orang pekebun kecil getah, pesawah dan nelayan sebanyak RM200 lagi, tambahan daripada yang telah diumumkan... *[Tepuk]* Ini akan menelan belanja RM170 juta.

Jadi, dengan penambahan ini bermakna bantuan terbesar yang pernah diberikan oleh kerajaan kepada nelayan, pesawah dan pekebun kecil getah. Akan tetapi, ada juga keluhan. Bagaimanakah dengan M40? Yang kita tumpukan ialah pemacuan pertumbuhan, jadi T20 beroleh keuntungan. B40 mendapat segala kemudahan ini tetapi M40 terlepas. Oleh sebab itu, pada tahun ini, tahun 2023, kadar cukai pendapatan individu pemastautin dikurangkan untuk M40 ini sebanyak dua peratus melibatkan setiap banjaran pendapatan lebih RM35,000 hingga RM100,000. Pengurangan ini dijangka dapat memberikan kira-kira 2.4 juta jumlah pembayar cukai dengan lebihan pendapatan boleh guna sehingga RM1,300.

Bagaimanakah pula dengan peruntukan bagi negeri-negeri? Saya telah sebut dan saya ingin tegaskan untuk pertimbangan Ahli-ahli Dewan Negara iaitu pada tahun 2023, kita naikkan untuk semua negeri termasuk Perlis, Terengganu, Kedah dan Kelantan... *[Tepuk]* Untuk Perlis, dinaikkan daripada RM138 juta menjadi RM154 juta. Terengganu, daripada RM393.6 juta kepada RM411.1 juta. Kelantan, RM331 juta kepada RM351.5 juta dan Kedah, daripada RM458.1 juta kepada RM512.1 juta. Kesemua negeri ini ditambah.

Ini termasuk pemberian kepada kerajaan negeri berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur, kesejahteraan hidup, yang dinaikkan kepada RM400 juta ketimbang RM330 juta pada tahun lalu. Untuk keempat-empat negeri ini, bagi peruntukan pembangunan yang tadi saya sebut bantuan kewangan, ini untuk pembangunan. Untuk Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis, dinaikkan daripada RM5.6 bilion tahun lalu, bawah kerajaan yang lalu, saya naikkan menjadi RM6.2 bilion sekarang... *[Tepuk]*

Jadi, saya harap dihentikan soal tohmahan, fitnah bahawa kita kurangkan atau kita menganaktirikan. Tidak boleh, kerana saya menjadi Menteri Kewangan bagi rakyat Malaysia, bukan bagi negeri-negeri yang menyokong Kerajaan Perpaduan. Cuma bedanya ialah tumpuan Sabah dan Sarawak itu jauh lebih tinggi. Ini mula-mula dipertikaikan dan saya jelaskan kerana kadar pembangunan, kawasan pendalaman, kemudahan-kemudahan asas itu terlalu daif. Oleh sebab itu, jumlah peruntukan di Sabah dan Sarawak itu, Sabah umpamanya RM6.5 bilion dan Sarawak RM5.6 bilion... *[Tepuk]*

Akan tetapi, harus kita lihat kenyataannya dan saya minta diteliti semula semua kaedah perjanjian MA63 kerana Perjanjian Malaysia 1963 itu telah dimeterai, ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin utama negara pada ketika itu dan tanggungjawab kita adalah untuk melaksanakan dengan jujur. Oleh sebab itu, untuk mempercepat proses kelulusan projek di Sabah dan Sarawak, kita berikan peluang kepada mereka memutuskan sendiri. Pada peringkat awal ini, RM50 juta ke bawah, itu diputuskan sendiri oleh Sabah dan Sarawak.

Untuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, masing-masing diperuntukkan RM18.5 bilion dan RM17.7 bilion. Akan tetapi, saya hendak jelaskan bahawa ini satu yang merunsingkan kita kerana keupayaan kita, kesiapsiagaan kita dengan masalah kapal, helikopter, pesawat, *tank*; semua bermasalah. Ini juga banyak terkait dengan cara,

kaedah perolehan dahulu. Saya telah meminta, memanggil semua ketua di Kementerian Pertahanan dan menyatakan kaedah perolehan harus berubah. Kalau mahu membeli kapal, biar *navy* memutuskan sendiri, tentera lautlah ya. Kalau kapal terbang, biar tentera udara. Tidak payahlah orang politik campur tangan, tidak payahlah sangat banyak ejen. Mereka memutuskan dan kita teliti, dipersetujui dan G2G kita rundingkan. Ini akan menjimatkan kos dan menyelamatkan negara.

Jadi, janganlah anggap apabila saya ambil tindakan-tindakan ini, saya hendak berdendam kepada sesiapa, tidak. Akan tetapi, kita tengok keadaan. Kapal yang berfungsi sekarang ini ada dua, dipanggil *frigates*, yang diluluskan pada tahun 1997 semasa saya jadi Menteri kewangan. Yang selepas itu, semua LCS apa semua, terbengkalai dan lambat siap. Oleh sebab itu, kita tidak ada pilihan melainkan memberi pendekatan yang baharu dan mengelakkan daripada campur tangan dalam isu perolehan ini.

Untuk kegiatan Islam dan hal ehwal Islam, ditambah keseluruhannya RM1.5 bilion. Untuk menggalakkan kegiatan pendidikan Islam dan imarahkan masjid, saya naikkan elaun kepada 35,000 orang guru KAFA menjadi RM1,100 daripada sebelumnya. Maknanya, tambahan RM100 dengan peruntukan RM40 juta. RM600 kepada imam, bilal, tok siak, noja, marbut, guru KAFA dan guru takmir. Seramai 70,000 orang akan menerima sumbangan yang melibatkan peruntukan RM40 juta.

Ada beberapa langkah lain dalam bidang pengangkutan. Pas perjalanan tanpa had My50 dan RM150 juta untuk program SBST termasuk peluasan pelaksanaan program ke bandar Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu.

Untuk kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, yang bangkitkan soal perkhidmatan udara kerana itu sahaja cara mereka boleh bergerak dari satu- daerah ke daerah yang lain, maka kerajaan menyediakan peruntukan subsidi RM209 juta untuk pengangkutan udara bagi manfaat kelompok ini.

Kementerian Pendidikan menerima peruntukan tertinggi iaitu RM55.2 bilion ketimbang RM52.6 bilion tahun 2022. Ini adalah kerana fokus kita ialah pendidikan dan kesihatan. Ini termasuk naik taraf bangunan serta infrastruktur, sekolah daif, dan kerja menyelenggarakan semua jenis sekolah; sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Kita tambah juga Rancangan Makanan Tambahan.

Kementerian Pendidikan Tinggi diperuntukkan RM15.3 bilion, tambahan daripada 2022, RM436 juta untuk membaik pulih infrastruktur dan menggantikan peralatan usang yang tidak lagi ekonomik di IPTA. Kerajaan bersetuju untuk memberikan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN selama tiga bulan bermula 1 Mac 2023 sehingga 20 peratus. Ini bagi meringankan beban kewangan peminjam yang terkesan. Kerajaan bersetuju untuk memberikan penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam bulan. Penangguhan ini boleh dibuat mulai 1 Mac 2023.

■1110

Yang baharu yang saya hendak umumkan pada hari ini ialah setelah mendengar keresahan yang disuarakan dan teguran kepada kerajaan, maka dengan ini saya bersetuju untuk melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM8,000 untuk simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional sehingga tahun 2024... *[Tepuk]* Cadangan ini melibatkan kehilangan hasil kerajaan sekitar RM250 juta setahun dan memanfaatkan lebih 400,000 orang pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah ini bukan jumlah B40. Ini jumlah orang yang berpendapatan agak lebih sederhana, tetapi kerana maksudnya ialah pendidikan, pertama, dan keduanya, belanja pendidikan kian meningkat, sebab itu kita beri kelonggaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga sekarang ini masalah yang berterusan bertahun-tahun soal doktor kontrak yang ada ura-ura membantah terus. Saya ingin memberitahu Dewan bahawa Kementerian Kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar sebanyak RM36.3 bilion ketimbang RM32.4 bilion tahun lalu. Ini termasuk- ha, ini penting. Kita buat lantikan baharu secara tetap daripada kalangan pegawai kontrak 1,500 jawatan baharu pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi. Untuk maksud ini, kerajaan tambah sebanyak RM3 bilion untuk emolumen KKM tahun 2023. Jadi, kalau kita hendak selesaikan kesemuanya sekali sebanyak 12,000 yang dituntut, maka kita memerlukan berbilion lagi tahun ini. Maka, tidak mungkin.

Oleh sebab itu, saya bagi jaminan, tahun ini sebanyak 1,500 orang dan tahun depan atau tahun berikutnya dalam tempoh tiga tahun, kita boleh selesaikan masalah ini. Masalah tertangguh sekian lama. Jadi, tidak boleh bebankan kita dalam setahun selesaikan semua. Akan tetapi, RM3 bilion itu bukan jumlah yang kecil, jumlah yang besar.

Jadi, kita akan terus beri keutamaan bagi pengisian jawatan perkhidmatan awam dalam sektor kritikal dalam bidang kesihatan dan pendidikan. Ini perbelanjaan tambahan, selain daripada yang saya umumkan iaitu sehingga RM800 juta. Jadi, sebanyak RM3.8 bilion untuk maksud ini yang boleh dan mampu kita tampung untuk setahun dan tidak mungkin kita selesaikan semua masalah ini pada tahun ini sahaja.

Ada beberapa kaedah lain yang kita perkenalkan untuk mengelakkan kesesakan di beberapa buah hospital. Ada yang menyebut di antara yang paling sesak adalah Hospital Selayang. Jadi, ada kaedah yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengadakan beberapa fasiliti tambahan dan juga memindahkan kepada hospital swasta jika perlu.

Skim Perubatan Madani iaitu memberi galakan kepada pengamal perubatan swasta (GP), seperti mana pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, sebanyak RM120 juta disediakan. Maknanya, kalau orang itu dari kampung yang dekat ada klinik, dia

pergi pada klinik untuk perubatan-perubatan biasa dan ditanggung oleh kerajaan. Tidak perlulah semuanya bertumpu ke hospital.

Ini pengumuman baharu. Jadi, saya, Tuan Yang di-Pertua, betul-betul memberi penghormatan besar kepada Dewan Negara. Ini kerana kalau ikut pengalaman lalu, tidak ada pengumuman baharu di Dewan Negara... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab diistimewakan hari ini. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pengumuman baharu ini ialah Belanjawan 2023, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) telah ditambah baik dengan meningkatkan dana jaminan pembiayaan daripada RM3 bilion kepada RM5 bilion untuk membantu pembeli rumah kali pertama terutamanya mereka yang tidak berpendapatan tetap.

Mulai 1 April 2023, kerajaan akan memperluaskan sasaran Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bagi merangkumi kedua-dua golongan berpendapatan tetap dan tidak tetap untuk memiliki rumah pertama mereka. Ikhtiar ini akan memberi manfaat khususnya isi rumah dalam kategori B40 dan M40.

Pengecualian sepenuhnya duti setem bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah dan pengecualian duti setem sebanyak 75 peratus untuk rumah bernilai lebih RM500,000 hingga RM1 juta.

Ini soal peluang pekerjaan. Jadi, kita mewajibkan semua pekerja sendiri untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri secara berperingkat. Ini kena bagi menjamin masa depan mereka. Kerajaan menanggung sebanyak 80 peratus daripada nilai caruman PERKESO bagi mengurangkan bebanan dan menggalakkan pekerja sendiri membuat caruman dalam Skim Pekerjaan Sendiri.

Mulai April 2023, jumlah had pelaburan individu Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 ditingkatkan kepada RM300,000 ketimbang RM200,000 sebelumnya.

KWSP terus dihebohkan oleh segelintir- saya faham, sebahagiannya ada kegelisahan. Akan tetapi, seperti mana yang saya sebut, tidak ada negara di dunia- faham ya? Tidak ada negara di dunia yang menggunakan wang simpanan pekerja atau pencen untuk keperluan semasa, terkecuali zaman COVID. Tak salah saya, Australia, Kanada, New Zealand dan satu dua buah negara lain. Dan selepas COVID, tidak ada negara lagi mengizinkan pengeluaran kerana ini menghukum mereka pada hari tua dan menghukum keluarga mereka.

Jadi, semasa COVID, saya di antara yang keras mendesak kerajaan meluluskan kerana dia tidak ada pekerjaan. Bukan sahaja tidak ada pekerjaan, dia tidak boleh bekerja kerana PKP yang terpanjang di dunia. Dia tidak boleh bekerja. Jadi, oleh yang demikian, dia carilah dana yang disimpan. Akan tetapi, bila keadaan sudah pulih, tidak boleh lagi kita

gunakan pendekatan yang sama, terutama kerana 70 peratus daripada kumpulan ini punyai RM10,000 dan kurang dan majoritinya Bumiputera dan Melayu.

Jadi, oleh yang demikian, kalau kita fikirkan kepentingan nasional, kita tidak politikkan hal ini. Tidak ada negara di dunia. Tentunya ada alasan yang munasabah mengapa dihalang. Ini kerana kalau dia akan pencen lima tahun, enam tahun lagi, ada simpanan RM5,000 untuk keluarga, itu suatu keadaan yang sangat parah.

Oleh sebab itu, kita mengambil jalan keluar dengan meluluskan bantuan-bantuan tambahan RM200, RM400 seperti mana yang saya umumkan. Itu kaedah sekarang.

Seperti mana yang saya sebut tadi, yang membenarkan pengeluaran dahulu adalah Australia, Peru dan Chile. Akan tetapi, tidak diteruskan lagi.

Dalam Belanjawan 2023 pada 9 Mac lalu, saya telah mengumumkan kemudahan untuk menggunakan baki simpanan dalam Akaun 2- itu lain ya. Ahli KWSP sebagai sokongan bagi mendapat pembiayaan daripada institusi perbankan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan tunai.

Setelah itu, saya diserang. Dia kata saya menggalakkan riba' kerana bagi minta orang pinjam. Inilah masalahnya. Bacalah dahulu kenyataan. Saya kata guna institusi kewangan dan kaedah pinjaman Islam dengan kadar perkhidmatan yang sangat rendah dan dana pokok itu tidak terganggu walaupun ada masalah kemudian dihadapi kerana bayaran itu daripada dividen kemudian.

Jadi, untuk maksud ini, saya jelaskan kerana ada kes. Umpamanya dia ada RM1 juta tetapi dia tak boleh mengeluarkan daripada akaun. Hanya dia ada masalah kerana anak dia belajar dan dia kena tampung kos pembelajaran anak dia yang belajar di luar negara. Dengan kes-kes berkecuali begitu, saya sudah minta KWSP memberi pertimbangan khas. Akan tetapi, tidak boleh diberikan sebagai suatu kelulusan tetap kerana ia akan memberi masalah dan bebanan kepada KWSP dan kepada keluarga yang berkenaan.

Baik, ini pengumuman baharu. Oleh sebab, saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada kategori, yang bila saya teliti, tidak dapat manfaat yang sama.

■1120

Kategorinya ialah sukarelawan termasuk RELA, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, sukarelawan polis dan sukarelawan bomba. Ia berbeza daripada pekerjaan tetap. Jadi, Polis Bantuan, itu tidak termasuk. Akan tetapi kategori sukarelawan ini, 200,000 orang yang tidak mendapat manfaat. Jadi, sukarelawan uniform, mereka juga menghadapi masalah menjelang Aidilfitri. Maka, saya setuju untuk memberikan sagu hati kepada mereka sebanyak RM300 bagi setiap sukarelawan ini... *[Tepuk]* Mudah-mudahan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu termasuk RELA, Yang Amat Berhormat?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya. RELA, sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, sukarelawan polis dan sukarelawan bomba. Seramai 200,000 orang, RM300 seorang.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas kesabaran mendengar dan mengucapkan selamat berpuasa Ramadhan... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menyampaikan ucapan pembentangan bajet atau Belanjawan 2023 seperti yang tertera dalam deskripsi atau huraian beliau sebentar tadi.

Yang Amat Berhormat mula dalam jam 10.32 pagi, sekarang jam 11.21 pagi. Jadi, mengikut apa yang diperlukan ialah ini telah dianggap sebagai mengemukakan rang undang-undang bagi bacaan kali yang kedua dan seterusnya memberi huraian, telah pun diberi huraian. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, ada sokongan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum itu, Dewan dengan segala sukacita mengucapkan selamat bertugas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam tugas beliau ke luar negara dan kita memberi laluan yang khas pada hari ini atas penghormatan dan persefahaman itu. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara lebih mendapat perhatian pada waktu-waktu akan datang, yang senarai ringkasnya telah pun kita sampaikan tempoh hari.

Justeru, Yang Amat Berhormat sekali lagi, berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan daripada kami dari Dewan Negara dan ini merupakan penghormatan yang kita telah rakamkan sebelum ini jua. *Wassalam* dan dengan itu, selamat bertugas di luar negara... *[Tepuk]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, saya hendak bertolak ke Negara China sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Harap membawa balik sebesar-besar kejayaan bagi Malaysia tercinta.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*. Selesai urusan tersebut dan sekarang timbul urusan yang baharu iaitu perbahasan kita. Agak unik juga sebab Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak menggunakan teks, satu.

Kedua ialah nota-nota yang sepatutnya kita ada mengambil catatan tadi dapat kita timbulkan dalam ucapan. Dalam senarai yang ada pada kita ialah 16 orang akan berucap.

Jadi, saya telah berunding dengan Setiausaha Dewan Negara, seorang diberi alokasi 20 minit. Diminta supaya kita mengambil nas-nas daripada belanjawan ini untuk kita bahas dan pohon sebagai perkara-perkara penting yang hendak kita timbulkan di kemudian masa.

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris merupakan pengucap pertama. Silakan.

11.24 pg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2023.

Terlebih dahulu saya ingin mengatakan bahawasanya *talking point* saya tertumpu kepada pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada sidang Dewan Rakyat yang lalu. Panjang sedikitlah Tuan Yang di-Pertua.

*Dewan Negara saya dipasak,
Titah Yang di-Pertuan Agong dijunjung kasih;
Tuan Yang di-Pertua bersongkok segar,
Pembahas pertama saya terpilih.*

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya hendak terus kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam resipi untuk kestabilan dan kemajuan ekonomi pasca COVID-19, yang paling penting ialah barangan keperluan untuk disajikan kepada rakyat supaya rakyat kita tidak kelaparan. Antara pelaksanaan segera kerajaan ialah menghentikan semua perbelanjaan pembangunan yang tidak membantu dan tidak kritikal. Contoh saya hendak bagi di sini Tuan Yang di-Pertua, *Arab Spring* atau kebangkitan rakyat Arab yang lalu pada tahun 2009. Punca utama ialah barangan keperluan mereka mahal dan perkara yang sama juga berlaku di Eropah. Rakyat memberontak dan tidak mustahil akan berlaku di negara kita kalau sekiranya kita tidak membendung daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mukadimah Bajet 2023 yang lalu- bukan hari ini, yang lalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil masa lebih kurang 20 minit hingga 30 minit. Pelbagai alasan diberikan kepada kita seperti beban hutang, kemerosotan pentadbiran juga disebut tadi, COVID-19, inflasi dan seterusnya Perang Rusia-Ukraine. Perkara ini biasa kecuali yang terbaharu hanyalah Perang Rusia-Ukraine.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Ekonomi, berapa peratus kita import barang keperluan dari Ukraine dan Rusia? Apakah ia merupakan pengimportan terbesar ataupun kecil?

Kita di Dewan Negara sebenarnya mahu melihat pihak kerajaan bertindak dan selesaikan masalah, bukan setakat kita hendak dengar korek cerita-cerita lama sehingga kerajaan hilang arah untuk mencari punca masalah sebenarnya. Sebaliknya pada hari ini yang nyata di hadapan kita, saya melihat keputusan kerajaan hanya dengan cara membuat percubaan dan lihat hasil, atau *try and error*, dengan izin.

BERNAMA melaporkan- Pengerusi BERNAMA ada. Pelabur asing terus meninggalkan pasaran ekuiti Malaysia setiap minggu, pun penjelasan daripada Menteri Ekonomi. Kenapakah mereka tinggalkan Malaysia? Ini menjurus kepada penanda aras kegagalan kerajaan dan akhirnya tenggelam punca untuk selesaikan masalah sebenar. Kita juga difahamkan inflasi makanan dan minuman naik lagi dalam bulan Mac. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan?

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, selisih tidak nampak. Apakah pelan kerajaan untuk kurangkan inflasi pada bulan April nanti? Ini soalan ditujukan kepada Menteri Ekonomi. Jelas di sini bukan Perikatan Nasional yang terduduk, tetapi sebenarnya rakyat yang terduduk. Ini Menteri Ekonomi kata.

■1130

Semalam, Yang Berhormat Menteri Ekonomi hadir menggulung perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong, dan kata saya tidak ada soalan. Saya hendak jelaskan di sini- *Hansard*, soalan saya, tiga soalan.

Tuan Yang di-Pertua, ada soalan mungkin pegawai terlupa ataupun mungkin Menteri tidak hendak jawab. Ini satu masalah kepada kita. Saya tidak pernah jumpa lagi Menteri macam ini. Menteri lain semua Menteri tidak kira Menteri beberapa buah kerajaan dahulu masuk dalam Dewan Negara, jawab soalan dengan tertib- 18 orang, sebut nama 18 orang. Semalam tidak disebut.

Lepas itu memperlekehkan kita, kita tidak ada soalan. Kita ada soalan khusus sebab Tuan Yang di-Pertua pernah pesan kepada saya, hendak buat soalan kena sebut. Saya sebut daripada Menteri Ekonomi tidak dijawab. Lepas itu "*TikTok*"kan saya, perlekehkan saya, perlekehkan Ahli Dewan Negara. Ini saya rasa tidak bagus.

Akan tetapi tidak apa, tata kelola ke laut. Saya dengar Yang Berhormat Menteri menyebut "tata kelola". Inilah contoh Menteri yang tidak bertata kelola dalam Dewan Negara.

Saya sudah lima tahun di Dewan Negara. Pelbagai halangan dan melihat Menteri menjawab, tenang tetapi semalam tidak.

Ramai kawan kita berbunyi, tidak apa. Kita teruskan Tuan Yang di-Pertua. Hari ini PMX merata keluar negara tetapi pelabur masih lagi angkat kaki dari Malaysia. Ke Arab baru-baru ini tidak dapat jumpa- difahamkan dengan Raja Salman dan Putera Mahkota. Ini memalukan negara.

Hendak jumpa Raja Arab ini bukan hendak jumpa seperti mamak pesembur, cakap boleh jumpa. Dia banyak protokol, kena kemas betul-betul temu janji, *fix appointment*, tidak boleh main sondol sahaja

Ini kesilapan yang besar diplomatik negara kita, dan kita rugi, memalukan negara, memalukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak salahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya salahkan Menteri yang menguruskan, memalukan kita.

Sepatutnya- Negara Arab ini negara yang besar, yang memberi pulangan yang lebih kepada kita contoh kuota haji, minyak masak dan sebagainya. Tidak ada dibentangkan sekarang. Jadi saya hendak minta pencerahan daripada Menteri Luar supaya memberi penjelasan di Dewan yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini- pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary dia tersenarai dalam 15 dalam kalangan individu terkaya di Malaysia.

Beliau banyak menyumbangkan anak bangsa seperti tubuhkan Yayasan Al-Bukhary dan membelanjakan lebih RM300 juta untuk aktiviti agama dan pendidikan rakyat. Beliau ada Universiti Al-Bukhary yang bagi bantuan pendidikan sebanyak RM664,000 setahun.

Apabila PM menegur, "BERNAS hisap darah, pesawah miskin", beliau terus membantu pesawah padi seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Kelebihan dia, orang Islam, orang Melayu- itu kelebihan yang dia ada.

Jadi saya hendak cadang di sini supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga boleh duduk semeja dengan taikun-taikun besar. Saya hendak bagi contoh seperti taikun gula, *Telco*, *Telecommunication* dalam negara kita, tepung gandum, telur dan baja untuk sumbang kepada rakyat, dengan jumlah yang tertentu.

Contohnya Robert Kuok Hock Nien, Ananda Krishnan kalau Perdana Menteri bincang seperti mana arahan perbincangan dengan Syed Mokhtar Al-Bukhary. Maka saya rasa pasti gula akan turun, *Internet* pun turun, *Telco* pun jadi murah.

Sekurang-kurangnya boleh membantu kurangkan kos sara hidup rakyat- yang penting untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Jadi kita minta Perdana Menteri juga pergi berjumpa dengan taikun-taikun ini supaya sama-sama memberi bantuan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi, PM pun sebut di sini apabila PM ada di Kemboja baru-baru ini Timbalan Menteri umum MOF tiada lagi perlepasan cukai kepada pencarum SSPN. Sedikit sahaja- masa Perdana Menteri tidak ada.

Skim ini menggalakkan ibu bapa untuk membuat simpanan demi pendidikan masa depan anak-anak. Dapat dividen sedikit, dapat menyimpan untuk dana kecemasan tetapi dihentikan.

Akan tetapi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana batal balik keputusan tersebut, *alhamdulillah*. Satu lagi pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membatalkan juga harga rumah, Skim Rumah Pertamaku dibatalkan tetapi hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri- diteruskan.

Ini saya rasa satu perkara yang kita harus puji kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertindak secara terbuka dan mendengar kritikan dan saranan daripada pihak Pembangkang yang membangkang dengan cara semak imbang yang terbaik. Saya rasa itu kita boleh beri sokongan padu kepada keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tujukan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Peruntukan Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM332 juta. Selenggara naik taraf dan bina kemudahan sukan sebanyak RM145 juta.

Saya hendak bagi tahu Daerah Marang, tempat saya masih ke terbelakang. Dari sudut pembangunan infra sukan. Pasukan olahraga apabila ada pertandingan, maka guru akan sewa di sekolah daerah di Kuala Terengganu. Maksudnya kita tidak mempunyai satu mini kompleks sukan kah, kompleks sukan kah, tidak ada.

Jadi saya hendak minta, hendak memohon sebahagian daripada peruntukan selenggara naik taraf untuk membina satu- trek. Naik taraf trek olahraga di sebuah sekolah di sekolah rendah di Marang. Saya sudah maklum kepada Timbalan Menteri dan sudah bagi *proposal*. Saya hendak kelulusan ini dibuat segera. *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya hendak pergi kepada Kementerian Pendidikan yang menerima peruntukan tertinggi iaitu sebanyak RM55.2 bilion berbanding RM52.6 bilion pada tahun 2022.

Daerah Marang juga Tuan Yang di-Pertua. Daerah Marang mempunyai 29 buah sekolah rendah dan 13 buah sekolah menengah tetapi masih belum ada satu pun sekolah sekolah berasrama penuh.

Jadi saya hendak minta jasa baik Yang Berhormat Menteri dan juga bekas Senator, Timbalan Menteri juga bekas Senator, supaya segerakan bina satu buah sekolah berasrama penuh. Kita mohon sekolah Menengah Sains MARA, tanah sudah ada, *complete*. Cuma kerajaan keluarkan bajet dan laksanakan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Tebatan Banjir yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Pada 2030 di peruntukan sebanyak RM15 bilion tetapi saya

tengok di Terengganu tidak ada, tidak ada. Sedangkan Terengganu setiap tahun berhadapan dengan musim tengkujuh. Sekurang-kurangnya selit satu.

Saya hendak tanya empat Projek Tebatan Banjir (RTB) di negeri Terengganu yang dirancang tahun 2010 dan telah diluluskan tetapi masih belum dilaksanakan iaitu:

- (i) Projek Sistem Saliran Banggo Air Lilih di Kuala Nerus;
- (ii) Sistem Saliran Padang Lebam di Bukit Payung;

■1140

- (iii) sistem saliran Bandar Baru Kerteh di Kemaman; dan
- (iii) projek membina dan menyiapkan sistem saliran dan kolam takungan di Alur Limbat, Marang.

Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada sebut fasa dua, peruntukan sebanyak RM8 bilion, menyediakan seratus peratus liputan di kawasan berpendudukan.

Akan tetapi malangnya, Yang Berhormat menteri penerangan sekat kebebasan media dan ugut keras terutamanya media sosial, *TikTok* dan sebagainya. Sekatan ini sebenarnya agak kejam kerana mereka ada yang disekat sehingga sepuluh tahun, tidak boleh aktif akaun *TikTok*.

Saya tidak faham apa masalah yang sebenarnya. Beberapa orang yang datang berjumpa dengan saya memaklumkan kepada saya tidak terbabit penyiaran seperti mengkritik ataupun meruntuhkan institusi diraja ataupun berlaku perkara-perkara yang *fake news*. Tidak berlaku, sekadar memakai baju, menyokong Perikatan Nasional, memakai baju Perikatan Nasional dan bercakap, menyokong parti Perikatan Nasional. Akan tetapi, dibatalkan selama sepuluh tahun.

Saya agak pelik, dan saya minta anak muda di luar sana teruskan, kita bersuara. Walaupun apa jua kekangan, inilah perjuangan anak-anak muda yang menyuarakan perasaan, yang menyuarakan pendapat, yang mengkritik kerajaan. Saya rasa kalau kita tengok dari sudut sebelah kanan, kritikan tersebut adalah kritikan yang sangat membina kepada kita. Mereka dalam kalangan usia lapan belas hingga dua puluh satu tahun, bukan tua macam kita. Saya ini pun tidak reti hendak main *TikTok* tetapi terpaksa, kena belajarliah.

Tuan Yang di-Pertua, disebut juga dalam bajet, kepada ahli yang berusia antara 40 hingga 54 tahun dengan simpanan KWSP kurang daripada RM10,000 dalam Akaun 1, kerajaan bersetuju untuk menambah caruman KWSP Akaun 1 sebanyak RM500.

Itu disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tiada satu pun dalam dunia ini yang mengeluarkan wang simpanan pada kala kita melepasi kegelapan. Akan tetapi pada saya, mereka yang hendak keluaran KWSP bersasar ialah mereka yang masih lagi dalam kegelapan. Kita boleh bagi

syarat, kita tidak boleh tutup sebab duit itu duit mereka. Bukan dalam kalangan B40, M40 pun terlibat.

Akan tetapi, malangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan supaya dicagarkan akaun KSWP kepada bank. Ini ramai yang tidak setuju. Saya kalau tengok, email saya beratus satu hari Tuan Yang di-Pertua, menolak cadangan tersebut. Jadi, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjawab hari itu menutup program ini, saya masih lagi ingin mencadangkan beberapa perkara.

Dalam sesi *Dialog Anak Muda: Temu Anwar di Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC) pada 19 Mac yang lalu, ada satu soalan daripada mangsa berkaitan dengan KWSP dijadikan cagaran dan pinjaman bank dan pengeluaran KWSP bersasar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, jawapan dia, pembangkang sengaja menjadikan isu pengeluaran KWSP bersasar sebagai strategi politik. Tidak betul.

Saya hendak katakan di sini tidak betul. Isu ini sebenarnya dimulakan oleh rakyat biasa dan NGO-NGO yang memperjuangkan isu-isu rakyat, bukan daripada parti politik. Beliau datang ke Dewan Negara pada kala saya menjadi Timbalan Presiden Majlis Senator untuk membawa isu ini. Mereka melihat isu ini adalah yang tergolong sebagai rakyat yang tercicir daripada segi ekonomi dan kelangsungan hidup yang masih terjerat dengan impak COVID-19.

Apabila pejuang-pejuang ini meminta kita memuatkan suara mereka, ia menjadi satu tanggungjawab kepada saya dan rakan-rakan lain. Kerajaan harus sedar, tuntutan KWSP bersasar bukan sahaja B40 tetapi M40 pun ada. Juga, bukan eksklusif pengundi Perikatan Nasional, mereka juga ada pengundi Pakatan Harapan, pengundi UMNO dan sebagainya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

Jika diperhalusi antara penyebab utama pengeluaran KWSP bersasar ini ialah untuk membayar hutang. Membayar hutang yang tertunggak sebenarnya, bukan hendak belanja hari-hari. Takkan hendak bayar hutang, kita kena berhutang? Mangsa kena berhutang. Tidak wajar langsung apa yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya hendak bagi cadangan. Sekiranya kerajaan bersetuju untuk keluarkan KWSP bersasar, maka saya ada beberapa cadangan kepada pihak kerajaan.

Pertama, untuk mereka yang kembali bekerja tetapi kini bekerja dalam sektor ekonomi *gig*, di mana rata-rata tidak mempunyai skim caruman KSWP. Ekonomi *gig* tidak ada skim caruman KWSP. Kerajaan boleh mewajibkan kewujudan satu jenis skim khas caruman KWSP untuk sektor ini dan memberi insentif seperti pelepasan cukai dan sebagainya untuk memudahkan syarikat sektor ekonomi *gig* melaksanakan skim ini.

Kedua, untuk mereka yang memilih pengeluaran KWSP yang bersasar sekarang, kerajaan boleh menimbang untuk mewujudkan satu skim khas untuk mengubah pengeluaran

penuh umur 50 hingga 55 tahun kepada mewajibkan pengeluaran sebahagian secara anuiti tetapi tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah simpanan setahun untuk lima tahun. *Insyallah*, ia akan membantu menambah dividen KWSP sekali gus menambah simpanan pada usia 60 tahun.

Satu lagi cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Ekonomi. Yang Berhormat Menteri Ekonomi, kita minta menilai semula cadangan IPR yang berjumlah RM750 juta yang dibentang dalam Belanjawan 2023, baru-baru ini dan menggunakannya untuk melaksanakan program pemulihan pendapatan kategori rakyat yang tercicir dan menggalakkan mereka membuat caruman KWSP secara suka rela. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis masa. Boleh terus?

Timbalan Yang di-Pertua: Lama lagi tidak?

Datuk Razali bin Idris: Ada satu kes lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Boleh ya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terakhir, MRSM berbayar. Menurut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, kerajaan akan menggunakan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk membiayai MRSM berbayar dan memberi jaminan tidak akan menggunakan dana kerajaan. Banyak diperkatakan di luar sana berkenaan MRSM yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Walaupun cadangan yang sekilas pandang, kita lihat sebagai satu inovasi yang hebat tetapi beberapa persoalan perlu dijawab sebelum ia diteruskan.

Pertama, adakah pelan niaga untuk MRSM berbayar sudah lengkap dan boleh dikongsi dengan pihak berkepentingan dan pemegang-pemegang taruh?

Kedua, berapakah kos yang diperlukan untuk membina MRSM berbayar dan kos operasi yang diperlukan sebelum projek ini balik modal ataupun memberi keuntungan?

Siapakah yang akan membina MRSM berbayar ini? Dan apakah terma dan syarat yang dikenakan kepada MARA?

■1150

Keempat, adakah akan ada apa-apa risiko yang ditanggung oleh MARA berkenaan dengan pembiayaan pembinaan MRSM berbayar ini? Contohnya, memberikan jaminan untuk peminjam.

Kelima, berapa yuran tahunan yang akan dikenakan kepada setiap pelajar, dan jumlah pelajar yang diperlukan untuk memastikan MARA tidak perlu menanggung apa-apa kos?

Dan yang terakhir, adakah kajian pasaran telah dibuat berdasarkan yuran yang akan dikenakan dan jumlah pelajar yang diperlukan untuk memastikan memang wujud permintaan yang mencukupi untuk MRSM berbayar ini?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tahu MRSM berbayar ini diutarakan kerana untuk menutup isu orang politik tidak boleh memegang *company* GLC, tetapi kita *move on*. Kita tidak fikir fasal itu. Kita fikir untuk kepentingan negara. Jadi, sebelum dirumuskan, perlu perbincangan yang detil.

Sekali lagi, saya memang tersangat antimonopoli, tetapi bukan terpilih. Hari ini, kerajaan hanya beri tumpuan sepenuhnya kepada Syed Mokhtar. Bermula dengan beras, selepas itu satu lagi PUSPAKOM. Saya bersama dengan Menteri Pengangkutan. Saya nampak beliau bersungguh-sungguh untuk hapuskan PUSPAKOM dari zaman PH memerintah 22 bulan yang lalu. Akan tetapi, malang pada ketika itu, tender sudah dibuka tetapi tidak ada yang mampu untuk menguruskan projek sebesar, seperti mana PUSPAKOM.

Jadi, di situ kerajaan bagi balik eksklusif kontrak kepada PUSPAKOM. Di sini saya tidak nampak ada monopoli. Ini merupakan satu projek eksklusif yang orang lain tidak mampu. Akan tetapi, hari ini keluar balik. Memang, saya rasa kali ini dia berjaya.

Cuma, saya hendak cadang di sini. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, tengokkan juga monopoli MyEG yang *founder* dia bukan Syed Mokhtar, dan bukan Melayu. Boleh *Google*, *check* siapa dan *market capital* mencecah RM5.4 bilion yang tamat pada 23 Mei 2023. Apakah bentuk perniagaan dia? Perniagaannya iaitu pembaharuan Cukai Jalan semua kenderaan dan Lesen Memandu. Mudah sahaja. Kita pun boleh buat, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kesimpulan saya sangat mudah. Bajet 2023 yang terlaksana bukan untuk membangun negara, tetapi lebih kepada membalas dendam kepada Bumiputera serta pastikan Bumiputera yang liberal, *civil society* memperoleh segala keuntungan, seterusnya menghapuskan hak Bumiputera dan Islam secara halus dalam tempoh maksimum 15 tahun lagi, *insya-Allah*.

Dengan itu, saya menutup perbahasan saya dengan *wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah berbincang dengan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dan mereka bersetuju melantik Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Pengerusi Khazanah Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris atas perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang kedua, Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook. Dipersilakan

11.54 pg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pembahas kedua ada 20 minit dan lima saat telah berlalu. Kita cuba ambil masa yang sesuai untuk sampaikan

apa yang hendak disampaikan. Cuma, malangnya, saya menjangkakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan duduk sekejap, tetapi oleh sebab tugas rasmi demi negara, tidak apa. Kita sampaikan juga mesej ini kepada semua yang mendengar termasuklah wakil-wakil Perdana Menteri.

Pertama sekali, kita hendak ucapkan syabas kepada Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet dan bajet tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat. Giliran kita untuk menimbang dan meluluskannya, sekiranya kita dapati sesuai untuk diluluskan. Cuma, dalam ruang untuk kita berbahas ini, saya ingin menyampaikan beberapa perkara untuk kepentingan terutamanya masyarakat Siam dan juga golongan minoriti.

Pertama sekali ialah tentang jawatan Timbalan Menteri Agama. Saya telah bangkitkan ini sejak tahun 2021 dan inilah PM kedua yang saya bangkitkan, dan saya juga telah menghantar surat kepada kedua-dua mereka dan juga saya telah mengutus surat pada Istana Negara memohon pertimbangan Tuanku untuk berbincang dengan Perdana Menteri. Ini kerana saya dapati jawatan Timbalan Menteri Agama ini yang akan mengambil kira kepentingan 40 peratus rakyat Malaysia ini wajar diwujudkan kerana saya melihat inilah negara yang agak unik dan perlu kita hormati keunikan tersebut dengan menyediakan satu jawatan.

Saya tidak pasti apa yang akan dilakukan oleh menteri berkenaan tetapi kita adakan dahulu. Saya melihat inilah peluang seumur hidup untuk Perdana Menteri untuk melantik dan merealisasikan apa yang semua orang harap dengan Kerajaan Madaninya, dengan keterangkuman dan sebagainya. Ini sesuatu yang kecil tetapi satu *touch point* yang sangat besar kepada kerajaan. Percayalah, kosnya tidak tinggi dan kalau katakan impaknya, saya rasa lebih daripada berbaloi.

Kita perlu ingat bahawa kalau kita lihat sesuatu yang tidak betul dan kita tegur, itu sudah baguslah. Kalau kita biarkan begitu sahaja, sama juga kita dengan orang sebelumnya. Jadi, kalau kerajaan dahulu-dahulu tidak buat benda macam ini dan kita tidak juga buat, kita sama sahajalah. Akan tetapi, kalau untuk kita lebih baik dan kita tidak gunakan peluang tersebut, kita mungkin lebih teruk daripada yang sebelum ini. Itu saya punya pandangan.

Jadi, saya harap dan saya rasa rakan-rakan di Dewan Negara ini pun boleh bersetuju dengan saya. Ini kerana jika kita cabar sesama kita, ada tidak alasan yang boleh kita sama-sama terima bahawa cadangan ini tidak sesuai langsung untuk negara kita? Kongsilah dengan saya supaya saya boleh diam. Kalau tidak, saya akan terus menyalak macam- apa? Anjing tunggal? Anjing tunggal menyalak bukit tengah malam. Ini kerana saya rasa ini sesuai untuk kerajaan lakukan.

Kita tengok di Indonesia. Menteri agamanya dengan bangganya mengatakan, "*Saya Menteri Agama Indonesia, menteri agama kepada semua agama di negara Indonesia.*".

Mengapakah kita tidak boleh buat macam itu? Apakah salahnya? Di manakah kesilapannya? Saya harap Perdana Menteri dapat menimbangkannya.

Yang kedua, dalam bajet yang lepas- yang lepas maksudnya bukan baharu ini tapi yang sebelum ini yang telah tidak dibincangkan dan sebagainya. Saya dimaklumkan kerajaan masa itu telah menyediakan RM10 juta untuk tujuan kebudayaan dan bahasa ibunda masyarakat Siam dan minoriti yang lain. Saya juga dimaklumkan tentang bajet ini pun ada RM10 juta tersebut. Akan tetapi, malangnya, kita tidak tahu macam mana bajet tersebut akan diuruskan.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan. Peruntukan sebanyak RM10 juta- harap ada lah tersebut untuk tujuan kebudayaan dan bahasa ibunda minoriti dan masyarakat Siam itu, siapakah yang mentadbirkannya? Apakah syarat-syarat untuk menggunakannya?

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya- masyarakat Siam ada Persatuan Siam Malaysia yang boleh dijadikan rakan strategik dalam urusan ini kerana mereka lebih maklum tentang keperluan setempat dan juga taburan penduduk-penduduk di seluruh negara dan mereka juga turut menguruskan sekolah-sekolah bahasa ibunda di tempat masing-masing. Jadi, harap benda ini diambil perhatian.

■1200

Kedua, tentang MOF juga ialah peruntukan khas untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Kita- semua sedia maklum, di Dewan Negara kita ini ada tiga Jawatankuasa Pilihan Khas. Pertama, yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. Kedua, oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Ketiga, yang saya mempengerusikan. Antara tugas-tugas kita ialah untuk mengadakan *engagement* ataupun libat urus dengan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk kita membuat rumusan dan membentangkan cadangan kepada kerajaan.

Jadi, dalam usaha kita melaksanakan tugas tersebut, kita perlu ada sesi libat urus, bertemu dengan pihak berkepentingan. Contoh, jawatankuasa yang diketuai oleh saya Jawatankuasa Pilihan Khas Komunikasi Sosiobudaya dan Pendidikan, kita pernah mengadakan pertemuan dengan pihak PIBG, pihak-pihak sekolah dan sebagainya. Jadi, sesi-sesi tersebut perlukan kos. Jadi, pihak Parlimen perlukan peruntukan dan diharap peruntukan yang sama yang pernah diberikan pada tahun 2021 dapat diberikan pada tahun ini iaitu sebanyak RM15 juta jika tidak dapat lebih pun, kalau lebih lagi baguslah.

Kepada Kementerian Kerja Raya, ini macam kita guna stail sebut siapa dia punya bapa, senang sikit. Kalau tidak, tiada siapa yang mengaku. Contohnya ada banyak Ahli Yang Berhormat yang baharu kita yang berfalsafah macam-macam, bagus kita dengar, tetapi penghujungnya tiada siapa yang menyahut. Sekarang ini kita buat cara, kita sebutkan siapa

bapanya, baru kita sebut apa anak dia buat, senang bapanya bertanggungjawab. Kalau tidak, semua tidak mengaku anak.

Jadi kepada Kementerian Kerja Raya, saya tidak pasti sudah pindah bapa tidak, iaitu Jalan Kok Seraya, Kampung Terbak di Tumpat. Dulu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar masa saya cadangkan atau supaya ambil tindakan sewajarnya terhadap kes kesesakan lalu lintas jalan kampung tersebut. Jadi, saya difahamkan projek tersebut telah menjadi realiti dan telah dipindahkan kepada Kementerian Kerja Raya. Saya mohon jawapan daripada Kementerian Kerja Raya, apakah tindakan yang sedang dan akan dibuat? Jika ada projek itu menjadi realiti, apakah carta perbatuannya? Bila akan mula, bila akan siap dan sebagainya.

Kedua, tentang Kementerian Kerja Raya juga iaitu Jalan Gerik-Jeli. Saya dulu pernah bertugas di Jeli, balik ke Kelantan hari-hari atau minggu-minggu lalu jalan Lebuhraya Hubungan Timur-Barat Gerik ke Jeli tersebut. Jalan itu panjang, orang tidak ramai. Jadi, kos penurapannya agak tinggi, kadang-kadang dibiarkan sedikit. Jadi, kebelakangan ini benda itu agak terbiar, lopak-lopak banyak.

Saya hendak mohon penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya, apakah perancangan kementerian untuk menurap semula atau membaik pulih lopak-lopak tersebut supaya jalan itu boleh digunakan? Ini kerana kalau katakanlah jalan itu semakin teruk, laluan antara Kelantan dan Kedah lebih mudah kalau kita pergi ikut Thailand kerana di sana jalannya ada kawan mengatakan, 20 kali- ganda lebih bagus dari Jalan Timur-Barat kita. Jadi agak orang kata, tidak malu pun, aiblah sedikit.

Jadi, saya cuba hendak- aib kita sesama kita. Kenapakah kita tidak buat? Cubalah tengok supaya orang Kedah dan Kelantan boleh lalu jalan itu tanpa pergi ke Thailand. Terima kasih.

Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, semalam Timbalan Menteri ada menjawab tentang apa yang saya bahas tentang kursus pra-perkahwinan, mengatakan bahawa kementerian sedang menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji dan akan membentangkan kepada Jemaah Menteri. Saya nampak itu kalau diringkaskan, tiga hari boleh siap. Akan tetapi kalau dipanjangkan, tiga tahun pun tidak siap.

Jadi, saya tidak mahu mengomen ataupun mengatakan apa-apa tentang proses kerja kerajaan, tetapi cuma saya harap benda ini dapat disegerakan. Kita tidak mahu orang kata ibarat terlalu lama kita memilih hendak buat kandang besi, kandang kayu, tengok-tengok lembu sudah terlepas sudah. Itu yang saya hendak pesan situ. Saya haraplah kalau di sesi Dewan Negara yang akan datang itu, kita dapat jawapan yang lebih positif daripada kementerian.

Satu perkara lagi di Kementerian Perpaduan, ini untuk Kementerian Perpaduan. Masyarakat Siam ada lebih kurang 102 buah *wat*- dipanggil iaitu tempat rumah ibadat

masyarakat Siam yang beragama Buddha dan Theravada. Akan tetapi, setiap *wat* ini ada jawatankuasanya sendiri. Ada yang menubuhkan secara berdaftar dan ada yang tidak. Akan tetapi atas urusan menguruskan *wat*, mereka ada lah jawatankuasa mereka.

Kementerian Perpaduan ada juga menyediakan bantuan untuk menyelenggarakan *wat-wat* yang memerlukan, tetapi syaratnya *wat* tersebut mesti berdaftar dengan ROS, dengan pendaftar pertubuhan. Jadi, ini timbul masalah kerana *wat* tersebut telah wujud sekian lama, berpuluh-puluh tahun tanpa perlu berdaftar. Jadi, ramai yang merasakan tidak perlu.

Jadi, apabila tidak berdaftar, mereka tidak layak untuk mohon bantuan tersebut. Saya pernah mencadangkan kepada kementerian sebelum ini supaya kementerian mengiktiraf *wat* tersebut dan melantik pengerusi dan juga jawatankuasa induk *wat* tersebut supaya itu menjadikan rasmi dan mereka boleh menggunakan pelantikan tersebut untuk membuka akaun di bank atas nama *wat* berkenaan.

Ini kerana kalau wang kerajaan tidak boleh disalurkan kepada akaun individu, cuma akaun yang berdaftar. Jadi, kita menggunakan kaedah ini untuk membolehkan mereka memohon bantuan daripada Kementerian Perpaduan.

Jadi, saya ingin merujuk perkara ini sekali lagi kepada Menteri Perpaduan yang baharu supaya mengambil tindakan ataupun boleh berbincang bagaimana kita boleh menyelesaikan ini, dan adakah cadangan saya itu masuk akal? Sekiranya tidak, apakah penambahbaikan yang perlu saya berikan? Adakah jalan alternatif yang lain untuk kita selesaikan masalah ini?

Ini kerana kita tidak boleh memaksa mana-mana pihak untuk- contohnya, pihak *wat* untuk berdaftar. Itu hak peribadi mereka. Cuma, sebagai rakyat Malaysia, mereka juga layak untuk mendapat bantuan. Macam mana kita di pihak kerajaan ini mencari jalan untuk membantu mereka kerana kalau kita saling bertembung, berkeras, kita tidak akan ke mana. Dua pihak akan kerugian.

Kepada Kementerian Komunikasi dan Digital, saya rasa ini semua orang sebut kementerian ini, *famous* juga. Di bawah Jawatankuasa Pilihan Khas yang saya mempengerusikan, salah satu aspek ialah komunikasi. Dalam komunikasi tersebut, timbullah pelbagai aduan dan sebagainya. Kita pernah berinteraksi dengan pelbagai persatuan pengguna dan kita telah kemukakan kepada kementerian untuk respons.

Banyak respons yang kita terima- dalam perancangan, dalam perancangan, dalam perancangan. Jadi, saya harap contohnya, menara pemancar ada terpacak di kampung, tetapi *signal* tidak ada. Rupanya, menara tersebut dimiliki oleh satu buah syarikat telekomunikasi. Jadi, yang lain tidak boleh menumpang. Kalau hendak menumpang pun, ada lah syarat-syaratnya.

Untuk membina baharu, agak sukar untuk meyakinkan syarikat itu. Dia kata, kawasan itu tidak ramai penggunaanya. Jadi, mereka menggunakan ekonomi atau pun keuntungan sebagai asas untuk buat pertimbangan.

Jadi, saya rasa inilah peluang untuk kementerian mengambil pendirian sebagai kerajaan kepada semua rakyat untuk memastikan syarikat-syarikat ini melakukan sesuatu untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat.

Saya ambil contoh, kalau dikatakan di Tumpat itu, ada pensyarah yang terpaksa keluar ke bandar semata-mata untuk membuat kelas *online* dia semasa COVID-19 tempoh hari. Di rumah dia, di kampung tidak boleh. Di Tumpat itu, tanahnya rata. Semuanya bendang. Kalau ada bukit tinggi, bolehlah ada alasan. Akan tetapi tanahnya rata, kenapakah tidak boleh ada *signal* yang cukup untuk penduduk di sekitar itu menikmati kemudahan *internet* dan juga kemudahan lain yang diberikan?

■1210

Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil tindakan. Satu perkara lagi yang juga kita terima aduan daripada orang ramai dan daripada pihak pengguna ialah di mana kad-kad, *SIM card*, kad SIM itu yang dibeli oleh orang ramai itu, ia punya kontrak yang ditetapkan itu selama dua tahun.

Jadi, ada yang mengatakan kontrak dua tahun itu terlalu lama. Saya faham bahawa syarikat perlukan ikatan supaya pengguna tidak kejap ke sini dan kejap ke sana. Akan tetapi, adalah wajar pihak kementerian meneliti perkara ini supaya kontrak tersebut ada tempoh di mana ada tempoh percubaan. Contohnya katakan saya membeli *SIM card* Syarikat A. Kemudian, duduk dua bulan saya tidak suka kerana perkhidmatan tidak bagus. Saya hendak tukar ke syarikat lain.

Jadi, tidak perlulah ikat saya selama dua tahun dan saya terpaksa merana selama dua tahun menggunakan syarikat yang perkhidmatannya tidak bagus. Jadi, pihak kementerian diharap dapat meneliti perkara ini dan sekiranya sudah ada *improvement*, beritahulah kepada umum bahawa kontrak dua tahun itu telah tidak ada lagi. Orang ramai bebas untuk menggunakan dan menukar syarikat bila-bila masa.

Ini kerana kita dapati bahawa walaupun ada kes-kes di mana nombor yang sama boleh ditukar syarikat pemberi perkhidmatan tetapi proses untuk menukar itu, kadang-kadang menyukarkan. Ia tidak semudah yang kita jangka. Jadi, saya harap perkara ini dapat diumumkan kepada rakyat kerana itulah sebab saya fikirkan *the touch point*, sentuhan yang kerajaan perlu berikan kepada rakyat.

Inilah caranya. Bukan hendak mengajar tetapi hendak beritahu respons daripada rakyat bahawa kalau rakyat boleh tentukan atau setiap kementerian carikan *touch point*, *touch point* yang sesuai untuk kita laksanakan segera, saya rasa itu akan ada apresiasi daripada rakyat. Jika tidak, rakyat tidak akan nampak hasilnya dan kerajaan pun tidak dapat belanjakan duit banyak-banyak tetapi tidak mendapat faedah. Rakyat pun tidak dapat faedah daripada kerajaan.

Jadi, saya harap perkara-perkara tersebut yang telah saya nyatakan itu sebahagiannya dapat diambil tindakan ataupun kesemua itu dapat diambil tindakan. Sekiranya ini cara saya berinteraksi, sekiranya mana-mana ini tidak dapat dilaksanakan tolong jelaskan mengapa. Ini kerana setiap perkara ini mesti ada cara untuk menyelesaikannya. Sehingga- kalau kita tidak tentukan atau dapat kenal pasti apa sebabnya, sehingga bila-bila kita tidak boleh selesaikan.

Jadi, kami harap kementerian dapat menjawab sebaik mungkin dan sekiranya ada perlu untuk kita bincang, jemputlah saya. Saya ingin berbincang dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab tentang perkara-perkara yang saya bangkitkan ini. Ini kerana itu satu cara untuk kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Jika tidak, kita membuang masa antara satu sama lain. Yang bercakap pun membuang masa, yang benar pun membuang masa dan pegawai yang duduk mencatat di bilik-bilik itu membuang masa. Penghujungnya, tidak ada apa-apa kecuali gaji bulan, kan? Tidak adil itu. Okey, terima kasih banyak-banyak. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Akinan a/l Ehtook atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair untuk menyampaikan perbahasan. Dipersilakan.

12.14 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya terlebih dahulu merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2023 yang memaparkan keutamaan dan komitmen Kerajaan Malaysia Madani dalam memperbaharui hala tuju negara kami yang tercinta.

Kita memerlukan pembaharuan fokus dalam menghadapi cabaran global yang semakin tidak menentu. Dengan adanya belanjawan ini, saya berharap ini akan menghantar satu mesej yang jelas, benar dan nyata, *Malaysia is open for business and we are ready to compete*, dengan izin.

Tanpa melengahkan masa, terdapat beberapa perkara yang saya ingin tekankan dalam perbahasan saya berkaitan dengan Belanjawan 2023. Pertama sekali, berkaitan dengan Ikhtiar 7 iaitu mengutamakan agenda digital yang disebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya kemudahan internet untuk rakyat.

Ya, benar. Kemudahan internet merupakan asas kepada agenda digital tetapi izinkan saya mengingatkan pihak Kementerian Ekonomi dan Kementerian Komunikasi Digital bahawa pendekatan memastikan rakyat diperkasakan untuk menggunakan perkhidmatan talian adalah berbeza mengikut negeri dan generasi. Sebagai contoh, kemudahan perbankan dalam

talian atau yang kita biasa panggil *online banking*, diakui membantu kita dalam melakukan pelbagai urusan perbankan.

Selain memudahkan kita untuk melakukan pelbagai transaksi termasuk pindahan bayaran perkhidmatan perbankan dalam talian juga memudahkan kita untuk menyemak penerimaan wang termasuk pendapatan bulanan seperti pencen. Namun begitu, perkhidmatan perbankan dalam talian bukanlah keistimewaan bagi sesetengah warga emas yang menetap di desa.

Bagi mereka, tunai atau *cash* merupakan satu-satunya medium pembayaran yang komprehensif untuk mereka melakukan pembelian harian. Saya ingin bertanya apakah pendekatan yang sedang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan mereka mampu juga mempergunakan perkhidmatan perbankan di talian.

Selari dengan isu itu, izinkan saya berkongsi pemerhatian bahawa kewujudan bank-bank di kawasan desa dan pedalaman ini juga terhad kepada bank-bank kerajaan seperti AgroBank, Bank Rakyat dan BSN. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan apakah garis panduan terkini dalam memastikan pembukaan mesin ATM oleh bank swasta dalam kawasan-kawasan tersebut?

Ketiadaan bank swasta di kawasan desa dan pedalaman membangkitkan isu pengenalan caj perkhidmatan bagi pengeluaran wang tunai daripada mesin ATM bank-bank yang berbeza. Ini mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan pengguna desa dan pedalaman.

Berhubung hal tersebut, saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mempertimbangkan satu, pelaksanaan pengeluaran tunai tanpa caj di semua mesin ATM khususnya yang disediakan di pekan-pekan kecil yang berdekatan dengan kawasan kampung dan pedalaman. Pemansuhan caj tersebut wajar dibuat bagi aktiviti pengeluaran tunai yang menggunakan kad ATM bank yang berbeza dengan bank yang menyediakan servis-servis ATM.

Kedua, mewujudkan garis panduan bagi memastikan perkhidmatan mesin ATM di kawasan luar bandar merupakan kewajipan bukan sahaja bank kerajaan tetapi juga bank swasta. Masalah tersebut sering diadukan kepada saya setiap kali saya menghadiri sesi-sesi pertemuan mahupun majlis yang melibatkan masyarakat luar bandar di Negeri Sembilan. Bayangkan perkara ini merupakan sesuatu yang dialami oleh negeri saya sendiri, Negeri Sembilan. Apatah lagi, negeri-negeri yang mempunyai saiz geografi dan kawasan desa yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, agenda Malaysia Madani yang menekankan rukun insaniah perlu dijulung dalam aspek perkhidmatan kesihatan rakyat. Oleh itu, perkara yang saya ingin bangkitkan adalah berkaitan dengan sektor kesihatan khusus perbelanjaan rawatan. Seperti mana yang semua di sini sedia maklum, sektor kesihatan awam dilaporkan sedang

menghadapi krisis kesesakan pesakit dan kekurangan pekerja perubatan seperti doktor, jururawat dan ahli-ahli farmasi.

Perkara ini menjejaskan kualiti perkhidmatan perubatan yang diterima rakyat khususnya bagi mereka yang tidak mampu ke hospital swasta. Bagi kita yang mempunyai insurans perubatan atau *medical card*, soal perbelanjaan bukan perkara yang menjadikan kerisauan kerana semua kos yang melibatkan rawatan serta perubatan pesakit dibiayai oleh syarikat insurans.

■1220

Bagaimanakah pula dengan nasib rakyat yang terpaksa mendapatkan rawatan di hospital swasta ekoran kesesakan di hospital awam tetapi tidak mempunyai insurans kesihatan? Hal tersebut sewajarnya diberikan perhatian serius oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sehubungan dengan itu, apakah status penggubalan kertas putih berkaitan reformasi sektor kesihatan awam dan adakah ia akan memberikan penyelesaian kepada ini? Saya memohon jawapan terperinci berkaitan perkara ini. Jika perkara ini masih sedang diperbincangkan, saya memohon untuk mencadangkan penyelarasan kos rawatan swasta dan awam. Ia harus disamakan dan satu skim insurans universal diwujudkan untuk kebajikan semua rakyat.

Dengan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia boleh memfokuskan kepada mewujudkan ekosistem perkhidmatan kesihatan negara yang bersifat holistik, tanpa mengira swasta mahupun awam. Jika dilaksanakan dengan teliti dan betul, perkara ini mampu menyelesaikan pelbagai tunjang masalah yang dihadapi sektor perubatan awam daripada kesesakan wad, kepada pengurusan sumber manusia KKM dan banyak lagi.

Sehubungan dengan itu, saya minta Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi sokongan eksekutif daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan agar dapat mewujudkan satu jalinan kolaborasi jangka panjang antara KKM dengan sektor kesihatan swasta dalam merealisasikan cadangan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ikhtiar 11 dalam ucapan belanjawan juga menyentuh kepada jaminan keharmonian dan perpaduan. Mengambil iktibar daripada semangat perpaduan yang diterapkan dalam pembentukan Kerajaan Persekutuan hari ini, saya ingin bertanya pada Jabatan Perkhidmatan Awam. Apa peratusan komposisi kaum dalam sektor perkhidmatan awam mengikut kementerian, agensi, dan jabatan? Saya memohon pecahan terperinci berkaitan golongan suku kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Adakah usaha yang dilakukan untuk memastikan penyertaan semua kaum termasuklah kaum bumiputera, minoriti, kaum Cina dan India dalam perkhidmatan awam?

Biar saya jelaskan permintaan saya sebelum ada sebarang perselisihan fahaman. Bagi saya perkara ini yang jelas bahawa kepentingan kaum Bumiputera dalam komposisi

sektor perkhidmatan awam harus dipertahankan. Kaum bumiputera seharusnya terus menjadi pihak majoriti dalam sektor ini. Ini kerana untuk memastikan kesamaan dan kejayaan sesebuah negara, pihak kaum majoriti seharusnya berasa mereka terlibat dan adalah sebahagian penjawat awam.

Akan tetapi, atas alasan yang sama, terdapat juga keperluan untuk memastikan perspektif dan pandangan kaum bukan bumiputera tidak ketinggalan dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan inisiatif kerajaan. Saya memahami perkara ini merupakan isu sensitif dan niat saya bukanlah untuk membuka kontroversi. Akan tetapi untuk kita berbincang serius keperluan untuk memastikan penglibatan semua kaum dalam sektor awam demi kemakmuran bersama.

Sehubungan dengan itu, saya mempunyai cadangan yang akan memastikan kesemua kepentingan kaum terjamin. Saya ingin mencadangkan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertimbangkan penetapan sasaran penglibatan kesemua kaum di Malaysia dalam sektor perkhidmatan awam. Biarlah 70 peratus perjawatan awam diisikan mengikut kuota perkauman yang kita mencerminkan komposisi kaum dalam populasi di Malaysia.

Untuk memastikan meritokrasi juga terjamin, 30 peratus perjawatan awam hendaklah diisikan berdasarkan kebolehan dan bukan kuota perkauman. Jabatan Perkhidmatan Awam harus diberikan mandat untuk memantau peningkatan penyertaan kaum-kaum secara berperingkat sehingga ia mencapai nisbah formula tersebut.

Kehadiran kesemua kaum dalam perkhidmatan awam mampu menjamin keharmonian berterusan di antara kaum yang menyangkal tohmahan tidak berasas bahawa kerajaan hanya mementingkan sesetengah pihak sahaja. Negara Malaysia dibina dengan semangat perpaduan. Dengan cadangan formula nisbah ini, akan terus makmur dengan perpaduan yang bertunjangkan meritokrasi sambil mengimbangkan kepentingan kaum Bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2023, penekanan juga telah diberikan kepada peningkatan keupayaan dan kemahiran anak muda untuk mendapatkan gaji sewajarnya. Saya ingin memfokuskan perbincangan hari ini kepada sektor perladangan terutama sektor kelapa sawit. Kerugian kira-kira RM20 bilion yang dialami oleh sektor sawit negara pada tahun lalu telah menjelaskan lagi hakikat bahawa keperluan terhadap sumber manusia dalam sektor-sektor penting tidak boleh dipandang ringan oleh kerajaan.

Cabaran serta kekangan untuk mendapatkan pekerja asing bagi menampung keperluan tenaga kerja dalam sektor perladangan seharusnya dijadikan sebagai peluang. Kementerian Perladangan dan Komoditi harus memperkukuhkan usaha untuk memodenkan peralatan dan kaedah penanaman dan pemprosesan di sektor ini. Biarlah pemodenan ini membawa kepada anak tempatan tidak lagi melihat pekerjaan di sektor ini sebagai pekerjaan “3D” dengan izin, *“dirty, dangerous and demeaning.”*

Kementerian Sumber Manusia pula seharusnya melaksanakan pelbagai inisiatif yang boleh mempersiapkan pekerja tempatan dengan kemahiran untuk menjayakan kaedah dan peralatan teknologi moden baharu ini. Sampai bila kita hendak harapkan tenaga kerja asing untuk mencurah keringat dalam sektor “3D” di negara ini, sedangkan ramai di kalangan rakyat miskin di luar bandar yang sedang mencari peluang pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka?

Kebergantungan sektor “3D” tempatan terhadap pekerja asing boleh dikawal sekiranya penyertaan rakyat tempatan dalam sektor tersebut dapat dinaikkan. Ia dapat dicapai menerusi pelaksanaan latihan kemahiran kerja oleh pemain-pemain industri di samping penyediaan insentif galakan sokongan yang disediakan oleh agensi atau syarikat berkaitan kerajaan seperti FELDA dan FELCRA.

Berkaitan dengan sektor perladangan, saya juga ingin menekankan kepada masyarakat kaum India di kawasan estet. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan Yang Berhormat Menteri Perladangan dan Komoditi juga telah menyedari hakikat bahawa masalah pengangguran dalam kalangan masyarakat India terutamanya di kawasan estet semakin membimbangkan. Utamakanlah usaha di atas kepada anak tempatan yang menetap di estet khususnya kaum India. Pertimbangan cara mereka boleh dilibatkan supaya dapat memanfaatkan inisiatif-inisiatif yang sedang dijalankan.

Jikalau boleh berkaitan nasib kaum India, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menerusi kerjasama antara kementerian lain menyediakan tanah lapang dengan keluasan sekitar tiga ekar hingga lima ekar untuk diusahakan oleh kaum India di luar bandar yang ingin mengubah nasib hidup mereka. Gunakan mekanisme dan *Temporary Occupation Licence* (TOL) untuk memastikan kemapanan usaha pertanian dan penternakan mereka. Aktiviti penternakan haiwan serta pertanian yang diusahakan secara kecil-kecilan sedikit sebanyak boleh memberikan nilai tambah kepada penghasilan sumber makanan tempatan pada jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berkaitan dengan Menu Rahmah yang diberikan peruntukan dalam Belanjawan 2023. Seperti mana yang- Menu Rahmah yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup merupakan satu inisiatif nasional yang boleh meringankan beban kos sara hidup rakyat dengan menyediakan hidangan yang berharga sekitar RM5.

■1230

Biarpun inisiatif tersebut boleh mengurangkan kos perbelanjaan harian, bagi rakyat terutamanya individu yang berpendapatan rendah dan yang bekerja di kota raya, pelaksanaan inisiatif tersebut tidak bersifat bersasar. Seperti yang diperkatakan oleh sebilangan besar

warga net, ramai individu berkemampuan yang turut menikmati hidangan Menu Rahmah yang menghidangkan nasi, ayam atau ikan rakyat dan sayur.

Saya khuatir, kemampuan inisiatif ini jikalau perkara ini berterusan bagi memastikan inisiatif yang bermotifkan sara hidup yang dilaksanakan, dapat mencapai matlamat yang sebenarnya, iaitu untuk manfaat golongan B40. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup seharusnya mewujudkan satu mekanisme atau kaedah yang boleh menentukan sama ada seseorang pengguna itu layak menerima kemudahan Menu Rahmah.

Saya cadangkan kewujudan satu sistem *ration card* yang mengguna pakai kaedah biometrik untuk mengesahkan seseorang individu yang layak atau tidak. Perkara ini boleh diperluas kepada penerimaan barangan bersubsidi seperti gandum dan beras juga. Ini bukanlah perkara baharu. Ia telah diamalkan oleh Kerajaan India, sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir adalah tentang KWSP dan syariah *account status*. Perkara yang saya ingin membangkitkan adalah berkaitan simpanan syariah KWSP yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Beliau berkata bahawa bermula pada tahun 2024, aset simpanan syariah akan diasingkan sepenuhnya bagi memberi pulangan yang kompetitif kepada 1.25 juta orang ahli yang memiliki akaun syariah.

Persoalan saya: pertama, bolehkah Kementerian Kewangan memperjelaskan bagaimana perkara ini akan meningkatkan pulangan kepada ahli pemilik akaun syariah? Kedua, bolehkah Kementerian Kewangan mengesahkan bahawa para pemilik akaun syariah KWSP ini tidak dibenarkan menukar semula status akaun simpanan KWSP kepada akaun konvensional? Jika benar, apakah sebab perkara tersebut dilaksanakan?

Saya membangkitkan perkara ini kerana telah menerima rungutan beberapa orang pemilik akaun terutamanya pencarum yang bukan beragama Islam yang tidak mendapat penjelasan yang rapi berkaitan dengan perkara ini semasa penukaran status dijelaskan. Saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat melihat semula perkara tersebut. Fleksibiliti harus diberikan kepada setiap pencarum untuk menukarkan status akaun KWSP mereka daripada syariah kepada konvensional semula secara bersyarat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini perlu memfokuskan diri kepada pembangunan ekonomi dan sosial. Ketidaktentuan politik dan wabak pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang sangat negatif kepada negara. *We need now to move on*, dengan izin. Saya berharap dengan adanya Belanjawan 2023 ini, kita boleh mula memaparkan semula kekuatan kita di persada antarabangsa dan meraih peluang untuk rakyat kita. Sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Saya menyokong penuh Belanjawan 2023 demi menjayakan Malaysia MADANI yang kita cita-citakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Kesavadas atas perbahasan yang telah diberikan.

USUL**USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 6(1)
DIBACA BERSAMA PERATURAN MESYUARAT 6(3)****12.35 tgh.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), yang dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 6(3), saya mohon mencadangkan agar Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara sebagai “Pengerusi ganti.””

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Kita terus kepada perbahasan oleh pembahas yang keempat iaitu Yang Berhormat Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Dipersilakan.

12.36 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan atau Belanjawan 2023. Pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan belanjawan yang membuktikan keprihatinan kerajaan membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih diuji dengan banyak cabaran semenjak kebelakangan ini daripada ketidaktentuan geopolitik yang menjadi ancaman sebenar. Perang dagang antara Amerika Syarikat dan China yang tidak nampak penghujungnya yang turut memberi kesan kepada Kerajaan Malaysia serta baru-baru ini kita juga sedang diuji dalam pasca Pilihanraya Umum Ke-15. *Alhamdulillah*, semuanya sudah selesai.

Namun di sebalik pergolakan ini, Belanjawan 2023 dapat juga dibentangkan di sebalik bajet kerajaan terdahulu di bawah pentadbiran bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Dato Sri Ismail Sabri yang membentangkan Bajet 2023 pada 7 Oktober yang lalu. Namun, ia tidak sempat diluluskan kerana Parlimen dibubarkan selepas tiga hari kemudian.

Apa pun, saya melihat belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencerminkan bantuan ihsan dan kewangan dan meliputi semua aspek kehidupan. Ini adalah kerana berdasarkan kepada habuan yang disediakan meliputi semua aspek dan lapisan masyarakat. Daripada bayi dalam kandungan kepada pekerja swasta dan penjawat awam sehinggalah kepada rakyat umum. Semua menerima habuan tidak kira perbezaan agama dan bangsa.

Dengan bertemakan “Membangun Malaysia MADANI”, bajet ini membabitkan peruntukan sebanyak RM388.1 bilion, dengan izin. Daripada angka itu, RM289.1 bilion perbelanjaan mengurus dan RM99 bilion bagi perbelanjaan pembangunan, termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara bagi 2023 dijangka berkembang secara sederhana iaitu antara empat sehingga lima peratus. Malaysia jelas terkesan apabila kadar inflasi negara meningkat daripada 2.3 peratus pada Januari 2022 kepada 4.7 peratus pada Ogos 2022. Tanpa bantuan dan subsidi kerajaan sebanyak RM77.7 bilion, kadar inflasi negara sepatutnya lebih tinggi dan sepatutnya boleh mencecah hingga 10 peratus. Trend negara-negara asing pula mengetatkan dasar monetari mereka. Ramai pakar ekonomi menjangkakan dunia bakal menghadapi kelembapan ekonomi menjelang 2023.

Tinjauan ekonomi dunia bagi 2023 juga menunjukkan keadaan yang semakin tidak menentu dan mencabar susulan konflik geopolitik, tekanan inflasi global, dasar monetari yang mengetatkan dan prospek pertumbuhan ekonomi yang agak lemah. Justeru, kita perlu mencari peluang terbaik demi kelangsungan negara pada masa hadapan.

■1240

Saya melihat dalam Belanjawan 2023, kerajaan telah merangka usaha-usaha untuk membantu rakyat terutamanya golongan-golongan rentan serta memulakan bantuan dan sokongan kerajaan hari ini. Secara peribadi, saya merasakan bahawa kerajaan perlu memikirkan jalan keluar strategi yang lebih menyeluruh agar pertumbuhan ekonomi negara kita terus berdaya saing dan maju. Kita perlu menjadikan Malaysia negara yang lebih berdaya saing dan makmur.

Keadaan ekonomi semasa pasca COVID-19 menyaksikan ramai rakyat Malaysia memohon pinjaman dari bank. Seperti yang kita sedia maklum, kadar OPR yang sentiasa meningkat akan membawa kepada kadar faedah yang tinggi. Ini dengan jelas telah membawa suasana jurang antara miskin dan kaya menjadi semakin ketara setiap hari. Pada tahun ini pula, ahli ekonomi menjangkakan OPR akan terus naik sehingga mencecah tiga peratus. Keadaan ini memberi impak kepada rakyat khususnya golongan M40 dan B40 yang membiayai ansuran pinjaman perumahan dan lain-lain.

Kebanyakan mereka menzahirkan rasa tidak puas hati dengan dasar yang dikenakan oleh Bank Negara. Terdapat cadangan supaya pihak kerajaan melaksanakan semula pemotongan cukai ke atas dividen atau faedah yang dibayar untuk pinjaman perumahan.

Soalan saya, apakah langkah-langkah terkini kerajaan untuk membantu golongan yang saya sebut tadi dalam skim pembiayaan ansuran pinjaman perumahan dan lain-lain? Sila nyatakan juga mekanisme terkini yang mewujudkan situasi menang-menang antara institusi kewangan dan juga peminjam.

Selain daripada itu, suka saya cadangkan agar kerajaan meletakkan moratorium bersasar untuk pinjaman peribadi dan perniagaan ditujukan kepada golongan-golongan yang tertentu khususnya kepada golongan B40. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mengarahkan dan mengkaji semula tempoh maksimum bayaran pinjaman peribadi daripada 10 tahun kepada 15 tahun atau 20 tahun agar bayaran bulanan dapat dikurangkan dan seterusnya membantu peminjam-peminjam itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan di mana Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan akan melanjutkan waktu operasi klinik kesihatan bagi menyelesaikan masalah kesesakan dan masalah menunggu terlalu lama di hospital awam. Saya memang menyokong dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah ini. Namun, soalan saya, adakah klinik-klinik ini mampu untuk menampung keperluan rakyat yang semakin ramai?

Sekiranya kita lihat, di kebanyakan klinik-klinik awam masih terbelenggu dengan mesin-mesin perubatan yang sudah terlalu lama dan uzur. Selain daripada itu, ditambah pula dengan kakitangan perubatan yang sentiasa tidak mencukupi. Kementerian ini bakal menerima peruntukan sebanyak RM31 bilion daripada belanjawan. Maka, saya mohon pihak KKM ambil perhatian berkaitan dengan hal ini dan lakukan bancian ataupun pemeriksaan terhadap peralatan yang sedia ada. Jika boleh diganti, gantikan dengan kadar yang segera. Saya juga ingin bertanya, daripada peruntukan ini, berapa anggaran peruntukan untuk menampung perkhidmatan klinik-klinik awam?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya difahamkan kementerian ini bakal menerima sebanyak RM3.1 bilion. Mutakhir ini kita sering melihat berita di dada akhbar mengenai situasi kes penderaan kanak-kanak yang menunjukkan seolah-olah tiada kesudahan. Mana tidaknya, menurut laporan, sebanyak 1,055 kes penderaan telah direkodkan di negara ini bermula Januari hingga Jun yang lalu. Kita tidak boleh melihat perkara ini sebagai satu perkara kecil kerana kanak-kanak ini menjadi penentu masa hadapan dan mewarisi kita pada masa hadapan.

Saya juga mengalu-alukan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. Saya difahamkan kementerian akan melaksanakan dasar ini secara berperingkat-peringkat. Maka,

soalan saya, apakah perkembangan terkini penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak? Setakat mana lokasi dan peranan yang bakal dimainkan oleh jabatan ini dalam melindungi dan membentuk serta membangunkan kanak-kanak hari ini?

Saya berharap melalui penubuhan jabatan ini, kebajikan kanak-kanak di Malaysia akan lebih terjamin. Kos penubuhan pula dianggarkan menjangkau lebih RM86 bilion. Saya memohon kementerian untuk membentangkan dengan lebih terperinci mengenai kos ini dan adakah ia juga terangkum dalam Belanjawan 2023? Seterusnya, saya juga berharap melalui jabatan ini, negara kita akan mempunyai dan dapat melatih lebih ramai lagi pelindung kanak-kanak bagi menampung kekurangan yang sedia ada.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya, apakah status dan perancangan mahkamah jenayah seksual? Apakah status penambahbaikan peranan Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak? Adakah usaha diberhentikan oleh sebab kekangan kewangan atau masih lagi di peringkat kajian dan penggubalan undang-undang? Sila nyatakan juga fungsi dan jumlah mahkamah jenayah seksual yang telah dan akan ditubuhkan selama ini dan pada masa hadapan. Selain daripada itu, apakah rancangan kerajaan dalam menambah baik perundangan yang berkaitan dengan jenayah seksual terhadap kanak-kanak?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai agensi NADMA yang merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam mengurus bencana. Peruntukan kepada NADMA sebanyak RM150 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di mana saya sifatkan sebagai usaha mempertingkatkan kecekapan mengurus bencana dan memperkemaskan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana luar jangka.

Saya juga difahamkan kerajaan berhasrat untuk membina lebih banyak pusat pemindahan kekal (PPK) di seluruh negara. Saya menyokong langkah ini memandangkan cuaca di seluruh dunia kini tidak menentu dan susah untuk diduga. Saya mohon agar kerajaan dapat menyegerakan pembinaan dewan pusat pemindahan kekal di lokasi yang kerap dilanda bencana. Apabila berlakunya banjir, banyak kelas dan dewan di sekolah dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) untuk menempatkan mangsa-mangsa banjir.

Saya ingin tahu, adakah kerajaan bercadang untuk membina PPK di *Penang*? Ini kerana kita jangan lupa akan bencana Tsunami dan banjir besar yang pernah menimpa Pulau Pinang. Tidak salah bagi saya memohon kepada pihak NADMA untuk memohon pusat pemindahan kekal di kawasan-kawasan berisiko tinggi banjir dan juga bencana-bencana lain. Sekurang-kurangnya PPK yang dibina dilengkapi dengan kemudahan asas yang tetap seperti surau dan tandas yang sempurna serta dilengkapi dengan ruang dapur untuk menyediakan makan dan minum untuk mangsa-mangsa bencana.

Kerajaan Pusat juga boleh menyemak dan mengadakan libat urus dengan kerajaan negeri bagi menentukan lokasi dan tapak yang sesuai untuk membina pusat PPK di Pulau Pinang, dan daerah-daerah yang terlibat.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir yang saya ingin sentuh iaitu mengenai kebajikan penjawat awam terutamanya penjawat awam di Parlimen. Selagi mana Akta Perkhidmatan Parlimen masih belum dibentangkan, maka segala peruntukan adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin menyentuh mengenai pembinaan kuarters kerajaan bagi pegawai dan kakitangan Parlimen. Adakah ada sebarang perancangan sebelum ini bagi menyediakan dan membina bangunan kuarters kepada pegawai dan kakitangan Parlimen? Saya difahamkan kuarters sedia ada, iaitu sebuah rumah lama dan terletak di bahagian belakang kompleks Parlimen. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan dan membina kemudahan kuarters yang lebih selesa kepada kakitangan Parlimen.

Saya juga ingin mencadangkan agar Parlimen sendiri menguruskan reka bentuk dan pembinaan bangunan kuarters dan tidak melibatkan agensi dan kementerian lain. Ini kerana setiap kementerian lain mempunyai kuarters mereka sendiri. Bagi saya, biarlah Bahagian Pengurusan Parlimen menentukan sendiri segala urusan kuarters kerana mereka sendiri faham mengenai keperluan dan kehendak pegawai dan kakitangan Parlimen yang ada kalanya terpaksa bekerja siang dan malam sewaktu Dewan bersidang. Kita kena ambil tahu jugalah hal ehwal kakitangan Parlimen yang bekerja kepada kita siang dan malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tambun, selaku Menteri Kewangan kerana membentangkan satu belanjawan yang amat progresif dan komprehensif pada 24 Februari yang lalu. Ucapan tahniah saya juga dipanjangkan kepada semua warga Kementerian Kewangan yang telah berjaya merangka satu belanjawan yang penting dalam masa yang begitu singkat sejak menjadi kerajaan untuk menjamin masa depan negara yang mampan. Ia adalah satu- pelan pemulihan ekonomi dan mempunyai visi pembangunan yang menepati konsep Madani. Sedikit pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Ahli Parlimen Tambun menabur jasa bakti,
Membawa sinar cahaya penuh harapan;
Bajet 2023 lambang dedikasi murni,
Membawa Malaysia maju ke hadapan.*

Dengan kata-kata itu, saya menyokong sepenuhnya pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 atau Belanjawan 2023. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Ros Suryati Alang atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang kelima, Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam. Dipersilakan.

12.53 tgh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada petang yang mulia ini, izinkan saya berhujah dan mencerakinkan Belanjawan 2023 Kerajaan Malaysia Madani dan impaknya terhadap sistem kesihatan tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan RM36.3 bilion dalam Belanjawan 2023. Ini merupakan peruntukan paling tinggi yang pernah diterima oleh KKM. Jika dibandingkan dengan tahun lepas, terdapat peningkatan sebanyak 12 peratus ataupun jumlah RM3.9 bilion daripada RM32.4 bilion. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan sebagai peratusan daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), peruntukan RM36.3 bilion ini hanya sebanyak dua peratus daripada unjuran KDNK 2023- negara. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) *Global Health Expenditure Database 2022*, perbelanjaan kerajaan untuk kesihatan kebanyakan negara berpendapatan sederhana tinggi atau dengan izin, *upper-middle income* adalah di antara empat peratus hingga enam peratus KDNK.

Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, izinkan saya memetik kata-kata mantan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada pembukaan Sidang Kemuncak Dasar Kesihatan 2022 pada bulan Ogos yang lepas. Dengan izin, *"I know all ministries are seeking allocations from the Prime Minister and all ministries are equally important, but some ministries are more important than other ministries."* Dengan izin, *"As George Orwell said in his book (Animal Farm), 'all animals are equal, but some animals are more equal than others', and in the same spirit, the Ministry of Health is created more equal than others as our core business is life and death of the people (berkenaan hidup dan mati rakyat)."* Dengan izin, *"Just one figure I need the Prime Minister to remember is five. Not RM5 billion, not RM5 million, but just five percent of our country GDP."* Dengan ini, saya ingin bertanya kepada Menteri Kesihatan, apakah perancangan KKM dalam aspek *healthcare financing* supaya perbelanjaan sektor kesihatan awam negara dapat mencapai lima peratus KDNK dalam lima tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, *every sector is a health sector*, dengan izin. Bajet 2023 yang dibentangkan baru-baru ini adalah selaras dengan konsep Malaysia Madani. Belanjawan yang *compressive* dan inklusif amat penting untuk sektor kesihatan. Ini adalah kerana dengan izin, *every sector is health sector*, semua sektor merupakan sektor kesihatan. Ahli-ahli Dewan

yang mulia, kita harus beranjak daripada paradigma lama kerana kesihatan bukan hanya domain Kementerian Kesihatan Malaysia semata-mata. Terdapat pelbagai sektor dan isu yang mempengaruhi prestasi sistem penyampaian kesihatan dan status kesihatan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, *social determinants of health* (SDH), dengan izin, iaitu faktor bukan perubatan seperti pendapatan, perumahan, keselamatan, makanan, perkembangan awal kanak-kanak dan lain-lain juga mempunyai kesan yang besar terhadap status kesihatan rakyat. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), faktor SDH boleh menyumbang di antara 30 peratus hingga 55 peratus terhadap tahap kesihatan seseorang individu. Ini menunjukkan bahawa betapa terhadnya skop Kementerian Kesihatan Malaysia dan kementerian-kementerian lain juga patut dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan negara Malaysia yang lebih sihat dan, dengan izin, *good health outcomes*.

Sebagai contohnya, pada bulan Februari yang lepas, Menteri Pendidikan telah turun padang untuk menilai dan melihat Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah dan mendapati bahawa ada segelintir pembekal makanan untuk program RMT mengurangkan kuantiti dan kualiti makanan.

Belanjawan 2023 telah memperuntukkan RM777 juta untuk program RMT. Saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya kepada Menteri Pendidikan tentang pencapaian program RMT sejak ia mula dilaksanakan. Adakah faktor-faktor seperti kualiti makanan dan juga saiz hidangan yang seimbang selaras dengan konsep suku-suku separuh yang diuar-uarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia diambil kira dalam penilaian pencapaian program RMT ini?

Adakah status berat badan sama ada, dengan izin, *underweight* atau *overweight* bagi penerima manfaat program RMT juga diambil kira melalui keberhasilan program tersebut? Persoalan-persoalan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya penglibatan KKM dalam fasa penggubalan dasar ataupun polisi di kementerian-kementerian lain.

Ahli-ahli Dewan yang mulia, satu lagi contoh yang saya boleh kongsi adalah bagaimana polisi perumahan dan perancangan bandar akan mempengaruhi status kesihatan rakyat. Pada 18 Mac yang lepas, akhbar Berita Harian telah melaporkan bahawa kajian Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mendapati lebih 12.3 peratus kanak-kanak dan remaja berusia 10 tahun hingga 17 tahun yang mendiami Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Klang mengalami masalah kesihatan mental dan cenderung untuk membunuh diri.

■1300

Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan kemungkinan saiz rumah yang sedia ada di PPR sangat terhad dan saiz keluarga yang besar tidak dapat menampung mereka yang berada dalam rumah dengan selesa dan menyebabkan tekanan mental khususnya di

kalangan remaja. Saya ingin membawa kepada perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa dalam belanjawan ini Skim Program Perumahan Rakyat, Skim Projek Perumahan Mesra Rakyat, Projek Perumahan Awam Malaysia telah mendapat peruntukan sebanyak RM1.1 bilion. Dengan peruntukan yang cukup besar ini adalah wajar kita memastikan bahawa rumah-rumah dan persekitaran yang kita sediakan di bawah skim-skim di atas adalah berkualiti tinggi dan juga tidak memudaratkan kesihatan rakyat yang bakal menghuni di rumah-rumah tersebut.

Saya ingin mendapatkan pengesahan daripada Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan sama ada pakar-pakar psikiatri dan kesihatan mental ataupun badan-badan seperti Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental Kebangsaan juga terlibat bersama dalam penggubalan polisi Program Perumahan Rakyat dan Skim Perumahan Awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 (PeKa B40) merupakan satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi fokus kepada penyakit tidak berjangkit (NCD).

Menurut laporan PeKa B40 tahun 2019 dan 2020 dan laman web rasmi ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd., hanya 881,000 orang atau 13.22 peratus daripada 6.6 juta orang penerima manfaat yang layak telah menjalani saringan kesihatan setakat 28 Februari 2023. Ini adalah amat rendah dan memberi gambaran bahawa fokus skim PeKa B40 pada pencegahan primer perlu diperkasakan lagi.

Dengan mengambil kira perbelanjaan untuk keempat-empat manfaat skim PeKa B40 hanya 46.1 juta dan 40.6 juta pada tahun 2020 dan tahun 2021 masing-masing, saya ingin bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah perbelanjaan Skim PeKa B40 yang telah diperuntukkan sebanyak RM80 juta setahun semenjak tahun 2021 telah dihabiskan? Jika terdapat penjimatan, saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan memperuntukkan RM10 juta untuk menyediakan 200,000 Bakul Rahmah sebagai insentif untuk menggalakkan golongan B40 tampil untuk menjalani saringan kesihatan. Ini selaras dengan hasrat dengan izin, *early detection* untuk memastikan pesakit NCD dapat dirawat lebih awal sebelum mereka melarat komplikasi penyakit tersebut dan meningkatkan beban kos rawatan perubatan sekunder dan *tertier* yang jauh lebih mahal berbanding dengan rawatan primer.

Selain itu, dengan pelaksanaan insentif ini sebanyak 4,004 buah klinik swasta yang berdaftar dengan Skim PeKa B40 juga bakal mendapat manfaat melalui fi saringan kesihatan tambahan sebanyak RM18 juta iaitu sebanyak RM60 seorang pesakit. Makmal-makmal perubatan swasta yang berdaftar dengan skim ini juga dapat manfaat ekoran peningkatan bilangan saringan kesihatan.

Diharapkan Yang Berhormat Menteri dapat melihat cadangan ini dan melaksanakan untuk menyampaikan mesej bahawa Kerajaan Madani iaitu kerajaan yang akan memberi

insentif kepada rakyat untuk kekal sihat dan menjaga kepentingan semua pemegang taruh skim PeKa B40 iaitu para GP dan para makmal-makmal swasta dengan izin, *win-win, win situation*.

Tuan Yang di-Pertua: Keadaan menang-menang dan menang. Senang sahaja doktor.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Dr. Zaliha binti Mustafa atas usaha dan pertimbangan dalam menangani masalah kekurangan pekerja kesihatan serta isu pekerja kesihatan kontrak yang telah memberikan perkhidmatan yang penuh dedikasi terutamanya semasa pandemik COVID-19.

Saya mengalu-alukan pengumuman peruntukan sebanyak RM3 bilion untuk pelantikan 1500 orang pegawai perubatan, pegawai pergigian, dan pegawai farmasi ke jawatan tetap. Dalam Sesi *Town Hall* Menteri Kesihatan bersama-sama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) baharu-baharu ini para hadirin diberi jaminan bahawa kriteria pemilihan ke jawatan tetap akan diumumkan dalam masa yang terdekat untuk menjamin ketelusan proses lantikan.

Namun begitu, difahamkan bahawa masih tiada sebarang pengumuman tentang perkara ini. Saya faham kekusaran ramai pegawai kesihatan kontrak dan di kesempatan ini saya merayu kepada Menteri Kesihatan untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang kriteria-kriteria yang disyorkan untuk melantik pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi ke jawatan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berkongsi pengalaman saya daripada jawatan terakhir saya sebagai Pengarah Hospital Sungai Bakap. Dengan izin, *voice from the ground*. Hospital Sungai Bakap merupakan salah sebuah hospital kluster Seberang Perai. Hospital-hospital lain adalah Hospital Bukit Mertajam, Hospital Seberang Jaya dan juga Hospital Kepala Batas. Dengan peningkatan bilangan penduduk yang semakin pesat di Seberang Perai, beban pesakit di hospital kluster Seberang Perai adalah sangat tinggi.

Terdapat sejumlah empat buah Dewan Bedah di Hospital Kepala Batas dan tiga buah Dewan Bedah di Bukit Mertajam. Namun begitu, kami hanya dapat mengoperasikan dua daripada empat buah Dewan Bedah di Hospital Kepala Batas dan satu daripada tiga buah Dewan Bedah dari Hospital Bukit Mertajam kerana isu kekurangan Jururawat. Pakar bedah ada, Pegawai Perubatan ada, fasiliti ada tetapi Jururawat dan Paramedik yang tidak cukup.

Selain itu, terdapat 14 buah katil ICU yang baharu dilengkapi dengan peralatan perubatan serba moden di Hospital Kepala Batas, juga tidak dapat beroperasi disebabkan

oleh isu kekurangan Jururawat. Pakar Anestesiologi ada, Pegawai Perubatan ada, katil ICU ada, tetapi Jururawat dan Paramedik tidak mencukupi. Oleh itu, masa menunggu untuk kes-kes pembedahan elektif di hospital kluster Seberang Perai agak lama dan rakyat Seberang Perai juga terpaksa menunggu giliran untuk mendapat katil ICU sekiranya mereka kritikal.

Kasihlah betul bila saya merenung takdir rakyat di sana. Saya juga melihat keperitan dan dedikasi jururawat dan paramedik saya yang melakukan dua *shift* berterusan, bekerja tidak henti sepanjang minggu ke hujung minggu dan cuti umum serta mengorbankan masa dengan keluarga supaya mereka dapat memberikan penjagaan tanpa henti kepada rakyat dan negara, dengan izin, *nurses and paramedic are the backbone of our healthcare system*. Kata-kata tidak dapat mengungkapkan rasa terima kasih saya kepada mereka atas dedikasi mereka yang tidak terhingga. Semoga Tuhan yang maha berkuasa sentiasa memberkati mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Kesihatan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menangani isu kekurangan jururawat dan paramedik ini?

Aspek kedua yang perlu diberi perhatian ialah semakan semula gaji kakitangan kesihatan kerajaan. Semakan terakhir adalah lebih sedekad yang lalu. Inflasi semakin tinggi tetapi gaji tidak berubah. Itulah yang boleh dikatakan keluhan oleh wira-wira *medical frontliner* negara semasa pandemik COVID-19 untuk mendapat pengiktirafan sewajarnya daripada segi semakan semula gaji dan imbuhan elaun. Soalan saya kepada Menteri Kesihatan, adakah perancangan strategik untuk kajian semula struktur gaji pekerja kesihatan dalam penggal ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya merupakan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri, negeri kelahiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, jadi wajar untuk saya membentangkan masalah isu negeri saya di Dewan ini. Ada satu perkara yang saya ingin utarakan berkenaan hospital di negeri saya.

■1310

Keperluan mendesak untuk mewujudkan perkhidmatan *computed tomography* (CT) *scan* di Seberang Perai. Sekarang ini, seluruh Seberang Perai mempunyai anggaran penduduk hampir 1 juta. Kita hanya mempunyai satu buah mesin *CT scan* di hospital-hospital awam. Pesakit-pesakit dari Hospital Sungai Bakap, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Kepala Batas terpaksa dipindahkan ke Hospital Seberang Jaya untuk mendapatkan perkhidmatan *CT scan*.

Pegawai dan petugas kesihatan dari ketiga-tiga hospital perlu mengiringi pesakit yang memerlukan perkhidmatan *CT scan* ke Hospital Seberang Jaya. Anggaran tempoh perjalanan pergi dan pulang adalah lebih kurang tiga jam. Keadaan akan menjadi lebih teruk jika mesin *CT scan* di Hospital Seberang Jaya mengalami kerosakan, yang mana pesakit-pesakit terpaksa dihantar ke Hospital Kulim atau Hospital Pulau Pinang.

Saya difahamkan dari Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Sungai Bakap sahaja, seramai 9,000 orang pesakit setahun memerlukan perkhidmatan ini. Soalan saya kepada Menteri Kesihatan. Difahamkan bahawa lawatan tapak di Hospital Bukit Mertajam telah diadakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kos projek adalah sekitar RM5 juta. Bolehkah projek ini diberi keutamaan dan dilaksanakan dengan segera dalam peruntukan di bawah Belanjawan 2023?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan sedikit masalah kaum India. Secara amnya dan secara khususnya daripada golongan B40 kaum India. Kaum India di Malaysia merupakan kaum minoriti dan dalam minoriti ini golongan B40 terpinggir dan banyak malapetaka sosial melanda golongan yang terpinggir ini.

Tanpa asas pengetahuan dan pendidikan yang kuat, ramai akan terpinggir dalam masyarakat, seterusnya cenderung untuk terbabit dalam masalah-masalah sosial seperti gengsterisme dan, dengan izin, *cross-border drug smuggling* yang akan membebankan keluarga, komuniti dan negara, "*Melentur buluh biarlah dari rebungunya.*"

Saya ada beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Berapa jumlah, dengan izin, *dropout* kaum India B40 dari sekolah rendah dan sekolah menengah kebangsaan dalam lima tahun lepas..? Dalam Belanjawan 2023, adakah peruntukan khas untuk mengatasi isu, dengan izin *dropout* dari sekolah rendah dan sekolah menengah secara amnya dan *dropout* kaum B40 secara khususnya?

Dengan ini, saya menyokong Belanjawan 2023 Malaysia Madani dan saya sudah ucapkan saya dengan ucapan terima kasih. Kepada umat Islam, saya ingin mengucapkan *Ramadan Kareem* dan selamat berpuasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali, Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran. Yang Berhormat Dato' Juhanis binti Abd Aziz

1.13 tgh.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya juga ingin mengambil kesempatan di ruang ini ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan seluruh warga Kementerian Kewangan yang terlibat dalam penyediaan Belanjawan 2023 dengan harapan supaya Belanjawan 2023 ini dapat disusun dengan teratur demi membangunkan Malaysia Madani.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mana sekarang menjadi isu kepada rakyat jelata. Kelembapan ekonomi kini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kebanyakan rakyat Malaysia dalam setiap peringkat, sama ada B40 mahupun kelas bawahan T20.

Saya percaya pada saat ini ramai rakyat yang berharap agar kerajaan membenarkan mereka membuat pengeluaran wang simpanan KWSP mereka bagi membantu meringankan bebanan kewangan yang sedang ditanggung kini. Kenaikan harga barang yang melampau disebabkan oleh inflasi, benar-benar dirasakan. Tindakan kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang masih menolak cadangan untuk membenarkan pengeluaran KWSP meskipun secara bersasar mengecewakan banyak pihak.

Tambahan lagi, kebanyakan rakyat baru sahaja berhabis untuk menyiapkan kelengkapan persekolahan anak-anak. Kini Ramadan telah tiba. Bermakna mereka perlu berbelanja untuk menyambut hari raya Aidilfitri pula. Meskipun nampak remeh, namun inilah realiti yang dihadapi oleh rakyat jelata.

Saya amat berharap agar kerajaan khususnya Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan sekali lagi cadangan bagi membenarkan pengeluaran wang simpanan KWSP secara bersasar ini. Tidak perlu pengeluaran besar-besaran secara pukal. Cukup sekadar memberi kebenaran buat kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Saya yakin pengeluaran secara bersasar ini tidak akan menjejaskan dana pelaburan KWSP. Memandangkan masih terdapat berjuta orang pencarum aktif yang terus melabur dalam dana persaraan mereka. Saya juga percaya ia tidak akan menjejaskan prestasi pelaburan KWSP dan memberi dividen kerana ia lebih dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku dalam pasaran global dan domestik yang mana masih kekal mencabar dan tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik inisiatif kerajaan memperuntukkan hampir RM1 bilion bagi menambah caruman sebanyak RM500 ke dalam setiap simpanan akaun satu KWSP pencarum yang berusia 40 hingga 54 tahun yang memiliki baki simpanan yang kurang daripada RM10 ribu dalam akaun berkenaan. Saya percaya inisiatif ini mampu membantu rakyat membina semula simpanan persaraan mereka sama ada yang berkurangan, susulan beberapa pengeluaran yang pernah dibuat sebelum ini ataupun golongan yang sememangnya berpendapatan rendah, kurang simpanan dalam KWSP mereka. Terima kasih atas keprihatinan ini.

Namun begitu, saya agak kluatir dengan alternatif kerajaan yang membenarkan pencarum KWSP membuat pinjaman dengan menggunakan simpanan persaraan mereka sebagai wang sandaran ataupun cagaran kepada bank. Memang benar dengan cara ini simpanan mereka tidak terusik dan membuatkan mereka terus menerima dividen. Namun, kita perlu ingat pinjaman ini berserta dengan faedah atau untung yang dikenakan oleh bank ditambah pula dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang turun naik dengan tidak menentu, rakyat akan lebih terbeban dengan kesengsaraan kelak.

Ketika ini, kebanyakan rakyat terdesak untuk membuat pengeluaran untuk menyelesaikan hutang yang tertunggak, sama ada kepada pihak bank, pinjaman syarikat

kredit, pinjaman kenalan terdekat dan pelbagai masalah lain yang sedang dihadapi oleh rakyat. Wang simpanan KWSP ini lah mereka harap untuk membantu menyelesaikan tunggakan hutang di samping berbelanja untuk keperluan.

Namun, jika kita menggalakkan pencarum membuat hutang baharu dengan mencagarkan wang simpanan persaraan mereka, ia ibarat menutup lubang lama dengan menggali lubang yang baharu. Percayalah, alternatif ini hanya lebih menguntungkan pihak bank sahaja. Manakala akan lebih menjerut kewangan rakyat yang terdesak. Pinjaman baharu ini pula sekali gus akan menambah komitmen bulanan mereka.

Bagaimanakah pula jika mereka tidak mampu membayar semula pinjaman kepada bank..? Adakah bank ini mengambil dana KWSP mereka atau mereka diisytiharkan muflis? Bukankah situasi ini akan lebih memburukkan keadaan?

■1320

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu agar kita sama-sama berusaha sehabis baik, berfikir bagi mencapai jalan terbaik bagi membela rakyat. Saya mencadangkan agar Kementerian Kewangan dapat mewujudkan sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar ekonomi dan kewangan untuk membincang isu berkenaan dengan wang simpanan persaraan rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang, rakyat menghadapi bebanan kewangan yang bukan kepalang. Kenaikan harga barang yang terus meningkat menyebabkan rakyat kurang membeli. Ada yang terpaksa mengguna wang simpanan untuk perbelanjaan harian, manakala bagi yang tiada simpanan, mereka terpaksa memakan berdikit-dikit demi kelangsungan hidup. Jika dahulu dengan RM50, kita boleh berbelanja besar. Hari ini kita ke bazar Ramadan dengan RM50, kita cuma dapat membeli sebahagian- jenis makanan.

Rata-rata peniaga di pasar mendakwa kita tidak wujud lagi trend kenaikan harga barang basah seperti ikan dan sayur-sayuran pada bulan Ramadan, mahupun musim perayaan. Sebaliknya, kenaikan dan penurunan harga barang basah ini berlaku secara tidak menentu berpunca daripada bekalan yang tidak mencukupi daripada pembekal dan permintaan tinggi daripada pengguna.

Saya faham kerajaan mempunyai kuasa yang amat terhad dalam mengawal turun naik harga barang keperluan. Namun, saya berharap agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama Kementerian Ekonomi dapat memperincikan dasar-dasar dan mencari langkah penyelesaian pantas dalam menangani isu kos sara hidup di Malaysia termasuk dalam usaha memberi subsidi kepada barang-barang keperluan serta pelbagai jenis bantuan kepada rakyat. Kerajaan juga perlu meningkatkan bantuan subsidi, memberi geran kepada pekebun bagi merancakkan industri makanan negara, sekali gus meningkatkan bekalan makanan bagi memenuhi keperluan dan permintaan rakyat.

Melihat kepada peruntukan subsidi dan bantuan rakyat bagi tahun 2023, saya lihat terdapat pengurangan peruntukan yang amat signifikan iaitu hanya sebanyak RM64 bilion diperuntukkan pada tahun 2023 berbanding lebih kurang RM80 bilion pada tahun 2022. Saya meminta penjelasan kerajaan, memberi komponen subsidi atau bantuan rakyat, manakah yang berkurangan pada tahun 2023?

Selain daripada isu barang makanan, timbul juga isu kenaikan harga ubat-ubatan mengikut kenaikan harga bahan aktif iaitu bahan mentah yang diimport bagi menghasilkan ubat-ubatan secara mendadak di peringkat global. Saya difahamkan, secara purata, bahan mentah ini menyumbang 40 peratus kepada kos ubat-ubatan. Kenaikan harga bahan mentah ini menyebabkan syarikat pengeluaran ubat-ubatan bertindak melepaskan kos kepada pengguna dengan meningkatkan harga jualan produk ubatan bagi memastikan keuntungan mereka tidak terjejas. Selain itu, ketidakstabilan ringgit serta peningkatan kos logistik turut menyumbang peningkatan harga ubat.

Oleh itu, saya ingin mendapat respons daripada Kementerian Kesihatan, sama ada Malaysia mempunyai sebarang mekanisme untuk mengawal harga ubat-ubat di farmasi? Ini kerana kita dapat lihat harga ubat-ubat di farmasi antara farmasi yang lain adalah berlainan. Tidak semua rakyat mampu untuk menunggu berjam-jam di premis kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan semata-mata untuk mendapatkan ubat. Jadi, saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi atau meletakkan harga siling untuk produk ubatan yang dijual di farmasi dan klinik swasta?

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa golongan berpendapatan rendah B40 di negara ini sering mendapat perhatian dengan menerima banyak bantuan daripada kerajaan. Golongan B40 ditatang sebagai minyak yang penuh. Sumbangan Tunai Rahmah, Bantuan Musim Tengkujuh, bantuan kewangan JKM, Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap dan pelbagai lagi bantuan lain yang telah disediakan menerusi belanjawan.

Saya sambut baik inisiatif ini dengan harapan agar bantuan-bantuan ini akan membantu golongan B40 meneruskan kelangsungan hidup di samping menjadi sebuah loncatan untuk mereka berusaha lebih gigih, memaju dan meningkatkan ekonomi keluarga.

Namun begitu, kita sering terlupa selain B40, golongan M40 juga tersepit dalam keadaan sekarang. Keprihatinan kerajaan terhadap golongan B40 membuat segelintir golongan M40 merasa dianaktirikan dan dikerah semaksimum mungkin. Mereka bermati-matian bekerja untuk meningkatkan taraf ekonomi dan status sosial keluarga, namun diperah untuk membayar cukai yang tinggi. Mereka terpaksa membeli rumah yang mahal kerana tidak layak membeli rumah kos rendah. Golongan ini juga yang memacu dan memperkasa ekonomi negara dengan menyumbang kepada aktiviti perniagaan SME, ekonomi dan pencukaian negara.

Saya berharap agar kerajaan tidak mengambil mudah akan kebajikan golongan M40. Saya juga berharap kerajaan tidak terlepas pandang betapa ramainya M40 ini jatuh ke kategori B40 setelah bersara kerana mereka tidak mampu mengumpul wang persaraan akibat kos sara hidup yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga iaitu berkenaan dengan membantu golongan sasaran seperti golongan miskin tegar, kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya, mangsa bencana, mangsa keganasan rumah tangga dan sebagainya. Bantuan kebajikan yang disediakan bukanlah untuk memanjakan mereka, sebaliknya membantu mereka menjadi lebih produktif dan meningkatkan potensi keupayaan diri untuk beralih ke arah hidup yang lebih baik sehingga mampu berdikari dan mandiri.

Saya sedar tanggungjawab JKM terlalu besar tetapi saya memohon supaya bantuan JKM ini dipermudahkan. Jangan terlalu banyak birokrasi apabila ingin meluluskan bantuan JKM yang mereka berhak menerimanya.

Saya ingin mencadangkan juga kepada JKM untuk mewujudkan pejabat bergerak di kawasan-kawasan pedalaman yang kurang capaian *internet* serta di kawasan kampung yang tidak terdedah dengan penggunaan teknologi bagi memastikan golongan ini juga dapat menerima perkhidmatan yang efektif dan efisien daripada pihak JKM. Melalui pejabat bergerak ini, mereka dapat membuat permohonan dan urusan-urusan lain termasuk mengembalikan pembayaran bantuan secara terus.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu berkenaan dengan kemudahan pusat warga emas. Berdasarkan unjuran data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia dijangka bakal mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 dengan anggaran sebanyak 15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara adalah berusia 60 tahun ke atas. Ini bermakna populasi warga emas kita akan menjangkau 5.8 juta orang daripada keseluruhan 38.1 juta orang penduduk negara.

Kementerian Pembangunan Wanita mempunyai peranan yang besar. Kebanyakan warga emas di Malaysia, kebanyakannya menghidap penyakit-penyakit yang kronik seperti darah tinggi, kencing manis, jantung dan juga buah pinggang dan penyakit-penyakit yang lain. Ini bermakna kebanyakan warga emas berdepan dengan kesukaran untuk berdikari dan menguruskan diri. Mereka terpaksa bergantung dengan bantuan dan ihsan anak-anak, namun anak-anak pula mempunyai kekangan pelbagai.

■1330

Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah proaktif membina lebih banyak pusat jagaan warga emas, fasiliti dan kemudahan yang lengkap serta menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan selain membangunkan persekitaran membantu warga emas hidup sejahtera. Dengan ini, kita dapat mengurangkan kebergantungan warga

emas kepada anak-anak mereka. Dalam masa yang sama, memberi keselesaan kepada mereka.

Satu perkara lagi saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kita tahu bahawa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dari Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi merupakan kumpulan wang dicarumkan oleh koperasi-koperasi kecuali koperasi sekolah untuk dijadikan wang terkumpul bagi tujuan membangunkan koperasi. Ini adalah tertakluk kepada koperasi yang memperoleh keuntungan yang besar yang telah diaudit melebihi RM50,000 setahun dengan caruman sebanyak satu peratus.

Untuk Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, yang memperoleh bersih teraudit melebihi RM100,000. Caruman ini adalah berdasarkan kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2030. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah Ringgit Malaysia terkumpul bagi kedua-dua kumpulan amanah ini? Ke manakah ia dibelanjakan dalam usaha membangunkan koperasi?

Satu perkara lagi, saya ingin menyatakan bahawa Aspirasi Koperasi Malaysia telah ditandatangani pada 12 Februari 2022 di antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia dan ANGKASA. Di antara inti pati Aspirasi Koperasi Malaysia ini iaitu ANGKASA bertanggungjawab merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi dengan mengenal pasti memajukan bidang perniagaan baharu, membangun dan mengukuhkan perniagaan sedia ada serta mewujudkan jaringan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Oleh itu, adalah wajar kita memohon agar diadakan peruntukan yang lebih besar diberikan kepada ANGKASA untuk tujuan tersebut bagi menunaikan tanggungjawab hampir 15,000 buah koperasi yang telah didaftarkan oleh SKM. Ini merupakan peranan besar ANGKASA yang telah dikenali di peringkat antarabangsa melalui keahliannya.

Satu perkara, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan wang kepada badan puncak gerakan koperasi ini juga boleh dijamin ketelusan kerana ANGKASA juga tertakluk kepada UUK mereka sendiri dan dikawal selia oleh SKM. Oleh itu, peruntukan ini sedikit sebanyak dapat membantu memperkembangkan koperasi-koperasi di bawah ANGKASA. Secara tidak langsung, akan membantu usahawan kerajaan untuk merealisasikan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2030. Hasrat kerajaan ini menunjukkan Malaysia Madani juga tidak akan dicapai jika peruntukan pembangunan koperasi disekat dan diberi kepada peruntukan yang kecil berbanding kepada keperluan modal pengembang ekonomi koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Belanjawan 2023 ini akan memberi banyak manfaat kepada rakyat dan juga negara. Sekali lagi saya menyeru semua pihak terbabit bersama-sama berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang baik dan mampu membangun Malaysia Madani. Tidak kira ahli politik, pegawai tinggi kerajaan, *staff* sokongan dan orang-

orang awam perlu mengetepikan isu-isu politik sampah dan politik sempit. Kita harus lebih banyak berfikir dan berbincang mengenai polisi dan dasar yang boleh membangunkan negara dan dimanfaatkan oleh rakyat jelata.

Dengan ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan harapan semua perkara yang saya bangkitkan mendapat perhatian Dewan dan Yang Berhormat Menteri serta pihak-pihak yang terlibat. Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Juhannis binti Abd Aziz. Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Selepas itu Datuk (Dr.) Ras Adiba.

1.35 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana setelah membentangkan belanjawan ini di Dewan Rakyat yang lalu, telah pun diluluskan semalam.

Diterima oleh Dewan Rakyat dan kini giliran kita di Dewan Negara untuk menilai semula, melihat semula, menambah baik kalau boleh dan memberikan cadangan-cadangan supaya Kementerian Kewangan boleh menimbang. Mana tahu kalau ia baik, mereka boleh memasukkan cadangan-cadangan kita ini dalam belanjawan. Ini dapat dibuktikan hari ini Tuan Yang di-Pertua, apabila Menteri Kewangan mengumumkan beberapa penambahan daripada segi peruntukan dan juga program-program.

Mungkin setelah lebih sebulan dibentangkan di Dewan Rakyat, Kementerian Kewangan menerima banyak maklum balas dan memerlukan pertimbangan semula. Jadi, kalau keterbukaan ini dapat diteruskan oleh kementerian, saya yakin hasrat kerajaan kita untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai kerajaan atas kepentingan rakyat ini akan berjaya. Pada hari ini kita dengar tadi, banyak penambahan dan juga berita-berita baik yang disampaikan bagi segenap golongan masyarakat. Yang saya dapat dengar dengan cukup gembira ialah keyakinan Menteri Kewangan untuk mengeluarkan lebih kurang 129,000 isi rumah keluar daripada...

Tuan Yang di-Pertua: 130,000.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: 130,000, itu lebih tepat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keluar daripada cengkaman kemiskinan. Dalam masa setahun ini Tuan Yang di-Pertua?

Dalam masa setahun hendak mengeluarkan sejumlah itu daripada kemiskinan merupakan suatu tugas dan tanggungjawab yang besar, *gargantuan*, dengan izin. Akan tetapi, ia tidak mustahil kalau kita ada semangat dan kesungguhan politik dan kita ada

penjimatan-penjimatan seperti yang disebutkan tadi, kita boleh melaksanakannya dengan menjadikan keluarga-keluarga ini berpendapatan paling tidak pun paras RM1,500 minimum.

Saya lebih cenderung untuk mencadangkan supaya usaha-usaha ini dibuat supaya setiap mereka yang cuba kita keluarkan daripada kemiskinan itu mendapat lebih daripada paras asas kemiskinan RM1,500 itu. Kalau mereka boleh mendapat pendapatan RM3,000 sebulan misalnya, ini akan memberikan satu suasana kehidupan yang lebih baik terutamanya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan, di wilayah-wilayah dan negeri-negeri yang memang pun telah dikenali sebagai kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Di Sabah, di Sarawak, di Kelantan contohnya, disebut oleh Menteri. Ini memerlukan tumpuan.

Kita lupakan politik sebentar, kita lupakan masalah *bias* kita ataupun berat sebelah kita dalam melihat taburan kemiskinan ini. Kita hadapi masalah itu dengan tuntas. Contohnya di Kelantan, seperti yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan tadi- bukan Kelantan, untuk keseluruhannya, kita wujudkan warung-warung, kios untuk apa? Untuk usahawan-usahawan.

Jadi, kalau kita berikan fokus kepada tempat-tempat tertentu di Kelantan, kita tahu orang Kelantan ini *bab* meniaga ini Tuan Yang di-Pertua, cukup hebat, cukup berminat. Macam juga orang Minang di negeri Tuan Yang di-Pertua. Orang Perak pun tidak kurang jugalah ya. Jadi kesimpulannya, semua minat berniaga ini. Akan tetapi di Kelantan kita tahu, ramai mereka meninggalkan negeri untuk berniaga di luar dan mereka berjaya. Usahawan-usahawan-usahawan dan tokoh-tokoh yang besar berniaga ada di luar Kelantan.

■1340

Apalah kiranya kalau kita bangunkan industri kecil dan sederhana ini bersungguh-sungguh di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, khususnya di Kelantan? Kita ada negara jiran kita, Thailand sana yang cukup hebat dengan industri pertaniannya, industri penternakannya. Setiap kali kita hendak raya, Tuan Yang di-Pertua, kita bawa masuk lembu untuk korban dan macam-macam makanan datang di sana.

Tidak bolehkah di sempadan kawasan dua buah negara ini, kita bangunkan pusat-pusat industri penternakan atau pun tempat-tempat penyembelihan di dalam kawasan kita yang boleh memberikan peluang perniagaan kepada anak-anak muda kita yang ada di Kelantan? Ia akan menjadi sebuah pusat perniagaan halal yang besar. Begitu juga di sempadan Thailand dengan Perak, contohnya di Pengkalan Hulu.

Kawasan di mana keluar masuk penduduk kedua-dua negara ini cukup banyak dan kemasukan bahan-bahan perniagaan pun banyak. Kalau kita jadikan kawasan-kawasan ini dalam keadaan yang segera dengan fokus oleh kerajaan membangunkan kawasan-kawasan baharu penempatan perniagaan ini, saya yakin rakyat di negeri-negeri berkenaan tidak perlu merantau jauh. Mereka boleh menikmati kenaikan atau pun pertambahan ekonomi mereka di situ.

Jadi, saya hendak mencadangkan supaya kerajaan melihat cadangan ini supaya mewujudkan peluang perniagaan ini. Membina tempat-tempat perniagaan baharu, menyediakan dana. Disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dana dipertingkatkan. Dana untuk membantu- dalam belanjawan ini pun disebut TEKUN, tabung keusahawanan untuk bumiputera ini diberi RM330 juta.

Kalau ini dapat difokuskan kepada golongan yang betul-betul memerlukan, dan tidak ada campur tangan politik, dibebaskan daripada berat sebelah, kerana kita dengar dulu TEKUN ini, pejabat TEKUN, Tuan Yang di-Pertua, berada dalam bangunan parti politik. Jadi, macam mana ahli parti lawan yang ada alergi atau pun ada kesusahan untuk masuk bangunan parti lawan ini, untuk merujuk kepada TEKUN?

Jadi, kita bebaskan daripada faktor-faktor politik ini supaya TEKUN itu betul-betul menjadi sebuah tempat untuk kita memberi peluang usahawan-usahawan baharu ini memulakan perniagaan. TEKUN banyak duit, Tuan Yang di-Pertua. Yang kita bantu tiap-tiap tahun pun, beratus juta. Tabungan dalaman mereka pun berbilion, walaupun hutang yang tidak dibayar pun tinggi juga.

Ini mereka kena usaha untuk dapatkan kembali. Jadi, itu di kawasan-kawasan yang sedemikian. Di Sabah dan Sarawak, tadi pun atau sebelum ini pun telah diumumkan, usahawan kecil dan sederhana di sana akan mendapat tambahan RM600 juta untuk dimanfaatkan oleh mereka. Jadi, kita cuba fokuskan bantuan daripada segi menyediakan tempat, latihan. Setiap kementerian ini yang berkaitan dengan perniagaan ini, ada pusat latihan mereka di Kementerian Pembangunan Usahawan (MEDAC), ada INSKEN nya dan macam-macam lagi. Koperasi ada, pusat latihannya.

Jadi, saya rasa tidak ada masalah kalau kerajaan melaksanakan sedemikian. Berkaitan dengan isu industri halal ini, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang sudah dikenali. Kita ada aset kita daripada segi pengesanan kualiti makanan yang diiktiraf di seluruh dunia. Jadi, kita ada aset tersebut.

Jadi, kita harus memanfaatkan supaya industri halal yang seluruh dunia ini berjumlah USD5 trilion, kalau darab 4.5 itu, ertinya RM20 trilion. Sementara di Malaysia, nilai industri halal kita lebih kurang USD70 bilion, dalam lebih kurang RM300 bilion.

Ini industri yang besar yang boleh memberikan peluang ekonomi, peluang pekerjaan, pembangunan wilayah dan juga, menjadikan Malaysia tarikan kepada dunia luar. Sama ada pelancongnya, kerana kita mempunyai produk-produk halal yang boleh menarik perhatian dan memberikan keselesaan kepada pengunjung-pengunjung kita.

Oleh yang demikian, kita mengharap- saya mencadangkan supaya industri halal ini melalui badan-badan yang berkaitan seperti *Halal Development Corporation* (HDC) di bawah MITI. Kemudian, di tiap-tiap kementerian pun ada. Ada program-program halal ini, termasuk juga di bawah JAKIM, harus mengambil inisiatif supaya kelebihan kita ini, *advantage*

kita ini, dengan izin, dapat dimanfaatkan supaya kita menjadi tempat memproses daging tadi, seperti yang saya sebutkan awalnya. Tidaklah kita menjadi *net importer* sampai *80 percent*, *60 percent*, daripada keperluan negara mengimport.

Kalau kita betul memanfaatkan, tarik pelabur-pelabur dengan suasana negara kita yang cukup menarik untuk pelaburan, aman, stabil. Saya rasa pelabur luar akan mula kembali ke Malaysia untuk melabur dan membawa peluang-peluang ekonomi dan juga pekerjaan kepada anak watan kita. Jadi, ini satu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Nampaknya, semakin mengambil inisiatif-inisiatif segera untuk langkah-langkah jangka pendek menyelesaikan isu-isu kekurangan bekalan dan sebagainya. Itu cukup bagus. Jadi, mekanisme itu cukup bagus.

Kementerian sudah mengumumkan, mereka akan mewujudkan satu *database* atau pun *dashboard* untuk mengesan kemungkinan berlaku kekurangan-kekurangan bekalan. Hal ini saya rasa walaupun, ada orang kata sudah terlambat, tetapi lebih baik terlambat daripada tiada. Tak payah *translate* ya, Tuan Yang di-Pertua. *Better late than never*, tersebut juga.

Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, *better never late*. Kalau boleh, inisiatif ini datang awal supaya kita tidak menghadapi masalah kekurangan makanan yang mengejutkan, yang tiba-tiba, kerana suasana negara kita ini bukan tidak boleh kita jangkakan. Kita sudah jangka, sebulan lagi raya. Dua bulan lepas itu, raya lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Raya lagi tiga minggu sahaja.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tiga minggu, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira tiap-tiap hari.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya seronok berpuasa. Saya hendak panjang lagi.

Jadi, kita tidak mampu untuk berhadapan dengan suasana kejutan bekalan yang berkurangan, terutamanya makanan asas kita. Jadi, langkah kementerian itu harus dipuji dan kalau itu memerlukan suatu bentuk dana pembangunan yang lebih, kita boleh menyokongnya.

Yang lebih pentingnya ialah, industri pemakanan itu. Penanaman, nelayan dan juga petani-petani dipermudahkan urusan mereka dengan menyediakan bantuan-bantuan modal dan juga peralatan dan keperluan-keperluan lain seperti benih dan baja. Ini bukan tidak ada, memang sudah *establish* di Malaysia ini.

Ada agensi yang berkaitan, FAMA, NAFAS, sudah ada. Cuma, kalau ia tidak dapat ditingkatkan keberkesanannya, maka akan berlaku lagilah kekurangan makanan yang boleh menjejaskan semangat rakyat kita dan juga menimbulkan polemik berterusan. Jadi, saya harapkan peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini betul-betul digunakan untuk memodenkan pertanian kita, melatih petani-petani kita yang muda, yang moden, membuat kolaborasi. Sudah ada sebenarnya, dengan institusi pengajian tinggi, UPM contohnya.

Tentulah, mereka mempunyai maklumat ilmu yang terbaru yang boleh kita pelajari supaya proses pertanian kita ini dimodenkan. Penggunaan AI, penggunaan *Internet off things* semua itu- memang di tempat-tempat lain sudah di-*showcase* kan benda-benda ini. Saya berbincang dengan orang kuat bahasa di sebelah saya ini, *showcase* ini apa saya hendak *translate* kan? Takut Tuan Yang di-Pertua tanya, “Tiada perkataan lain kah?”

Tuan Yang di-Pertua: *Showcase is a “kotak peragaan.”*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Itu kotaknya, tetapi kita hendak tunjukkan contoh. Itu yang- rasanya Dewan Bahasa belum masukkan lagi. Wadah katanya. Jadi, wadah itu besar sangat pula pada saya. Apa pun, kita sudah melihat *showcase* ini ada di luar negara. Di China, contohnya. Jadi, kalau boleh dibawa ilmu-ilmu maklumat ke negara kita, kemudian kita persiapkan petani-petani moden yang keluar dari universiti anak-anak muda. Diberikan laluan...

■1350

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada komen baru-baru ini, ada graduan dari universiti yang terkait dengan pertanian tidak tahu tanam kacang. Sahaja hendak komen itu untuk dipertimbangkan dalam komen.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, itu merupakan satu jenayah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Very bad-* jadi, macam kita lahirkan doktor yang tidak tahu hendak *dispensing* ubat *Panadol*, contohnya. Tidak adalah macam itu, doktor tidak ada, semua boleh.

Jadi kalau boleh kolaborasi sedemikian digunakan, belanja sedikitlah supaya kita boleh menggunakan dana itu, menggunakan kepakaran universiti dengan membawa anak-anak muda kita, ramai. Kita boleh datangkan melalui NGO supaya dapat diberikan tunjuk ajar. Kemudian kerajaan menyediakan kawasan-kawasan sama ada untuk *contract farming* kah atau mereka berkumpul di bawah naungan koperasi contohnya. Koperasi di pertanian ini Tuan Yang di-Pertua, memang merupakan suatu sudut perniagaan yang cukup mempunyai potensi yang tinggi.

Jadi, kalau ini dapat digabungkan antara beberapa kementerian yang terlibat pembangunan usahawan, pertanian, kewangan, pengajian tinggi dan juga pendidikan. Jadi kalau kita boleh duduk berbincang macam ini, kita bolehlah mencapai hasrat seperti yang dikehendaki oleh kerajaan iaitu hendak mengeluarkan masyarakat kita daripada kepompong kemiskinan, membuka medan-medan yang baharu. Ini saya rasa mudah kalau kita boleh duduk semeja dalam suasana yang penuh harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai harapan saya kepada sistem kesihatan di negara kita. Mendapat peruntukan yang kedua terbesar dalam bajet yang lalu dengan

peningkatan daripada RM32 bilion kepada RM36 bilion kalau tidak silap saya. Saya harap kenaikan ini dan jumlah ini bukan untuk memadamkan kebakaran. Bakar sana padam, bakar sini padam. Akan tetapi, digunakan untuk perancangan betul-betul dalam perkhidmatan kita.

Rakan kita, Yang Berhormat Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam dengan pengalaman sebagai pengarah hospital telah menyatakan daripada mulut beliau sendiri dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kesihatan.

Jadi, ada yang mengatakan kita kurang tenaga, doktor berkurangan. Jururawat tadi berkurangan. Ini saya rasa bukan masalah yang terpinggir, terasing ataupun baharu atau yang mengejutkan. Tidak! *Planning* di Kementerian Kesihatan harus lengkap, dibantu oleh JPA misalnya, dibantu oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menghasilkan atau melahirkan petugas-petugas kesihatan ini.

Kemudian, diberikan suatu macam janji ataupun bayangan bahawa bidang-bidang ini tidak akan mengalami apa yang dialami pada hari ini. Lambat dapat kerja, kerja yang terlalu berat, dua syif bertembung bagi satu orang. Ini tidak munasabah bagi suatu bidang di mana *skill* ataupun kehalusan kerja itu dapat dilaksanakan dalam suasana jiwa yang tertekan dan fizikal yang lemah.

Jadi, projeksi jumlah doktor, jururawat dan semua jawatan sokongan dalam kementerian harus diambil kira. Kita bersetuju kalau kita melahirkan lebih ramai pakar. Kita ada sistem pendidikan pakar di universiti tempatan.

Ada pula yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *parallel pathway* ataupun laluan selari untuk melahirkan pakar. Walaupun jumlahnya tidak banyak. Cuma ada pandangan daripada mereka yang terlibat dalam bidang latihan kepakaran ini untuk meminta supaya latihan kepakaran dalam negara diberikan keutamaan kerana konteks latihan itu adalah lokal, pendidikanya lokal, pelajarnya lokal. Jadi, ia membantu pembangunan perubatan khusus untuk negara kita. Walaupun mereka akhirnya letak jawatan masuk *private*, masih berada dalam negara kita.

Jadi, saya hendak minta kepada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melihat semula dan membandingkan antara sistem latihan dalam dan juga *parallel pathway* ini. Sama ada di sini ada konflik. Ini kerana saya dimaklumkan ada konflik. Saya pun tidak berapa jelas konflik pertandingan antara dua buah laluan ke arah menjadi kepakaran ini.

Bagi saya dan bagi rakyat yang memerlukan pakar asalnya mereka lahir sebagai pakar itu sudah cukup baik. Macam mana mereka datang? Bagaimanakah mereka dididik? Itu merupakan perkara yang kedua. Akan tetapi, bagi meningkatkan profesionalisme di kalangan doktor dan juga kesesuaian dengan latihan atau keperluan tempatan, perkara ini harus juga diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kalau terlewat dua saat. Jadi, saya akhiri dengan ucapan terima kasih dan saya menyokong pembentangan Belanjawan 2023. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam. Alhamdulillah.* Sekian, penyampaian oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli dan kita terus kepada Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi.

1.56 tgh.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tema “Membangun Malaysia Madani” dengan peruntukan RM386.14 bilion dilihat menyentuh semua segmen rakyat yang ada dalam negara kita termasuk B40, M40, anak muda dan golongan-golongan yang terpinggir.

Menelusuri kerangka pembangunan Malaysia Madani, pembentangan Belanjawan 2023 telah menggariskan tiga tekad iaitu pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan, reformasi institusi dan tata kelola bagi memulihkan keyakinan dan keadilan sosial untuk menyederhanakan kesenjangan atau jurang, memerlukan komitmen semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua dalam perbahasan kali ini, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh berkenaan penyediaan peruntukan yang melibatkan perihal pembangunan komuniti OKU khususnya. Teras pendidikan, saya menyambut baik usaha kerajaan dalam menyediakan peruntukan kepada sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas untuk dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU.

Kemudahan dan prasarana OKU seperti susur tangan, susur landai, tandas OKU serta *tactile paving* dan *tactile tiles* dengan izin, amat penting bagi memastikan...

Tuan Yang di-Pertua: *Tile* apa Yang Berhormat?

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Tactile paving* dan *tactile tiles*.

Tuan Yang di-Pertua: Oh.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Amat penting bagi memastikan sektor pendidikan terus menekankan nilai keterangkuman yang juga merupakan sebahagian daripada Dasar Sifar Penolakan.

Oleh itu, saya di sini ingin bertanya, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi menambah baik kemudahan mesra OKU serta jumlah sekolah yang terlibat? Apakah jenis kemudahan dan prasarana yang akan disediakan melalui usaha ini?

Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi menambah baik fasiliti mesra MBK sejak tahun 2013-2023?

Adakah kerajaan turut bercadang untuk menyediakan alatan teknologi bantuan termasuk peranti mobiliti seperti alat bantu jalan- *walker*, kerusi roda serta perkakasan perisian dan peralatan yang membantu golongan OKU mengakses komputer dan teknologi maklumat yang lain.

Melalui bajet ini juga, turut disediakan peruntukan bagi membaik pulih 380 buah sekolah daif di seluruh negara. Saya ingin mencadangkan agar kesemua proses menambah baik kemudahan sekolah daif mematuhi, dengan izin, *Malaysian Standard MS1184:2014* atau yang terkini *on Universal Design and Accessibility in the Built Environment - Code of Practices* seperti yang termaktub dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, (Pindaan) 1991, seksyen 34A.

Saya juga ingin bertanya, berapakah jumlah MBK yang masih menuntut di sekolah-sekolah daif di seluruh negara serta apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi memastikan kebajikan mereka di sekolah daif ini terpelihara?

Tuan Yang di-Pertua, akses kepada pendidikan tinggi merupakan hak asasi semua warganegara Malaysia termasuklah OKU. Kegagalan menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas untuk menghasilkan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi pelajar OKU merupakan suatu bentuk diskriminasi yang tidak seharusnya wujud di negara kita.

■1400

Turut disediakan, sejumlah RM436 juta disediakan bagi membaik pulih infrastruktur dan menggantikan peralatan usang yang tidak lagi ekonomik di IPTA memandangkan kebanyakan IPTA di negara ini masih tidak mesra kepada OKU sepenuhnya dengan pelbagai kekangan yang terus terpaksa dihadapi oleh mahasiswa OKU.

Justeru, saya ingin bertanya adakah kementerian akan menyediakan tatacara khas dalam memastikan peruntukan ini digunakan untuk menyediakan prasarana mesra OKU di IPTA dengan melibatkan peranan unit OKU di semua universiti? Kemudiannya, mohon nyatakan jumlah *enrollment* pelajar OKU ke IPTA sejak tahun 2013 hingga 2023 serta nyatakan IPTA yang masih belum Mesra OKU sepenuhnya. Boleh saya terangkan juga di sini dan kongsi Tuan Yang di-Pertua, bahawa banyak lagi IPTA yang belum mesra OKU.

Seterusnya, apakah tindakan yang diambil terhadap IPTA yang gagal menyediakan prasarana fizikal mahupun bantuan pembelajaran kepada OKU? Saya ingin ketahui juga status semasa pelaksanaan dan pencapaian menerusi Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di institusi pendidikan tinggi sehingga kini.

Saya juga menyambut baik insentif khas yang berjumlah RM5 juta untuk penubuhan 50 buah taska OKU baharu berbanding 13 buah taska OKU. Berhubung hal ini, saya ingin mendapatkan pendirian kerajaan dalam beberapa soal. Di manakah lokasi bagi penubuhan

bagi 50 buah taska OKU yang baharu ini? Bagaimanakah pemilihan lokasi ini dilakukan? Adakah kesemua taska OKU ini akan disediakan elemen intervensi awal? Adakah taska-taska ini mesra kepada semua kategori OKU? Kategori OKU kami Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi sedikit di sini bagi sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator yang mungkin tidak tahu; kategori buta, fizikal, pekak, pertuturan, mental, autisme dan yang ketujuh adalah dan lain-lain.

Kemudiannya, adakah taska OKU ini dilengkapi dengan perkhidmatan jurubahasa isyarat atau adakah ada cara untuk mereka berkomunikasi dengan seorang jurubahasa isyarat? Mungkin penggunaan *WhatsApp*. Berapakah *enrollment* kanak-kanak OKU ke taska OKU sejak tahun 2013 sehinggalah tahun 2023?

Tuan Yang di-Pertua, teras pengangkutan dan mobiliti. Saya menyambut baik usaha murni kerajaan menyediakan tambang percuma bagi perkhidmatan tren bagi golongan OKU serta pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 6 yang berjumlah RM4 juta. Namun, adakah kesemua jenis perkhidmatan tren, MRT dan LRT akan menyediakan tambang percuma ini? Saya memohon agar kemudahan mesra OKU termasuk di lif, laluan *tactile* untuk OKU penglihatan, dengan izin, *Automatic Platform Gate* (APG) yang lebih lebar untuk mereka yang berkerusi roda, kaunter khas bantuan OKU, butang talian bantuan berdekatan lif dan tempat letak kereta untuk pemandu OKU turut dapat diberikan perhatian oleh Kementerian Pengangkutan.

Selain itu, saya juga turut ingin menggesa agar kerajaan menyediakan peruntukan bagi penyediaan video pendek kecemasan untuk OKU pembelajaran serta khidmat jurubahasa isyarat supaya OKU pendengaran juga dapat bertindak ketika dilanda situasi kecemasan serta menyediakan sistem kecemasan interkom buat OKU penglihatan dan skrin kamera dua hala atau mesej elektronik agar sahabat-sahabat kami yang di bawah kategori OKU pendengaran, dapat berbicara dengan mereka di luar sana.

Saya menyokong penuh inisiatif kerajaan dalam menyediakan kemudahan *wheelchair ramp* di tujuh buah lapangan terbang di Sabah dan Sarawak yang dibina untuk manfaat ribuan yang berkerusi roda yang menggunakan MASwings. Saya turut mohon agar inisiatif ini diperluas kepada lapangan terbang dan syarikat penerbangan yang lain. Ketika ini, terdapat seramai 196,505 orang OKU fizikal di Semenanjung Malaysia yang turut memerlukan sokongan dan kemudahan *wheelchair ramp* di lapangan terbang.

Dalam kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar kerajaan mempertimbangkan dalam menyediakan perkhidmatan pintu ke pintu kepada komuniti OKU melalui usaha sama Prasarana Malaysia Berhad. Ini adalah untuk membantu memudahkan urusan pergerakan dan mobiliti OKU fizikal dan yang terlantar.

Kini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, RapidKL mempunyai perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan juga di Pulau Pinang. Akan tetapi, di kota sahaja dan bukan di kawasan pedalaman. Jadi, sekiranya saya dan sahabat-sahabat saya yang lain ingin

bergerak, kami sukar sekali dan sekiranya ingin menaiki bas, kami terpaksa merangkak untuk naik ke bas itu. Jadi, sudah tiba masanya untuk kita mempunyai perkhidmatan sebegini seperti di London, yang mereka ada di sana.

Baiklah, saya juga kini ingin bercerita mengenai teras pekerjaan dan perniagaan. Kerajaan melalui Belanjawan 2023 turut memperkenalkan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P). Pendaftaran dan pembaharuan lesen SSM percuma kepada OKU terhad kepada satu perniagaan sahaja. Oleh itu, saya di sini ingin bertanya, berapakah jumlah perniagaan atau syarikat yang dimulakan oleh OKU sejak tahun 2013-2023?

Apa jenis sokongan perniagaan yang telah disediakan oleh kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi kepada kami, komuniti OKU? Apakah program atau inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam menggalakkan OKU untuk memulakan perniagaan? Seterusnya, jumlah dana yang telah disediakan TEKUN, SME Corps., INSKEN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan SME Bank kepada OKU bagi memulakan atau bantuan perniagaan sejak tahun 2013-2023?

Saya di sini menyambut baik usaha PERKESO yang turut menyediakan insentif kepada majikan menggaji golongan muda terjejas seperti OKU, bekas banduan, gelandangan dan penganggur tegar sehingga RM600 sebulan untuk tempoh sehingga tiga bulan. Soalan saya, berapakah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan kepada OKU melalui Inisiatif Jamin Kerja sejak ia diperkenalkan ?

Masalah pengangguran di Malaysia pada tahun 2020 telah menjadi buah mulut masyarakat kerana peningkatan kadar pengangguran yang mendadak selepas kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Yang turut menerima kesan daripada keadaan ini ialah komuniti OKU yang masih lagi dibelenggu dengan isu pengangguran. Kini, isu pengangguran dalam kalangan masyarakat OKU boleh dikatakan sebagai satu pandemik yang kian menjadi parah.

Oleh itu, berapakah jumlah pengangguran dalam kalangan OKU serta apakah langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengatasi perkara ini? Saya pernah berkongsi sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebelum ini ketika saya menjadi OKU, saya tidak mempunyai pekerjaan selama enam tahun sungguhpun saya mempunyai pengalaman. Jadi, waktunya sudah tiba untuk kita memastikan tidak ada diskriminasi terhadap OKU untuk mendapat pekerjaan.

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia dapat melaksanakan inisiatif khusus buat OKU, polisi *one size, fits all* tidak sesuai dalam perancangan pemulihan melibatkan prospek pekerjaan golongan OKU. Merangsang pekerjaan dan keusahawanan baharu dengan kerjasama rentas kerajaan, agensi dan GLC. Program menggaji golongan mudah terjejas diperluaskan sehingga enam bulan. Menyediakan kuota khas, dengan izin, *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) serta mengenal

pasti langkah-langkah untuk penerapan OKU di dalam sesebuah syarikat. Kemudian, bekerjasama dengan KPKT dalam menyediakan gerai dan *kiosk*, MyKiosk@KPKT khusus buat komuniti OKU dan belia OKU.

Teras sokongan sosial. Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) disediakan sebanyak RM8.3 juta bagi menjalankan intervensi awal isu kesihatan mental dan keganasan rumah tangga. Berapakah jumlah PSSS yang akan menerima manfaat melalui usaha ini serta adakah PSSS akan bekerjasama dengan pusat MENTARI dalam menangani isu kesihatan mental? Saya juga ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah OKU yang telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga sejak tahun 2013 hingga 2023 serta apakah langkah yang telah diambil kementerian dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan OKU?

Saya turut mengalu-alukan geran institusi penjagaan warga emas, kanak-kanak dan OKU swasta yang dikendalikan oleh NGO yang berjumlah RM21.2 juta. Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan geran sepadan dengan kerjasama syarikat korporat bagi operasi penjagaan golongan rentan? Dalam kesempatan ini, saya ingin menggesa agar kerajaan menyegerakan pindaan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 supaya kesemua institusi penjagaan swasta wajib didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini adalah bagi mengatasi gejala penderaan terhadap golongan rentan yang kian berleluasa di rumah penjagaan yang tidak berdaftar dengan JKM seperti kes adik Bella.

■1410

Teras pelancongan. Tahun 2025 telah ditetapkan sebagai Tahun Melawat Malaysia dengan sasaran ketibaan 23.5 juta orang pelancong antarabangsa dan unjuran pendapatan sehingga RM76.8 bilion. Kebanyakan tempat tiada rem, tiada tanjakan, tiada laluan untuk kerusi roda. Kalau adapun tempat laluan kerusi roda itu, Tuan Yang di-Pertua, dijadikan tempat letak motor ataupun tempat letak orang berniaga. Dari pusat pelancongan, kawasan rekreasi, pantai dan sebagainya. Ini semua berlaku dan kami melaluinya setiap hari. Oleh itu, isu berkenaan kemudahan tempat pelancongan serius yang kerajaan seharusnya memberi perhatian.

Saya mencadangkan agar kementerian yang bertanggungjawab bekerjasama dengan PBT ataupun pihak berkuasa tempatan bagi memastikan pembinaan pusat pelancongan dalam negara dilengkapi dengan kemudahan untuk komuniti OKU. Ini adalah bagi memastikan kemudahan kepada OKU cukup serta setanding negara maju yang lain dan menarik pelancong OKU dari luar negara untuk datang ke negara kita Malaysia.

Akhir sekali, selaras dengan nilai-nilai Malaysia Madani, saya yakin bahawa Kerajaan Perpaduan ini akan terus mengutamakan, *insya-Allah*, agenda keterangkuman dan mengangkat martabat golongan komuniti kami OKU.

Saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.* Tahniah kepada Yang Berhormat Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi. Saya baru membilang kuorum 13 orang. Di bawah Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ada sekurang-kurangnya 10 orang. Jadi kita hanya lebih tiga orang. Mana yang ada di luar itu bolehlah masuk supaya lebih ramai.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah

2.12 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... *[Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin menyatakan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari yang lalu dengan tema "Membangun Malaysia Madani" iaitu cerminan prinsip pertanggungjawaban dan sistem nilai yang luhur yang mampu mendepani cabaran semasa termasuk cabaran ekonomi global yang sarat dengan ketidaktentuan dengan tiga tekad dan 12 ikhtiar utama.

Tiga tekad berkenaan ialah:

- (i) pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan;
- (ii) reformasi institusi dan tata kelola bagi memulihkan keyakinan; dan
- (iii) keadilan sosial untuk menyederhanakan kesenjangan.

Kita melihat Belanjawan 2023 yang disemak semula dengan pertambahan peruntukan daripada RM372.3 bilion yang dibentangkan pada Oktober 2022 kepada RM388.1 bilion yang dibentangkan pada 24 Februari yang lalu adalah bertujuan untuk membolehkan kerajaan terus memberi sokongan kukuh kepada pertumbuhan ekonomi. Menurut *Khazanah Research Institute*, Belanjawan Madani yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan langkah yang tepat dalam menghadapi cabaran yang amat sukar.

Belanjawan 2023 dirancang untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan. Kerajaan berusaha menanam keyakinan rakyat dan pelabur asing melalui reformasi institusi serta meningkatkan keadilan sosial.

Pertumbuhan KDNK yang lebih perlahan ini bermakna aktiviti ekonomi juga akan bergerak lebih perlahan, berkurangnya peluang pekerjaan dan berlaku kemerosotan pendapatan isi rumah akibat kenaikan kos sara hidup.

Ekonomi Malaysia dijangka mula menyederhanakan berikutan kesan ketidakstabilan ekonomi global dalam beberapa bulan ke hadapan pada tahun ini. Keadaan ini sukar dielakkan sementara ia ditambah dengan krisis Perang Rusia-Ukraine yang memburukkan

lagi keadaan. Tidak cukup dengan itu, sekatan pergerakan dan ekonomi di negara kedua ekonomi terbesar di dunia ini merencatkan lagi rantai bekalan dunia pada ketika ini.

Dalam pada masa ini, kita dapat melihat kegigihan kerajaan mendepani keadaan semasa dengan bersungguh-sungguh. Ini kerana jika tidak ditangani dengan baik, kesannya amat buruk kepada negara dan juga rakyat. Semoga reformasi yang dilakukan dalam Belanjawan kali ini mampu menjadikan ekonomi negara berkembang dan mengukuh.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa bulan yang lalu, rakyat Malaysia memperkatakan tentang ketidakcukupan bekalan ayam dan telur..., kenapa..? Ini kerana ia ialah sumber makanan yang paling murah. Jadi, persoalannya kenapa berlaku gangguan bekalan sejak satu, dua tahun yang lalu?

Ia bermula dengan kenaikan harga bahan makanan ternakan sejak COVID-19 melanda, terutama jagung dan kacang soya, yang menyebabkan makanan ternakan melonjak 30 hingga 40 peratus. Diikuti dengan penyakit sampar yang menyerang ternakan menyebabkan kadar kematian yang tinggi. Ditambah pula dengan penyakit selesema burung yang melanda negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat yang menjadi sumber ayam baka yang menyebabkan kita tidak dapat mengimport ayam baka dari negara-negara tersebut, walaupun kita masih boleh mendapatkan dari negara-negara lain seperti Brazil, New Zealand serta Australia, tetapi jumlahnya tidak mencukupi, serta kadar kematian yang tinggi jika diimport dari Brazil.

Dalam kegawatan ini, kerajaan telah membelanjakan RM1.8 bilion pada tahun lepas untuk subsidi ayam dan telur. Pada tahun ini, sehingga Jun, kerajaan akan berbelanja sejumlah RM1.3 bilion untuk mengekang kenaikan harga secara mendadak.

Jadi, persoalannya, adakah kita berjaya mengawal harga? Jawapannya, ya dalam jangka masa yang singkat. Akan tetapi, dalam jangka masa yang panjang, kerajaan akan kehabisan dana. Industri tidak dapat bertahan kerana dengan harga subsidi, industri tidak begitu untung. Ini kerana kita harus ingat bahawa industri ayam dan telur ialah perniagaan yang dipelopori 100 peratus daripada pihak swasta. Jika tidak untung, nescaya mereka akan kurangkan pengeluaran ataupun berhenti berniaga suatu hari nanti.

Satu lagi perkara iaitu campur tangan kerajaan dalam menangani kekurangan bekalan adalah dengan membenarkan import ayam dan telur. Ia suatu usaha yang wajar dilakukan untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan makanan dalam jangka masa yang singkat. Akan tetapi, untuk jangka masa yang lebih panjang, kerajaan perlulah mengawal dengan ketat pengimportan daging ayam serta telur untuk memastikan industri kekal mampan dan mengekalkan paras kecukupan bekalan ataupun SSL. Kebenaran mengimport haruslah dihentikan sebaik sahaja bekalan tempatan mencukupi.

Untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan ternakan yang diimport, kerajaan akan menggalakkan penanaman jagung bijirin yang menyasarkan pengeluaran 30

peratus menjelang tahun 2035. Jadi, soalan saya, adakah proses penanaman ini telah bermula? Berapakah keluasan tanah dan di manakah ia akan ditanam? Adakah kita sudah mempunyai benih yang sesuai mengikut cuaca dan persekitaran kita?

Saya rasa ia ialah suatu cabaran yang besar terutamanya daripada segi kos pengeluaran memandangkan bahan input pertanian seperti baja dan racun-racun serangga dan racun rumpai juga amat tinggi. Adakah kerajaan bercadang memberi subsidi untuk penanaman jagung bijirin tersebut memandangkan kos pengeluaran yang tinggi?

Saya berpendapat sumber bahan makanan lain harus diterokai juga selain daripada bijirin di peringkat- kajian-kajian perlu dilakukan oleh universiti-universiti tempatan serta MARDI. Justeru itu, saya mencadangkan dana yang mencukupi perlulah diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembaharuan sektor awam, iaitu tekad yang kedua, menyegerakan projek prasarana rakyat sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan bagi menjayakan projek pembaikan yang akan melibatkan sebanyak 400 buah klinik dan 380 buah sekolah daif tanpa mengira negeri. Mungkin itu satu masalah dia. Sahaja saya kemukakan.

■1420

Saya amat bersetuju atas keprihatinan kerajaan, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk membaik pulih 380 buah sekolah daif yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Masalah sekolah daif ini seolah-olah tiada kesudahannya. Walaupun telah diperkatakan sejak sekian lama, namun tidak kelihatan penyelesaian yang tuntas.

Melihat dengan mata kepala sendiri keadaan fizikal serta keuzuran sekolah-sekolah tersebut semasa saya ke Bekenu, Sarawak sememangnya boleh menitikkan air mata. Keadaan sekolah dengan persekitaran yang sangat tidak selesa untuk digunakan sebagai tempat anak-anak bangsa kita menimba ilmu serta rumah guru yang amat uzur yang masih diguna pakai. Malahan, sekolah berkenaan menggunakan generator sedangkan hanya terletak di tepi jalan raya yang mempunyai bekalan elektrik.

Jumlah sekolah daif yang dikenal pasti seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Pendidikan ialah sebanyak 830 buah sekolah. Akan tetapi, saya melihat kerajaan menumpukan untuk baik pulih buat masa ini sebanyak 380 buah sekolah. Persoalannya, di mana lokasi sekolah-sekolah tersebut dan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk baik pulih sekolah-sekolah daif ini daripada jumlah RM1.2 bilion tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat isu sekolah daif ini sebagai tanggungjawab yang perlu digalas oleh semua pihak. Maka, semua pihak haruslah menggembelng idea dan saranan bagaimana masalah ini dapat diatasi dan diselesaikan. Perlu ada perancangan pembangunan baik pulih untuk tempoh tiga tahun hingga lima tahun dalam usaha menyelesaikan isu sekolah daif ini.

Kita sedia maklum bahawa kekangan besar yang akan dihadapi oleh kerajaan ialah peruntukan besar yang boleh mencecah berbilion-bilion Ringgit setiap tahun bagi membiayai projek baik pulih dan membina semula bangunan yang uzur. Komitmen dan kesungguhan dalam melaksanakan dan disertakan dengan jadual pelaksanaan, tarikh, masa, fasa pembaikpulihan perlu dalam menunjukkan kerajaan benar-benar komited mengenai perkara ini.

Sekali lagi walaupun dalam sesi yang lepas saya telah sebut, namun saya ingin sekali lagi mencadangkan kepada kerajaan supaya sekolah-sekolah di Malaysia ini dipasang dengan penghawa dingin. Sebagaimana kita maklum, keadaan cuaca di Malaysia adalah panas sepanjang tahun. Pelajar-pelajar sepatutnya perlu belajar dalam keadaan yang lebih selesa dan lebih kondusif. Saya faham untuk pasang penyaman udara, kosnya mungkin terlalu tinggi. Namun, kita boleh mencari alternatif lain seperti mengubah reka bentuk dan bahan yang digunakan bersesuaian supaya sekolah tidak panas.

Seperkara lagi ialah balai-balai polis yang daif di seluruh negara. Para anggota polis menjaga keselamatan negara, mereka memerlukan persekitaran tempat bertugas yang selesa. Kebajikan mereka di tempat kerja haruslah terbela. Terdapat juga bangunan ibu pejabat polis dan juga kuarters kediaman polis yang agak daif dan kurang dari segala kemudahan. Sebagai contoh, salah sebuah Balai Polis di Daerah Tampin yang masih lagi menggunakan bangunan yang dibina sejak zaman penjajah. Jadi bayangkanlah, segala kemudahan termasuk pendawaian pun sudah tidak boleh diguna lagi sedangkan balai polis tersebut masih diguna pakai.

Kekurangan kemudahan serta keadaan fizikal bangunan polis yang usang khasnya kawasan luar bandar terutamanya Sabah dan Sarawak perlu diberi perhatian segera. Ini kerana kemudahan ini penting untuk memberikan suntikan moral terhadap pasukan keselamatan untuk terus berbakti kepada negara. Saya merasakan adalah amat penting untuk kerajaan menyediakan kemudahan asas ini sekurang-kurangnya pada tahap minimum kerana kita perlu berlaku adil kepada anggota yang menawarkan khidmat mereka untuk menjaga keselamatan.

Saya yakin dengan tersergamnya sebuah bangunan keselamatan di sebuah kawasan sebenarnya boleh menghadirkan perasaan selamat di kalangan masyarakat dan juga rasa dilindungi kepada seseorang ataupun masyarakat. Secara tidak langsung, bangunan keselamatan ini juga boleh dikira sebagai mampu menggambarkan tahap kepedulian dan kepekaan pihak berkuasa untuk memastikan keselamatan individu, komuniti dan juga negara.

Melalui pemerhatian dan penilaian saya, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa memang wujud keperluan untuk menambah baik bangunan-bangunan balai polis sedia ada. Penambahbaikan ini perlu bagi membolehkan ia berfungsi sebagai *standard operating procedure* (SOP), dengan izin, yang telah digariskan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan

Kementerian Dalam Negeri. Reka bentuk bangunan yang sentiasa ditambah baik mengikut keperluan operasi juga adalah bukan sahaja demi keselamatan pihak awam, malah perlu memastikan keselamatan anggota pasukan itu sendiri.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh merupakan kekuatan anggota keselamatan di satu-satu kawasan. Sebagaimana semua maklum, bahawa lebih daripada 500 daripada 791 buah balai polis di seluruh negara ketika ini berdepan dengan masalah kekurangan anggota. Jumlah penduduk yang semakin meningkat, taman perumahan yang semakin bertambah, ancaman dadah juga bertambah, maka wajarlah pihak kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk segera menambah perjawatan anggota keselamatan ini.

Mengikut model Kepolisan Moden, setiap balai polis harus mempunyai 35 orang anggota termasuk menjaga balai, menerima panggilan, lokap dan juga rondaan. Model kepolisan juga menetapkan sekurang-kurangnya jawatan Ketua Polis Balai ataupun OCS berpangkat *Deputy Superintendent of Police* (DSP), dan bukannya Sarjan mahupun Sub Inspektor. Jadi selaras dengan saranan kita untuk menambah baik mutu perkhidmatan anggota keselamatan negara, maka wajarlah perkara ini diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mendepani tentangan kenaikan harga barang dan gangguan bekalan makanan, sektor agromakanan perlu dirombak dengan mengutamakan kemandirian pengeluaran makanan tempatan melalui automasi dan pendigitalan. Bank Negara Malaysia menyediakan dana sehingga RM1 bilion. Program Digital AgTech, latihan dan bimbingan oleh *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) kepada pekebun kecil.

Saya bersetuju dengan dana yang diperuntukkan untuk menjamin bekalan makanan dan usaha serta perancangan kerajaan ke arah tersebut. Tiga konsep utama keterjaminan makanan ialah kebolehdapatan atau ketersediaan makanan, capaian makanan dan penggunaan makanan. Belanjawan 2023 merupakan langkah yang tepat dalam menghadapi cabaran yang sukar terutamanya di tengah-tengah gangguan rantai global dan kenaikan harga makanan.

Program Digital AgTech yang telah dirancang oleh MDEC menyasarkan peningkatan produktiviti dan pendapatan lebih daripada 20 peratus serta pengurangan kos operasi lebih daripada 30 peratus. Penggunaan teknologi digital dalam pertanian dikatakan mampu untuk meningkatkan hasil pengeluaran, kualiti dan meningkatkan pendapatan petani. Ini sudah berubah, begitu juga dengan teknologi pertanian.

Semoga dengan penerapan teknologi 4IR seperti *internet* kebendaan (IoT), analitis data raya serta kecerdasan buatan untuk memangkinkan pendigitalan dan mampu meningkatkan taraf hidup golongan petani di seluruh negara serta mampu memperkasa hasil pengeluaran pertanian negara dan sekali gus bekalan makanan negara. Semoga perancangan MDEC yang dilaksanakan secara progresif mendorong penerapan Digital

AgTech di seluruh sektor pertanian untuk peningkatan produktiviti dan pendapatan bagi masyarakat petani akan berjaya dengan peruntukan yang disediakan.

Makanan ruji negara ini ialah nasi. Maka, sepatutnya semua dasar ekonomi negara perlu difokuskan untuk memastikan segala rantai bekalan daripada penanaman padi hingga menjadi beras mesti terjamin dalam negara. Namun, jika dilihat ketika negara Asia lain sudah mampu mengeksport beras, berbeza pula dengan negara kita yang masih mengimport sejumlah 30 peratus makanan ruji itu bagi menampung keperluan penduduk.

Beras yang dihasilkan dalam tempoh setahun menyaksikan Malaysia jauh terkebelakang iaitu sekitar 2.2 juta tan metrik berbanding China 182 juta tan, India 136 juta tan, Indonesia 54 juta tan dan Vietnam 34 juta tan metrik. Jadi persoalannya, ke manakah hala tuju bidang pertanian kita? Saya melihat negara terlalu bergantung kepada makanan import yang jumlahnya semakin meningkat setiap tahun dan kini jumlahnya hampir RM60 bilion.

Persoalannya, adakah kita akan kawal jumlah import makanan yang semakin meningkat setiap tahun atau kita diam dan membiarkan ia meningkat saban tahun? Kita ada kawasan sejuk yang sesuai untuk pertanian seperti Cameron Highlands, tetapi malangnya kita masih bergantung pada sayur-sayuran yang diimport dari luar negara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, setuju kah kalau dikatakan menurut rencana dalam *Berita Harian* minggu lalu, orang kampung sudah tidak suka menanam sayur. Mungkin itu satu masalahnya. Saja saya kemukakan.

■1430

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: [Ketawa] Ya, saya rasa benar juga Tuan Pengerusi. Ada kebenarannya. Persoalannya kita kawal jumlah import makanan yang kita semakin meningkat ini.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mencilah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sambung dengan yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Yang Berhormat minat pertanian. Sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Pernah tidak Yang Berhormat tengok? Dari sudut harga barang, produk pertanian tempatan jauh lebih mahal daripada barang import yang beribu-ribu batu. Apakah komen Yang Berhormat?

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Saya rasa salah satu daripada kebenaran yang kita hadapi kemungkinan besar kerana pertanian kita berskala kecil. Jadi apabila beli dalam kuantiti yang kecil, saya rasa harga pun mahal berbanding luar negara mereka menghasilkan dalam skala yang besar. Sudah tentu mereka boleh mendapat harga yang lebih baik.

Saya mencadangkan agar penggunaan tanah untuk pertanian haruslah dipertingkatkan kerana buat masa sekarang tanah yang digunakan untuk tanaman makanan adalah sekitar 2 peratus sahaja. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

menyasarkan untuk mencapai peningkatan kadar pengeluaran beras tempatan kepada 75 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Kadar pengeluaran beras ketika ini adalah sekadar 70 peratus sahaja. Bagaimanakah sasaran 75 peratus itu akan dicapai jika kawasan sawah padi ketika ini telah diambil alih sebahagiannya dan dijadikan kawasan perumahan? Jadi dalam aspek ini perlu ada kawal selia, perlu ada undang-undang untuk mengawal. Jika tiada kawalan saya rasa kawasan tanaman padi akan mengecil dan kawasan perumahan akan membesar.

Apa pun keadaan teknologi yang ingin digunakan, fokus utama haruslah memastikan bekalan sumber protein negara seperti ayam dan ikan diberi keutamaan. Berikan bajet secukupnya untuk nelayan menangkap ikan di laut sehingga ke laut dalam dengan penyediaan bot berteknologi tinggi seperti perusahaan perikanan di Jepun.

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua.... *[Tepuk]* Begitu juga dengan sayur-sayuran dan buah-buahan seharusnya dua jenis sumber makanan ini dijadikan industri raksasa dalam sektor pertanian bagi menjamin bekalan makanan yang sentiasa tersedia.

Terakhir, Kementerian Kesihatan menerima RM32.4 bilion, iaitu satu peruntukan yang amat besar dan sudah tentu saya amat menyokong kerana rakyat berhak mendapat kemudahan kesihatan yang terbaik.

Namun sejak kebelakangan ini saya dapati masih ramai rakyat yang mempunyai masalah long covid, masalah covid yang berpanjangan. Gejala COVID yang berpanjangan ini boleh memberikan kesan kebingungan dan ketidaktenteraman kepada pesakit. Ini kerana bagi pesakit yang mendapat jangkitan serius semasa di hospital mereka menunjukkan masalah kronik di organ paru-paru menyebabkan pengurangan oksigen dalam badan dan kelesuan semasa menjalankan aktiviti harian. Boleh ya, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sedikit lagi, habiskan.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Antara gejala *long Covid* yang berlanjutan yang dilaporkan adalah sakit kepala, kerap lupa, kepenatan, susah bernafas, kebas di anggota badan, kehilangan deria rasa, kurang upaya untuk fokus, berdebar dan sebagainya.

Ada sesetengah pesakit yang memerlukan penjagaan kesihatan daripada pelbagai disiplin dan perlu untuk mendapat khidmat rawatan seperti peralatan keperluan oksigen di rumah dan keperluan untuk menghadiri sesi fisioterapi atau rehabilitasi untuk membantu proses penyembuhan.

Jika pesakit *long Covid* ini memaksa diri mereka untuk berfungsi melebihi kemampuan, tidak akan dapat memberikan kebaikan, malah amat membimbangkan dan ia boleh

memberikan tekanan kepada emosi dan mental dan menyebabkan masalah kemurungan, kerisauan dan kesedihan.

Justeru, saya mohon perhatian sewajarnya daripada kementerian untuk melihat dengan lebih mendalam terutamanya dalam menyediakan kemudahan perubatan kepada golongan yang mengalami masalah *long Covid* ini.

Saya rasa sekadar itu perbincangan saya. Saya mohon menyokong. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

2.35 ptg

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan tentang bajet atau ucapan Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang juga selaku Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Saya sangat teruja untuk membahaskan belanjawan ini kerana ia diberikan dalam keadaan kita walaupun hutang negara menjangkau RM1.2 trilion. Akan tetapi dalam keterbatasan kita kerajaan masih berusaha untuk menyediakan bajet yang saya percaya Bajet Madani untuk negara kita. Jadi oleh sebab masa yang diberikan 20 minit, saya akan berusaha untuk menyampaikan beberapa perbincangan yang berkaitan dengan Sarawak yang mana saya sendiri berasal dari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa bajet kali ini juga menyentuh tentang pembasmian kemiskinan. Kemiskinan kalau dilihat daripada segi penduduk di Sarawak terutamanya di pedalaman, rumah-rumah panjang, kita percaya hampir keseluruhan di pedalaman penduduk-penduduk yang tinggal di pedalaman, mereka mempunyai pendapatan yang tidak atau yang jauh daripada gaji minimum RM1500.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana kerajaan menyediakan Sumbangan Tunai Rahmah. Walaupun begitu ada kekangan-kekangan yang dihadapi oleh rakyat di pedalaman. Justeru itu saya bertanya kepada Kementerian Kewangan, apakah kaedah yang terbaik untuk menyampaikan ataupun mendaftar mereka yang memang selayaknya layak untuk menerima Sumbangan Tunai Ramah (STR)? Ini adalah kerana rata-ratanya kawasan pedalaman ini tidak ada kemudahan ataupun infrastruktur jalan raya yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk datang mendaftar di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri contohnya di Bintulu. Kalau seseorang itu datang dari Mitalun, mereka kena membayar tambang ataupun sewa kereta. Kalau individu ada yang dikenakan RM100 pergi ke Bintulu

dan patah balik RM100. Belum termasuk lagi tempat penginapan. Jadi kalau Sumbangan Tunai Rahmah ini RM300, untuk mendapatkannya di Bintulu, sudah tidak balik modal orang kata. Jadi justeru itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus menyediakan satu kaedah yang terbaik supaya mereka yang di pedalaman ini yang kos untuk datang mendaftar dan juga *update*, dengan izin, maklumat mereka dalam sistem pendaftaran kerajaan supaya memikirkan sesuatu kaedah yang terbaik supaya mereka dapat memaksimumkan pemberian sumbangan kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan barangan bersubsidi untuk rakyat di negara kita ini. Jadi ini juga sesuatu yang ada sedikit kekangan di kawasan pedalaman. Apabila barang-barang yang bersubsidi ini contohnya tong gas, minyak masak, diesel dan sebagainya. Ini juga menyebabkan sesuatu yang kekangan yang mereka hadapi di mana barang-barang ini kadang-kadang tidak sampai dan juga tidak keseluruhannya sampai dan jauh di pedalaman ini maka sekali lagi golongan sasar tidak mendapat faedah daripada usaha murni kerajaan untuk menyediakan harga barangan atau barangan bersubsidi ini untuk rakyat di pedalaman.

■1440

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, memang dalam keadaan sekarang kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu berusaha untuk memajukan pedalaman kita di Sarawak ini terutamanya kerana di Sarawak kita bersebelahan dengan ibu negara baharu Indonesia, Nusantara.

Justeru itu, iltizam kerajaan, iltizam politik perlu digembleng untuk memajukan kawasan pedalaman supaya tidak ada lagi kita menyebut pedalaman di dalam negara ini, apabila infrastruktur kita adalah setanding di mana-mana tempat seperti di tempat rakan kita di Semenanjung ini. Kita selalu membuat perbandingan di mana di Semenanjung dan juga di Sarawak, macam kalau di pedalaman umpama langit dengan bumi perbezaan infrastruktur kita tetapi kita membayar cukai yang sama untuk kenderaan-kenderaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita pergi ke pedalaman ini kerana kita tidak memiliki jalan raya ataupun hanya melalui *off-road*, dengan izin, jalan-jalan balak ini. Banyak pendapatan kita, hasil daripada usaha kita setiap bulan dihabiskan untuk *me-repair*, dengan izin, kenderaan-kenderaan kita, kenderaan empat- roda.

Orang Sarawak bukannya kaya dengan adanya memiliki kenderaan empat- roda ini tetapi terpaksa kerana kita duduk di kawasan yang memang tidak ada kemudahan jalan raya yang baik untuk penduduk pedalaman. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kementerian-kementerian yang berkaitan terutamanya Kementerian Kerja Raya juga boleh memikirkan sebuah jalan raya persekutuan yang boleh menghubungkan Hulu Rajang, daerah Belaga sampai ke menembus ke sempadan hingga bersebelahan ataupun menembus ke Nusantara.

Federal Highway, dengan izin, supaya pergerakan kita di kepulauan Borneo ini akan lebih lancar, lebih lagi ia akan menguntungkan ataupun memberi faedah kepada rakyat di tengah-tengah Sarawak yang juga bersebelahan dengan Nusantara. Kita tidak mahu lambat daripada segi pembangunan kita di daerah Belaga ini berbanding dengan Nusantara yang sekarang ini mula dibina.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu kita melihat Putrajaya. Putrajaya dahulu merupakan sebuah kawasan hutan dan apabila ia dimajukan sebagai ibu ataupun pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan maka kita melihat keadaannya sekarang tersergam indah. Apakah tidak kerajaan boleh untuk melaksanakan perkara yang sama bersebelahan dengan Nusantara? Bukanlah bermaksud saya hendak minta Kerajaan Malaysia ini berpindah ke sebelah Sarawak untuk pindahkan ibu negara, tidak.

Akan tetapi untuk bergerak seiring dengan kemajuan yang bakal dilaksanakan oleh negara jiran kita, Indonesia melalui Nusantara. Kita tidak mahu dengan kemajuan ataupun dengan bangga melihat kemajuan di negara jiran, kita di kawasan daerah Belaga yang bersebelahan dengan Nusantara itu umpama melukut di tepi gantang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya pernah ucapkan sebelum ini, di daerah Belaga kita memiliki empangan mega elektrik. Ada tiga di kawasan Hulu Rajang yang pertama, Empangan Bakun. Kedua, Empangan Murum dan yang ketiga sekarang dalam pembinaan iaitu lebih kurang 90 peratus mahu siap iaitu Empangan Baleh. Semuanya memberi satu sumbangan kepada negara iaitu elektrik.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kawasan Hulu Rajang ini menjadi nadi tenaga untuk negara kita terutamanya di Sarawak, apakah salahnya kita memajukan daerah ini? Ini juga bersesuaian dengan hasrat, dengan harapan, dengan cita-cita rakyat dari daerah Belaga ingin melihat supaya daerah Belaga ini diangkat menjadi bahagian yang ke-13 di Sarawak.

Justeru itu, Kerajaan Persekutuan boleh membantu mempercepatkan keadaan ini kerana apabila Belaga menjadi Bahagian yang ke-13, Kerajaan Persekutuan boleh membantu daripada segi menyediakan infrastruktur jalan raya, menyediakan kemudahan-kemudahan pejabat-pejabat kerajaan, supaya apabila ada pentadbiran dan apabila ada kemudahan infrastruktur yang maju juga di tempat ini, saya tidak hairan kalau Belaga juga akan menyumbang yang lebih baik kepada kerajaan, lebih-lebih lagi kepada negeri Sarawak.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya kerajaan melalui perbelanjaan yang dibuat mulai tahun 2023 ini, fikirkan lah, majukanlah Sarawak ini yang terlalu ke belakang berbanding rakan kita di Semenanjung ini. Alangkah baiknya kalau kerajaan, semua kita bersama-sama berhasrat untuk memajukan semua tempat di Malaysia ini. Saya menyeru supaya rakyat Malaysia sekalian supaya tidaklah perlu berkecil hati sekiranya kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk Sarawak.

Justeru itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meningkatkan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya kering. *[Minum air]* Justeru itu, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah meningkatkan peruntukan tahunan pada Sarawak daripada RM16 juta kepada sekurang-kurangnya RM300 juta. Jadi, itu satu keadaan di mana Perdana Menteri ataupun pemimpin utama kita memahami keadaan Sarawak.

Justeru itu, saya berharap juga kerajaan Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan ini akan bekerjasama lebih erat lagi untuk segera memajukan Sarawak supaya tidak ada yang tertinggal. Ini supaya kita di Sarawak selalu merasakan apabila Sarawak menyumbang kepada KDNK negara yang besar tetapi pulangnya pada Sarawak masih terlalu kecil berbanding sumbangan Sarawak...

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencehah.

Tuan Abun Sui Anyit: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Hendak tanya sedikit Yang Berhormat. Tadi berucap tentang pembangunan di Sarawak ini. Pada pandangan Yang Berhormat Senator, apakah keutamaan kerajaan yang- diberi keutamaan untuk majukan Sarawak ini? Kalau sebut hendak majukan- ini nampak *general*, dengan izin. Jadi apakah keutamaan itu? Boleh terangkan tidak? Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Senator. Ya, keutamaan kita sudah tentulah infrastruktur itu. Infrastruktur masih juga kita walaupun pada abad yang ke-21 ini, masih lagi kita bercakap soal infrastruktur. Ya, infrastruktur yang saya maksudkan jalan raya. Bahkan elektrik kita, bahkan air kita. Jadi, saya akan pergi *detail* kepada air ini di beberapa buah tempat.

Jadi inilah yang kita harap, supaya jangan lagi kita, tidak ada kawasan-kawasan yang kita tinggalkan di mana tidak ada jalan raya langsung di kawasan berkenaan. Justeru itu, saya berharaplah supaya kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu Jalan Persekutuan yang akan dibina di kawasan Daerah Belaga ini yang telah banyak menyumbang kepada negara.

Jadi justeru itu, saya juga ingin menyampaikan hasrat penduduk di Sungai Asap sekali lagi. Di mana airnya pun selalu bermasalah hampir setiap bulan. Saya melihat kepada peruntukan di dalam Bajet 2023 ini tadi, di mana kerajaan menyediakan projek ataupun peruntukan untuk lampu jalan serta bekalan elektrik untuk Sarawak dan Sabah, terutamanya di sepanjang jalan Pan Borneo Sabah dan Sarawak ini.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dengan bajet yang akan di- saya percaya kita luluskan ini akan memberi manfaat yang besar kepada penduduk di pedalaman. Kita tidak mahu duduk di pedalaman tetapi kita hanya mampu melihat.

■1450

Saya juga ingin memohon kepada kerajaan terutamanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin mengetengahkan ada permasalahan di mana warga tua banyak di pedalaman dan saya sangat berterima kasih kerana kementerian ini berusaha untuk membantu warga tua. Ada yang dihantar ke rumah warga tua tetapi ada juga banyak di pendalaman sehinggalah anak-anak mereka terpaksa tinggal juga di rumah panjang untuk menjaga mereka.

Akan tetapi, mereka ini sebenarnya juga warganegara yang miskin yang patut dibantu. Justeru, masukkanlah juga supaya warga-warga tua yang ada di rumah panjang ini diberikan peruntukan kepada keluarga ataupun anak-anak mereka yang menjaga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih juga kepada Kerajaan Persekutuan ini. Inilah yang kita mahu daripada Kerajaan Persekutuan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi kebenaran kepada Kerajaan Sarawak untuk meluluskan projek yang bernilai RM50 juta.

Justeru, ini merupakan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mahu melihat semua tempat untuk maju dengan pesat, terutamanya di Sarawak. Oleh itu, saya berharap supaya Kerajaan Negeri Sarawak akan terus bekerjasama dengan kerajaan yang ada sekarang terutamanya dengan Perdana Menteri kita yang mengerti, yang faham akan masalah dan keperluan rakyat Sarawak ataupun pedalaman untuk dimajukan supaya mereka tidak tertinggal, supaya mereka tidak tercicir dalam kemudahan-kemudahan yang diberi. Saya juga teringat tentang pemberian bantuan kepada mereka, terutamanya nelayan. Semasa musim kemarau mereka diberi peruntukan juga.

Tuan Yang di-Pertua, di Hulu Rajang ataupun di Belaga, ramai juga penduduk bergantung nelayan-nelayan sungai. Jadi, saya juga menyeru supaya kerajaan melalui sama ada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memberikan subsidi kepada nelayan-nelayan sungai di pedalaman di Belaga ini, kerana mereka juga menghadapi situasi yang sukar sekarang akibat daripada pembalakan yang aktif, yang giat dilakukan sehingga sungai-sungai yang menjadi sumber, tempat mereka mendapatkan ikan turut terjejas, di mana yang keruh dan banyak kayu-kayu sehingga jala boleh koyak dan sebagainya, maka mereka tidak dapat hasil. Jadi, ini juga menjejaskan pendapatan mereka.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit. Hendak tanya sedikit Yang Berhormat Senator. Tadi sebut nelayan sungai, ataupun nelayan darat. Nelayan darat atau nelayan laut. Adakah di Sarawak ini, nelayan-nelayan darat ini mereka dapat bantuan macam bot, enjin bot dan bantuan-bantuan lain untuk menangkap ikan? Di mana kita tengok sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, yang selalu dapat bantuan kerajaan ialah nelayan laut, tetapi nelayan darat ini tidak dapat. Jadi, adakah di Sarawak dapat bantuan? Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Untuk Sarawak, saya percaya dalam pengetahuan saya, betulkan saya kalau saya tidak betul. Di mana rakan kita di sebelah laut iaitu nelayan laut diberi bantuan enjin bot, perahu, bot, Nelayan darat tidak diberi.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, mereka pun perlu juga dibantu kerana jangan kita hanya hadkan pengetahuan kita “nelayan” di laut sahaja, perlu juga ada nelayan di darat ataupun di sungai. Di mana, sekarang Tasik Bakun juga menyediakan ataupun ada kawasan-kawasan yang banyak ikan tetapi mereka tidak mampu untuk membeli bot, tidak mampu membeli enjin sangkut di mana kayu-kayu pun sudah habis. Tidak ada perkara yang- kayu-kayu lagi untuk penduduk tempatan membuat bot.

Jadi, hanya bot yang perlu dibeli, maka itulah kita mohon kerajaan untuk bantu mereka. Setahu saya, memang tidak ada bantuan untuk nelayan sungai. Justeru, saya berharap biarlah pada masa hadapan bajet atau belanjawan kita juga mengambil tahu tentang perkara mereka yang di pedalaman. Bukan sahaja tentang infrastruktur, begitu juga kegiatan ekonomi mereka.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, mereka yang di pedalaman, mereka juga bertani. Akibat daripada pembalakan juga, banyak sungai yang sudah mudah banjir. Baru-baru ini, terdapat banjir di kawasan Long Linau, terdapat banjir di- yang selalu banjir adalah di Baram. Jadi, banjir ini telah memusnahkan pertanian mereka, hasil padi yang ditanam, maka tidak ada hasil pertanian mereka pada kali ini.

Justeru, saya mohon kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan supaya bantulah mereka yang telah dilanda banjir ini supaya- bagaimanakah kaedah untuk menyediakan tempat-tempat yang baik untuk mereka bertani pada masa hadapan.

Justeru, saya dengan ini tidak ada perkara yang saya hendak sampaikan lagi dan saya menyokong ucapan Belanjawan 2023. Sekian, terima kasih.

Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

2.56 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan yang berjaya membentangkan Belanjawan 2023, bertemakan “Membangun Malaysia MADANI”.

Bajet ini membabitkan peruntukan sebanyak RM388 bilion yang mencatatkan sejarah sebagai bajet terbesar yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Malaysia sejak 1957 dahulu. Daripada RM388.1 bilion untuk perbelanjaan, Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak

RM289.1 bilion. Manakala baki sebanyak RM99 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Perbelanjaan ini merupakan satu perbelanjaan defisit. Untuk menambahkan pendapatan, kerajaan perlu mencari pelbagai strategi ekonomi fiskal, mungkin menaikkan kadar cukai seperti cukai korporat, cukai import dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, dengan langkah strategi yang tidak membebankan rakyat dengan kenaikan kos sara hidup dan tidak akan memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur asing- *foreign direct investment* – FDI, dengan izin, yang berminat melabur di negara kita. Adanya masa ketika dahulu Tuan Yang di-Pertua, FDI menjunam turun dan pelabur asing cabut lari ke negara lain kerana suasana negara pada masa itu tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun lalu, negara kita ditimpa COVID-19. Melibatkan PKP, macam kurunglah di rumah. Banyak yang kehilangan pekerjaan dan akan menjadi muflis jika Akta Kebankrapan masih menghadkan tahap muflis di bawah RM50,000. Hutang negara juga tinggi dan banjir melanda hampir semua negeri. Negeri kita Sarawak juga ada banjir, juga di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa itu dan terkini pentadbiran, banyak negara sudah dan telah bertukar ganti pentadbirannya. Amerika Syarikat tukar Presiden, *United Kingdom* tukar *Prime Minister*, Jepun, Israel, Sri Lanka, *Ecuador*, dan baru dua hari lalu, *Scotland* juga tukar Menteri utamanya.

■1500

Kita tidak dikecualikan atau kebal daripada imbas langkah polisi kenaikan kadar inflasi negara besar-besar seperti Amerika Syarikat. Amerika Syarikat bersin, kita batuk.

Tuan Yang di-Pertua, perang Ukraine dan Rusia menyebabkan kos barang seperti baja dan makanan penternakan naik kerana kekurangan bahan input seperti bijirin jagung yang dikeluarkan banyak dari Ukraine. Turun naik harga minyak pun kita terkesan. Kelembapan ekonomi dunia kita pun terkesan. Konflik serantau seperti di serantau Laut China Selatan, Myanmar dan sebagainya memang ada kesan kepada ekonomi kita.

Terkini Tuan Yang di-Pertua, pemasangan aset pelancaran bom nuklear di Belarus oleh Rusia dan ujian misil di Korea Utara. Semua ini ada membawa kesan negatif kepada ekonomi kita dan ketenteraman global. Kacau bilau dalam suasana politik dan masalah sosial dan kaum boleh membawa ketakutan pelabur ke negara. Kesan negatif seperti ini sudah dilihat di negara seperti Sri Lanka dan banyak lagi negara yang di Afrika. *To turn around* atau memulihkan keadaan akan mengambil masa lama.

Akan tetapi, ekonomi negara sudah ditimpa banyak masalah. Masalah pendapatan negara telah hilang, pekerja hilang kerja, barang keperluan kurang menyebabkan kenaikan harga barang melampau. Syukurlah kita hari ini ada tanda-tanda positif yang memberi suasana untuk pelabur tempatan dan asing bermula kembali untuk melabur dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu kaedah bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat ialah bantuan subsidi sasaran khususnya barangan keperluan rakyat. Pada tahun 2022, subsidi bersasar bagi petrol, diesel dan gas ialah RM50.8 bilion dan subsidi bagi bahan atau barang keperluan lain seperti minyak masak ialah RM66.3 bilion. Kita yakin Tuan Yang di-Pertua, pengurusan cara madani ini mengangkat ketirisan untuk memastikan subsidi ini ditawarkan akan benar-benar sampai kepada golongan yang disasarkan dengan tiada melibatkan orang tengah atau disindiketkan. Bajet ini juga untuk membasmi kemiskinan tegar. Kita dimaklumkan oleh Perdana Menteri tadi, baru-baru ini ada miskin tegar kita yang direkodkan daripada e-Kasih ada lebih 130 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, nasib baik Malaysia ada rizab petroleum 6.9 bilion *barrel* atau tong cukup untuk kita 40 tahun lagi. Jangan lupa, *61 percent* itu dari Sarawak ataupun 4.2 bilion tong- atau *barrel*. Manakala di Sabah, rizabnya ialah 1.8 bilion tong- atau *barrel*, merupakan *18 percent*. Negara kita memang kaya dalam banyak sumber lain seperti keluasan jelapang tanah, tenaga elektrik dari hidro dan hasil hutan di seluruh negara kita ini.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, mohon pandangan semua kementerian khususnya kewangan, pertanian dan wilayah dan luar bandar atas cadangan seperti berikut. Membentuk program pertanian fertigasi secara kecilan atau sederhana khususnya untuk golongan B40 atau M40. Mungkin ini dapat mengurangkan kos subsidi tiap-tiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, beri kail, alat untuk memancing, bukanlah beri ikan sahaja. Akan tetapi, ini cadangan saya selain daripada cadangan yang sudah ada iaitu bantuan kewangan menambahkan dia.

Tuan Yang di-Pertua, ramai dalam kalangan orang muda yang baru masuk golongan pekerja tidak dapat membeli rumah kediaman. Dalam cara mengatasi masalah ini, saya cadangkan untuk memberi subsidi deposit cagaran pembelian rumah untuk orang muda yang baru kerja ini dengan kadar- *this is my* cadangan. Saya punya cadangan sahaja, 10 peratus geran dan 10 peratus dengan kadar bawah 30 peratus untuk pembelian rumah pertama berharga RM400,000 ke bawah untuk mereka B40. Sebanyak 10 peratus geran untuk rumah lebih daripada RM400,000 kepada RM800,000.

Tentang kewajipan pekerja menerima gaji minimum RM1,500 yang dikatakan tadi oleh Perdana Menteri, dalam bidang kerja kontrak yang melibatkan apa sahaja kerja kerajaan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, gaji yang akan diterima itu mestilah terima penuh tanpa kena potong untuk pembayaran sewa atau makanan yang sebelum itu ditanggung oleh majikannya.

Sekali lagi saya hendak mohon penjelasan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tentang *Indian Ocean Tuna Commission* yang sangat lumayan. Apakah prestasi terkini negara Malaysia dalam usaha berkecimpung dalam industri *Indian Ocean Tuna Commission*? Kita difahamkan kuotanya 74 *vessel* yang diberi pada Malaysia. Berapa

vesse/ sudah diusahakan oleh Malaysia, apakah kejayaan? Apakah terlibat rakyat Malaysia bekerja dalam industri ini sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan untuk Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Saya mohon, apa status terkini pengukuran sempadan Malaysia dengan Kalimantan, Indonesia yang ada panjangnya melebihi daripada 2,000 kilometer di Kalimantan-Sarawak *border*? Keduanya, sempadan dengan Thailand dan Brunei. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

■1510

3.10 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Ramadhan. Tahniah Tuan Yang di-Pertua yang baharu... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. Dalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh merangkap Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2023. Kita mengucapkan jutaan terima kasih kerana ini kali pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hadir sendiri membentangkan khususnya di dalam Dewan Negara ini. Tahniah saya ucapkan mewakili rakan-rakan Senator semua.

Cuma dalam suasana yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet ini, kita mesti melihat senario yang melatarbelakangi bajet dibentangkan. Umpamanya bermula dari tahun 1998 sehingga sekarang sudah hampir 16 tahun bajet secara konsisten berturutan sentiasa defisit.

Satu keadaan yang meletihkan kewangan negara kerana setiap tahun kerajaan mesti berhutang untuk menampung perbelanjaan dari setahun ke setahun. Kemudian selain daripada itu dunia meramalkan untuk tahun 2023 berlaku kemelesetan ekonomi dunia berbeza dengan sebelum COVID-19.

Ketiga, berlaku satu peperangan di antara Rusia dan Ukraine, yang mana Ukraine telah dibantu oleh Negara-negara Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat manakala Rusia di pihaknya, India yang merupakan kuasa ekonomi kelima terbesar di dunia sekarang ini dan juga China lebih simpati kepada Rusia.

Seolah-olah satu trend yang sangat membimbangkan hala tuju, ekonomi dan politik dunia. Sekiranya peperangan ini berpanjangan ia memberi kesan yang berpanjangan khususnya kepada ekonomi dunia khususnya kepada sektor makanan itu sendiri kerana

pengeluar kepada barang-barang makanan, bahan-bahan mentah makanan dunia banyak datangnyanya dari Ukraine. Oleh sebab itu dia ada satu gangguan daripada siri bekalan kepada seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa bajet sekarang memanglah bajet yang terbesar kerana dari tahun ke tahun saban tahun sepatutnya itulah trend dia kerana kenaikan gaji kerana manusia semakin ramai.

Maka dia mesti berkembang, dia tidak boleh mengucup dan bajet ini juga bajet yang berkembang. Kita lihat bahawa bajet keseluruhan yang dibentangkan sekitar berbilion RM388.1 bilion.

Akan tetapi yang menghirup 75 percent- 75 peratus daripada bajet sebesar itu merupakan perbelanjaan mengurus. Seolah-olah kita sudah tidak ada satu ruang untuk bermain dengan angka tersebut kerana 75 percent dikhususkan satu perbelanjaan yang boleh dikatakan tetap sekitar lebih kurang RM289 bilion yang baki lagi RM99 bilion.

RM2 bilion untuk simpanan luar jangka. Itu memang kena ada. Sifat sebuah negara mesti ada, sifat untuk menyimpan walaupun tidak banyak. Dari situ kita melihat bahawa negara terpaksa menanggung hutang yang mesti dibayar dan hutang tersebut berjumlah RM46.1 bilion pada tahun ini.

Kemungkinan besar dan itulah trendnya dia akan bertambah dari setahun ke setahun. Selain daripada itu peristiwa yang melatarbelakangi senario ekonomi ini juga ialah kita sudah terhutang sekitar RM1.5 trilion walaupun lebih daripada 90 peratus ia hutang domestik yang mana kalau disebut hutang domestik, sebahagian besarnya daripada KWSP.

Oleh sebab itu KWSP menghadapi kekangan untuk memberi wang-wang yang disimpan oleh pencarum-pencarum. Oleh sebab itu kita faham situasi KWSP kerana saya pernah didatangi CEO, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP yang terdahulu. Apabila mana dia diarahkan oleh kerajaan terdahulu untuk memberi peluang kepada pencarum-pencarum untuk mengeluarkan wang mereka. Maka dia mengambil keputusan untuk meletak jawatan. Itu Ketua Pegawai Eksekutif yang sebelum ini. Sangat panjang lebar dia berbincang dengan saya kerana walaupun KWSP ini pencarumnya mencarum sekitar RM2 bilion satu bulan, lebih kurang, dan angka itu menjadi sekitar RM25 bilion satu tahun.

Akan tetapi kebanyakan wang tersebut telah pun dilekatkan di tempat-tempat tertentu yang tidak boleh ditunaikan, dicairkan. Oleh sebab itu, kita tidak bersetuju, saya secara peribadi tidak setuju dengan pendirian kerajaan, bila mana membenarkan pencarum-pencarum ini untuk mengeluarkan untuk meminjam dan mencagarkan kepada KWSP.

Walaupun keuntungan yang diambil itu sedikit dan lebih berasas kepada dividen tetapi kerana wang yang disandarkan wang simpanan hari tua, maka saya fikir kerajaan sebaik-baiknya tidak meneruskan program ini, sebaik-baiknya.

Kalau hendak diteruskan berasaskan kepada baki yang ada. Kita tidak perlu menyandarkan tidak menjadikan KWSP sebagai sandaran kepada pinjaman kerana kita tahu di celah-celah suasana ekonomi hari ini ada beberapa sektor tertentu masih belum bergerak dan beberapa orang rakan kita daripada kumpulan B20, B40 masih lagi menghadapi masalah.

Walaupun yang difokuskan oleh kerajaan, kumpulan M40 maksud saya. Walaupun yang difokuskan oleh kerajaan kepada B40 tetapi yang M40 sudah ramai yang sekarang terjerumus kepada kumpulan B40 yang ini ramai khususnya selepas daripada peristiwa COVID-19.

Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kalau hendak dikeluarkan lihat kepada bakinya berapa. Kita bukan fokus kepada mereka yang berbaki RM10,000, RM20,000. Mereka yang mempunyai baki antara 50 ke-100. Maka kerajaan menentukan dasar dia, menentukan jumlah yang boleh dikeluarkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya masih berpendirian bahawa walaupun peruntukan untuk tiap-tiap Ahli Parlimen dikecilkan daripada dahulunya RM3.8 juta setahun, tiap-tiap Ahli Parlimen. Kita tidak payah berdengkilah, kita hanya dapat RM100,000 setahun.

Akan tetapi saya hendak menceritakan tentang betapa wang RM3.8 juta inilah yang banyak membantu gerak kerja Ahli Parlimen dan juga yang menggerakkan ekonomi setempat kerana projek-projek yang bernilai RM20,000, RM15,000 banyak memberi peluang kepada peniaga-peniaga mikro ini untuk mendapat pulangan dan hasil.

Kita kena ingat antara sektor-sektor ekonomi yang banyak memberi *spill over* adalah *construction*, bidang pembinaan. Apabila ada banyak peruntukan ataupun pembiayaan berlaku, maka kita tengok *spill over* dia banyak, pembekal, pekerja dan ramai pembekal yang terlibat dengan sektor-sektor pembinaan.

Sekiranya pembinaan itu tidak besar maka *spill over* dia juga tidak besar. Oleh sebab itu lah banyak kali kerajaan campur tangan dengan membanyakkan fokus atau peruntukan kepada pembinaan supaya pembinaan ini, komuniti yang mendapat pulangan adalah tinggi.

Jadi maknanya ada berlaku kecairan di situ. Oleh sebab itu saya pun hendak tegur sedikit kerajaan terutamanya apabila kita melihat bank-bank telah menaikkan kadar faedah mereka. Saya rasa ini langkah yang tidak bijak kerana sekarang ini belum lagi bergerak dengan baik. Bila mana ekonomi tidak bergerak sedangkan kadar kenaikan dinaikkan, maka menyulitkan kepada peminjam-peminjam. Kita faham realiti yang berlaku di Malaysia sekarang ini, banyak dah rakyat Malaysia yang terlalu *expose* dengan pinjaman.

■1520

Akan tetapi mesti kerajaan memikirkan ada limit-limit dia, ada kadang-kadang pengecualian dia, ada kadang kerajaan terpaksa tarik *elasticity* lebih ketat sedikit, lebih panjang sedikit kerana bila mana kadar faedah diturunkan menyebabkan berlaku banyak

kecairan. Bila berlaku banyak kecairan maka aktiviti ekonomi akan berjalan menyebabkan semua orang ada *cash*, ataupun tunai.

Jadi, ekonomi berjalan, itu yang kita hendak. Itu yang kita hendak dalam perbelanjaan negara, kalau kecairan tidak ada maka aktiviti ekonomi akan terbantut. Oleh sebab itu saya memikirkan kerajaan harus memikirkan secara- jangan terlalu mengikut dengan formula-formula IMF, formula Bank Pembangunan Asia. Kita kena ada formula kita sendiri untuk melihat ada gerakkan pada ekonomi bila mana kita cairkan, kita banyak membuka kecairan dan bila mana dibuka kecairan maka banyak perbelanjaan boleh berlaku, aktiviti ekonomi akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menceritakan sedikit tentang apa yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan pertama hari itu yang mengatakan bahawa 25 peratus daripada bajet negeri Kelantan bergantung kepada hasil petroleum, royalti. Saya ingat dia salah faham itu kerana daripada rekod negeri Kelantan, baharu satu kali kerajaan Kelantan dapat royalti semasa Tun Dr. Mahathir menjadi Menteri Kewangan lebih kurang RM380 juta.

Jadi, sekarang ini saya hendak baca bajet, walaupun tiap-tiap tahun kerajaan Kelantan membentangkan bajet defisit, memang daripada 2017 sehingga 2022. Dalam 2017 memang bentang defisit tetapi realiti RM38.82 juta surplus. Pada 2018 surplus RM40.46 juta. Pada 2019 bila mana kerajaan memberi RM380 juta, surplus negeri Kelantan RM445.70 juta. Itu tahun yang kita terima dan pada 2020 surplus kita RM45.44 juta, surplus pada 2021 RM47.61 juta dan surplus pada 2022 lebih kurang RM67.24 juta.

Maknanya, negeri Kelantan tidak terima, tidak pernah terima wang royalti kecuali pada tahun 2018, pada zaman Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri yang keenam, itu sahaja yang kita terima RM380 juta dan kita membentangkan bajet sebenar lebih RM445.70 juta. Jadi, yang mengatakan negeri Kelantan bergantung 25 per cent daripada hasil ihsan petroleum tidak benar. Saya minta Timbalan Menteri Kewangan pertama membetulkan fakta ini.

Jadi, *alhamdulillah* negeri Kelantan oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melihat bahawa negeri-negeri yang diperintah oleh Perikatan Nasional memulakan dahulu memberikan peruntukan kepada wakil-wakil rakyat tanpa mengenal parti. Saya hendak menyatakan dalam Dewan ini untuk direkodkan *alhamdulillah* Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob telah pun mengagihkan RM50 ribu kepada semua wakil rakyat tanpa mengira parti dan *insya-Allah* RM50,000 yang berikutnya akan diagihkan dalam sekitar satu, dua minggu lagi.

Jadi, *insya-Allah* mudah-mudahan dengan peruntukan, dengan contoh yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan tersebut saya mohon Kerajaan Persekutuan di

bawah pimpinan Yang Berhormat Perdana Menteri kesepuluh kita mula mengagihkan peruntukan RM1.3 juta tersebut kepada seluruh Ahli Parlimen untuk mengerakkan ekonomi desa. Untuk menggerakkan ekonomi peringkat Parlimen dan *insya-Allah* barulah suasana yang tidak menentu ini dapat kita kawal sedikit sebayak.

Untuk makluman semua, sekarang ini realitinya saya sebagai juruukur, selalunya tiap-tiap tahun juruukur ini dalam bulan Februari kita sudah mula buat kerja-kerja ukur daripada kerajaan tetapi sekarang ini sudah hampir bulan empat, belum tahu lagi kedudukannya. Maknanya realiti sebenar projek belum berlaku di lapangan.

Jadi, saya mohon supaya kerajaan mempercepatkan supaya konsultan pertama yang menyentuh projek iaitu juruukur, kemudian juruukur akan memberikan data-data kepada konsultan-konsultan yang lain barulah di tender dibuka dan kontraktor dapat masuk menjalankan kerja. Oleh sebab itu saya mohon kerajaan mempercepatkan kerja-kerja awalan konsultan supaya lagi cepat kerajaan memulakan maka *insya-Allah* kita akan melihat kesan ekonominya, pada penghujung tahun akan berlaku benda-benda yang sangat positif.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita melihat bahawa kita mesti memikirkan masa depan negara kita. Saya memperhatikan bahawa kita jangan terlalu fokus kepada industri-industri, sektor-sektor ekonomi bersifat *labour intensive*, dengan izin, ataupun 3D, dengan izin, *dirty, dangerous, difficult* (3D). Kita tidak hendak itu. Kita hendak lebih kepada kita melahirkan lebih ramai masyarakat Malaysia pembina, bukan masyarakat pengguna. Kita tidak mahu, maknanya kita hebat tetapi menggunakan teknologi orang.

Orang lain yang membina, kita hanya pengguna, kita pembeli, kita bukan pengeluar dan kita bukan penjual. Ini satu kesilapan teras dalam sistem pendidikan negara kerana saya perhatikan umpamanya dalam peruntukan keseluruhan RM388.1 bilion, kerajaan menyediakan untuk penyelidikan hanya sekitar RM2.428 bilion yakni *0.6 percent*. Satu angka yang rendah sepatutnya kerajaan menyediakan penyelidikan ini, angka dia lebih kurang *5 percent* kerana kita mesti menguasai teknologi masa depan.

Kita lihat sekarang seumpamanya negara-negara tetangga, Indonesia sudah memberi fokus yang tinggi kepada sektor kereta elektrik dan bila ia berdiskusi berbincang dengan *Tesla*, dia bincang dalam keadaan dia kuat bukan di keadaan dia lemah dan *Tesla* terpaksa menerima terma-terma yang ditetapkan oleh Presiden Jokowi tetapi kita masih lagi dilihat terkebelakang dalam sektor ini kerana kita tahu *Tesla*, Elon Musk telah merancang untuk menjual dalam tahun 2035, menjual 20 juta buah kereta elektrik.

Jumlah 20 juta tersebut merupakan kombinasi-kombinasi pengeluar kereta terbesar dunia dan kedua terbesar di dunia yakni *Toyota*, nombor satu- pengeluar kereta di dunia dan juga *Volkswagen* yang kedua terbesar. Kedua-duanya sekarang mengeluarkan 20 juta dan itu yang disasarkan oleh Elon Musk pada 2035 tetapi kita masih lagi teragak-agak, masih lagi tidak menentu hala tuju, kita masih lagi fokus kereta pada sektor-sektor yang lain.

Sebab itu, saya memohon kerajaan supaya memanggil, menjemput pelabur-pelabur asing ini yang fokus kepada kereta elektrik kerana ini merupakan kereta masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat bahawa kerajaan- kalau boleh beri fokus sedikit, saya hendak berpantun, tak pantun dari tadi, lupa ya. Pantun sedikit ya... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua baru.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh boleh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *[Ketawa]*

*Negeri Kelantan nama diberi,
Aset pelancongan merata negeri;
Kerajaan Kelantan saya wakili,
Demi pembangunan negeri saya bangun berdiri... [Tepuk]*

Ini untuk orang Kelantan tahulah. Semula, semula...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jawab ya, dalam pantun lagi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, hendak jawab kah?... *[Ketawa]* Okey, sekarang ini kita tengok kementerian yang ada kena mengena dengan saya yakni Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Jadi, perbelanjaan pembangunan sekitar RM4.865 bilion dan perbelanjaan mengurus RM1.675 bilion, saya lihat bahawa Jabatan Ukur terutamanya telah dilihat sebagai tidak begitu penting dalam radar kerajaan, walhal apa yang diharapkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Paul Igai, kerja-kerja ukur sempadan antarabangsa bukan setakat di daratan, bahkan di lautan juga tugas juruukur, tugas Jabatan Ukur tetapi dilihat kerajaan semacam tidak berapa fokus dalam radarnya.

Sedangkan satu kerja yang sukar, keselamatan negara dan di Sabah dan Sarawak kalau tidak silap saya hampir-hampir siap kerana persetujuan telah dicapai antara Indonesia dan Malaysia. *Alhamdulillah*, satu persetujuan telah dicapai dan ramai mana yang telah terkorban untuk menyiapkan sempadan. Sempadan yang sukar, terpaksa menggunakan helikopter dan ramai mana yang telah meninggal kerana nak menjaga keselamatan negara dalam menentukan sempadan antara Sarawak Sabah dan Kalimantan.

■1530

Begitu juga di bahagian Semenanjung. Itu saya menceritakan tentang daratan, hampir siap. Ada beberapa buah tempat yang belum lagi dipersetujui antara Thailand dan Malaysia. Walaupun di Sungai Golok, *alhamdulillah* selesai. Akan tetapi, ada beberapa buah sempadan daratan, khususnya macam di kawasan saya. Sempadan di kawasan saya, saya pun hendak tergelak kerana batang pokok-pokoknya dalam kawasan Thailand. Rantingnya dalam

kawasan Malaysia dan ada pos-pos askar seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada 30 orang, 25 orang jaga pos-pos.

Memang sulit. Dari Jeli hendak sampai ke sempadan Perak kerana di situ dahululah tempat berkubunya komunis. Itu memang sulit. Ada lagi bahagian-bahagian yang perlu diselesaikan dan perlu mendapat persetujuan bersama kerana ini sempadan antara dua buah negara, mesti mendapat persetujuan bersama. Lautan memang lagi menyulitkan kerana banyak kawasan bertindih dan saling dakwa-mendakwa. *Counterclaim*. Saling *claim* itu milik kedaulatan masing-masing-masing.

Saya hendak menceritakan pengalaman saya pada tahun 1998. Saya telah menyelamatkan negara kita di mana ada sebuah kawasan Kepulauan Layang-Layang. Semasa itu telah di-*claim*, didakwa oleh Fidel Ramos, Presiden Filipina, seorang *military*. Saya telah diarahkan secara segera kerana kebetulan pada waktu itu, saya sedang menjalankan kerja-kerja menyukat hidrografi kawasan Kudat dan Pulau Banggi. Maka, diarahkan untuk membuat ukuran Pulau Layang-Layang supaya kerajaan dapat membuat satu pindaan, jadi satu asas kepada *claim*, tuntutan itu hak milik Malaysia. Akan tetapi malangnya, kerana saya berada dalam PAS, bayaran untuk kerja tambahan satu pertiga juta ringgit sehingga sekarang, tidak diperoleh kerana duduk dalam PAS. *Alhamdulillah...*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sekarang, *alhamdulillah*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan akan jadi yang benar, yang benar, bukan yang pinjaman... *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Banyak lagi hendak bercakap tetapi tidak apa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad atas perbincangan tadi.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

3.33 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi saya ruang untuk membahaskan Belanjawan 2023.

Saya mulakan ucapan saya hari ini dengan dua rangkap pantun.

*Hendak belayar ke Teluk Betung,
Sambil mencuba labuhkan pukut;
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat... [Tepuk]*

*Orang baik memacu kuda,
Kuda dipacu deras sekali;
Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti pembentangan Belanjawan 2023 dan perbahasan di Dewan Rakyat. Saya melihat bahawa belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 tidaklah membawa banyak kesegaran, dan ‘*Wow factor*’ untuk dihidangkan kepada rakyat. Secara umumnya, pembentangan belanjawan pada kali ini tidak dapat memberikan kelegaan kepada rakyat dan saya melihat bahawa ia tidak menyeluruh dan perlu diteliti dengan sebaiknya.

Apa yang ingin saya tekankan dalam ucapan saya pada hari ini adalah berkenaan dengan usaha kerajaan untuk membantu golongan miskin di dalam negara ketika ini. Dengan peningkatan kadar kos sara hidup dan ekonomi yang semakin tinggi, sudah tentulah ia akan menyebabkan golongan miskin, khususnya miskin tegar akan lebih terkesan dengan keadaan semasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam laman web *The World Bank*, satu penulisan berkaitan dengan Malaysia dijangkakan akan beralih ke status negara berpendapatan tinggi telah disiarkan. Artikel yang bertajuk, “*Malaysia to Achieve High Income Status Between 2024 and 2028, but Needs to Improve the Quality, Inclusiveness, and Sustainability of Economic Growth to Remain Competitive.*” dengan izin. Ini akan mula beralih kepada status negara berpendapatan tinggi, maka adalah penting untuk kerajaan dapat memastikan bahawa kesejahteraan rakyat Malaysia tidak terabai, di mana kita boleh bermula dengan pendapatan yang seiring dengan kenaikan kos sara hidup.

Pembentangan Belanjawan 2023 dilihat tidak memperincikan dengan jelas mengenai mekanisme penyaluran tanggungjawab golongan T20 kepada miskin tegar. Kumpulan T20 atau *top 20 percent* mewakili 20 peratus pendapatan isi rumah tertinggi di Malaysia dengan anggaran pendapatan bulanan mereka melebihi RM10,971 sebulan.

Kita perlu menyedari bahawa pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan rakyat Malaysia tergelincir ke kategori berpendapatan rendah akibat daripada pengurangan pendapatan dan hilang pekerjaan. Kategori golongan B40 merupakan *bottom 40* peratus atau mewakili 40 peratus pendapatan isi rumah terendah di Malaysia yang berpendapatan kurang daripada RM4,850 sebulan.

Berdasarkan “*The Living Wage: Beyond Making Ends Meet*” dengan izin, yang diterbitkan pada tahun 2018 oleh Bank Negara Malaysia, anggaran julat pendapatan selesa di Kuala Lumpur adalah antara RM2,700 – RM 6,500 sebulan. Untuk kehidupan yang selesa

di Malaysia pula, individu bujang memerlukan pendapatan minimum sebanyak RM2,700 sebulan. Pasangan tanpa anak mesti berpendapatan sekurang-kurangnya RM4,500 sebulan. Manakala pasangan dengan dua orang anak, harus berpendapatan sekurang-kurangnya tidak kurang daripada RM6,500 sebulan. Ini ialah satu kajian yang telah diterbitkan lima tahun yang lalu dan saya pasti ia tidak mengambil kira akan berlakunya pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan bertambahnya golongan B40 yang tinggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya jika kerajaan tidak meneliti dan mengambil tindakan yang lebih jelas, akan menyebabkan belanjawan ini tidak akan membantu masyarakat miskin di negara kita. Allah telah berfirman dalam al-Quran, *“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar”*. Surah ar-Rum, ayat ke-41.

Persoalannya adalah, apakah mekanisme yang tuntas oleh pihak kerajaan bagi memastikan bahawa golongan T20 akan dapat membantu golongan B40? Ini perlu dijelaskan. Bukan hanya jawapan retorik yang tidak dapat dilaksanakan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sebutkan dalam isu ucapan saya adalah mengenai ketirisan. Isu ketirisan dalam pentadbiran ialah isu yang sentiasa berlegar dalam masyarakat dan negara. Saya masih ingat lagi pada tahun 2020, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPR), Dato' Sri Haji Azam bin Baki telah mendedahkan bahawa kes rasuah melibatkan ketirisan perolehan kerajaan membabitkan penjawat awam dilihat semakin kritikal, yang mana hampir 50 peratus kes ketirisan perolehan kerajaan banyak berlaku melibatkan agensi-agensi kerajaan.

■1540

Begitu juga dengan skandal-skandal besar seperti skandal *1Malaysia Development Berhad* (1MDB) yang suatu masa dahulu telah menggegarkan politik Malaysia dan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim antara yang paling kuat menyentuh tentang perkara ini termasuk di dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ketirisan ini adalah berkaitnya dengan sifat amanah dalam diri kita. Antara sifat mendapat kedudukan tinggi dalam akhlak Islam iaitu amanah. Islam amat menganjurkan umatnya menghiaskan diri dengan sifat amanah. Sifat amanah ini dianggap titik penentu atau garis pemisah tahap keimanan dan keagamaan seseorang insan. Nabi Muhammad menegaskan, *“Tiada iman bagi orang tidak memegang amanahnya dan tiada agama bagi orang tidak dapat dipegang janjinya.”* Hadis riwayat Ahmad dan Ad-Dailami.

Perdana Menteri perlu memastikan bahawa Belanjawan 2023 tidak dicemari dengan isu-isu ketirisan. Adalah penting untuk memastikan bahawa segala peruntukan yang telah dirancang dapat disampaikan secara betul dan tepat kepada rakyat. Mesti dielakkan berlakunya penyelewengan dan mesti dihapuskan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sebutkan dalam ucapan saya adalah berkaitan dengan royalti petroleum kepada negeri Kelantan dan Terengganu. Adalah amat mengejutkan apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said membuat satu kenyataan bahawa Kelantan dan Terengganu tidak layak menerima hasil petroleum sebanyak lima peratus dengan alasan Akta Laut Wilayah 2012 menetapkan bahawa negeri hanya boleh menuntut hak sehingga tiga batu nautika. Adakah ini dinamakan sebagai dendam politik?

Akta Petroleum menetapkan royalti petroleum 10 peratus diagih oleh PETRONAS masing-masing lima peratus kepada kerajaan negeri dan Persekutuan. Ia membabitkan semua negeri yang ada hasil petroleum.

Perjanjian di bawah Akta Petroleum berlaku apabila Sabah dan Sarawak enggan memberi hasil petroleum hingga wujud ketegangan sehingga tertubuh PETRONAS sebagai badan yang memegang dana petroleum.

Royalti minyak dibatalkan sedangkan- untuk makluman, waktu perjanjian royalti minyak yang dibuat dengan Kelantan dan negeri lain yang diadakan perjanjian tersebut, isu tiga batu nautika langsung tidak termasuk dalam perjanjian. Perjanjian ini adalah pada 9 Mei 1975. Manakala perjanjian ataupun Akta Laut Wilayah [Akta 750] diwartakan pada 17 Jun 2012. Jadi, manakah yang dinamakan keadilan?

Allah ada berfirman di dalam Al-Quran, dalam Surah Al-Maidah ayat 8, *“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil; dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum membuat berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

Saya sarankan Perdana Menteri agar merujuk kepada ucapan-ucapannya yang terdahulu berkaitan dengan royalti petroleum dan sikapnya terhadap kerajaan yang perlu memberikan royalti pada Kelantan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Undangan Negeri Kelantan pada minggu lalu yang telah meluluskan cadangan supaya rundingan segera diadakan dengan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi mengembalikan royalti petroleum.

Perkara keempat yang ingin saya sebutkan...

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Pencelahan, Yang Berhormat. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, jika pembahas bagi laluan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Teruskan?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: No, no.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Ya.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Berkenaan dengan isu royalti petroleum ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya status wang ihsan ini turut dijawab oleh Menteri Kewangan pada tahun 2001 iaitu pada waktu parti Yang Berhormat sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan?

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Yang Berhormat. Isu itu, semasa Kerajaan PN memang ada disalurkan sebagai royalti.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Tidak betul, Yang Berhormat. Waktu itu disebut sebagai wang ihsan untuk minyak yang dijumpai di luar tiga batu nautika. Waktu itu, Menteri Kewangan ialah Yang Berhormat Tengku Zafrul.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Okey, nanti saya akan *check*.

Perkara keempat yang ingin saya sebutkan dalam ucapan saya adalah berkaitan projek tebatan banjir dan perlu disegerakan. Apabila banjir melanda negeri Johor baru-baru ini, Perdana Menteri terus mengumumkan bahawa semua projek tebatan banjir bernilai lebih RM600 juta yang ditangguhkan sebelum ini, termasuk di Johor, diarah memulakan operasi mulai Jun ini untuk mengatasi masalah banjir di seluruh negara dengan harapan bahawa projek itu jika tidak segera dilaksanakan akan mengakibatkan isu banjir akan terus berulang selama bertahun-tahun.

Perdana Menteri sebelum ini telah mengumumkan bahawa penjimatan kira-kira RM2 bilion selepas enam projek tebatan banjir ditamatkan. Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa projek telah diluluskan secara spontan dan syarikat-syarikat dipertikai menyebabkan ia ditangguhkan dan akan diteliti semula. Saya mohon penjelasan di dalam Dewan Negara ini, apakah sebab-sebab projek tebatan banjir ini telah ditangguhkan? Senaraikan nama-nama syarikat yang dipertikaikan, dan apakah maksud RM2 bilion dapat dijimatkan sedangkan projeknya belum pun dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya keputusan untuk mempercepatkan projek tebatan banjir merupakan satu kemaslahatan yang perlu disegerakan untuk rakyat dan terbukti bahawa bencana banjir yang melanda negeri Johor khususnya baru-baru ini sesuatu pengajaran penting untuk pemerintah. Sekian, salam hormat, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

3.49 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam Madani.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Dewan Rakyat pada 24 Februari lalu dan juga sekali lagi pada hari ini di Dewan Negara yang mulia ini.

Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2023 yang bersifat inklusif dan selari dengan komitmen kerajaan untuk memastikan setiap aspek diberikan perhatian khusus agar agenda kemakmuran negara dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau yang memperuntukkan sejumlah RM386.14 bilion untuk Belanjawan 2023.

■1550

Ini bagi saya merupakan peruntukan belanjawan yang tertinggi dalam sejarah Malaysia dan menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan pemulihan dan pembangunan ekonomi negara ekoran situasi pandemik COVID-19. Tanpa melengahkan masa, ada beberapa perkara yang saya ingin membangkitkan berkaitan Belanjawan 2023.

Pertama sekali daripada segi penggunaan dan pelaksanaan Belanjawan 2023. Saya ingin memohon daripada Kementerian Kewangan, status perancangan perbelanjaan dan pelaksanaan bajet berasaskan hasil atau *outcome based budgeting*, dengan izin, untuk perbelanjaan kerajaan.

Saya dimaklumkan bahawa cara pengagihan dana untuk tahun 2023 kepada kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan adalah berdasarkan kelulusan jumlah yang disebutkan dalam Belanjawan 2023. Andai kementerian, jabatan ataupun agensi-agensi tersebut gagal memanfaatkan perbelanjaan tersebut, ia akan dikembalikan kepada Kementerian Kewangan dan peruntukan tahun seterusnya akan dikurangkan. Adakah ini benar?

Jika betul, bolehkah Kementerian Kewangan mempertimbangkan cara mereformasi perbelanjaan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan supaya perbelanjaan mereka tidak dikurangkan pada tahun seterusnya. Saya merujuk kepada situasi dana peruntukan berbaki terutamanya apabila Petunjuk Prestasi Utama ataupun KPI mereka telah tercapai. Ini sangat kritikal memandangkan kita sudah hampir bulan April 2023 atau akhir suku pertama tahun ini dan peruntukan perbelanjaan Belanjawan 2023 masih tidak diturunkan kepada kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin membangkitkan isu aturan strategi kelestarian ataupun *sustainability* dan kemapanan alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang dikenali juga sebagai *environmental, social and governance* (ESG), dengan izin, di Malaysia. Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri telah menekankan amalan hijau di bawah ikhtiar ketiga mendepani musibah bencana dalam pembentangan Belanjawan 2023.

Terdapat pelbagai perancangan untuk menyokong pelaksanaan dasar amalan hijau di Malaysia, tetapi adakah Kementerian Ekonomi sebagai kementerian pusat sedang menyelaraskan usaha bersama kementerian lain untuk memastikan rakyat dan syarikat dari Malaysia yang meraih faedah daripada inisiatif dan polisi-polisi yang diperkenalkan ini?

Sebagai contoh, baru-baru ini kita berkongsi rasa bangga dengan kejayaan *Bursa Carbon Exchange* (BCX) yang mengadakan lelongan kredit karbon sulung di negara. Persoalannya, berapakah jumlah projek yang telah dilelong menerima pengiktirafan pakar runding warga Malaysia?

Bursa kini sedang menekankan keperluan tadbir urus ESG dan pasaran karbon, namun sudah kah kita menyediakan dana bukan sahaja kepada syarikat tempatan untuk mewujudkan pelaporan, tetapi juga untuk membangunkan lapisan pakar runding tempatan bagi membantu mereka? Lihatlah kepada ekosistem ini secara menyeluruh. Saya bimbang akan situasi peluang-peluang ini dimonopoli dan diraih konsultan dari luar negara yang akan mengenakan harga tidak masuk akal, sekali gus menghalang syarikat tempatan untuk turut bersaing dan melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi hijau negara.

Satu lagi contoh, Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan 3.0 juga dikenali sebagai *Government Green Procurement* (GGP) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air. Sejauh manakah kita telah memastikan syarikat dan produk buatan Malaysia diberi keutamaan? Inilah tunjang utama pertanyaan saya semasa perbahasan Titah Diraja untuk memastikan garis panduan tersebut menekankan projek berskala kecil dan projek rintis dengan syarikat-syarikat tempatan.

Saya khuatir tanpa penglibatan dan arahan Kementerian Ekonomi untuk memastikan keberkesanan inisiatif dan polisi-polisi yang diperkenalkan, ia akan sebaliknya akan memanfaatkan syarikat warga asing. Jikalau kita melihat trend global, negara lain mempergunakan trend *sustainability*, dengan izin, dan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bukanlah demi kemapanan alam semata-mata, tetapi juga untuk melindungi dan meraih peluang ekonomi kepada syarikat-syarikat dan rakyat mereka. Kita juga perlu bijak untuk mencontohi perkara sama sambil menjaga kepentingan alam sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, saya ingin membangkitkan isu kos sara hidup dan kemiskinan tegar yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Persoalan saya, kerajaan telah membuat pembaharuan kepada Sumbangan Tunai Rahmah termasuk meningkatkan jumlah bantuan sebanyak RM600 dalam bentuk bakul makanan dan juga secara baucar untuk barangan makanan asas.

Soalan saya, apakah asas penambahan tersebut? Jikalau dilihat garis kemiskinan sesebuah keluarga di peringkat nasional telah disemak semula pada tahun 2019, ditetapkan

pada RM2,208, sebelum ini RM980. Memandangkan peningkatan kos sara hidup kini, saya khuatir penambahan ini tidak mencukupi terutama di kawasan bandar yang mana kos sara hidupnya adalah lebih tinggi.

Saya mencadangkan Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan mekanisme Sumbangan Tunai Rahmah dengan mengambil kira kos sara hidup berdasarkan daerah dan jumlah anak tanggungan penerima itu. Kita boleh memperkenalkan bantuan berperingkat asas kepada Sumbangan Tunai Ramah selain memperkenalkan bantuan tambahan kritikal untuk rakyat di kawasan-kawasan tertentu.

Berkait dengan hal yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut bahawa kerajaan akan melaksanakan pemutihan senarai penerima bantuan bulanan kerajaan antara Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah satu- pangkalan data. Bukankah perkara ini sudah dilaksanakan sebelum ini? Pangkalan data e-Kasih ialah sumber rujukan kepada kesemua kementerian untuk mengagihkan bantuan.

Saya mohon kementerian untuk mengesahkan bahawa kesemua program bantuan kerajaan tidak mempunyai pangkalan-pangkalan data yang berbeza. Bank Negara dalam dokumen *Economic, Monetary and Financial Developments in 2020*, dengan izin, telah menyebutkan bahawa terdapat lebih 60 program yang diketahuinya. Jika benar ada pangkalan data yang berbeza untuk setiap program, perkara ini perlu diperbaiki dengan kadar segera. Kita perlu memastikan bukan sahaja tiada sesiapa yang ketinggalan, tetapi juga tiada yang dapat mengambil kesempatan juga.

Tuan Yang di-Pertua, keempat, saya ingin membangkitkan isu tadbir urus digital dan talian. Belanjawan 2023 telah memberi penekanan besar kepada isu-isu atas talian dan inovasi digital negara. Saya menyambut baik perkara ini kerana dengan peredaran masa, kita perlu melestarikan pemodenan dan penggunaan teknologi digital dan atas talian. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan kementerian, jabatan dan agensi-agensi berkaitan terus merevolusikan undang-undang dan tadbir urus pemantauan seiring dengan pembangunan dan penggunaan teknologi tersebut.

■1600

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apa mekanisme atau keperluan perundangan yang diterapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ke atas platform e-dagang seperti *Lazada*, *Shopee* dan sebagainya untuk membasmi penjualan barangan palsu oleh peniaga terutamanya produk kecantikan dan produk perubatan. Setahu saya berdasarkan peraturan semasa ia terpulang kepada platform tersebut untuk memantau perkara ini.

Saya rasa perkara ini tidak memadai, platform-platform tersebut tidak mempunyai inisiatif untuk memantau para peniaga dengan teliti selain modal perniagaan mereka yang

mengutamakan keuntungan daripada setiap urusan jualan walaupun produk palsu. Sefahaman saya, jika ada tindakan diambil pun ia terhad kepada memadamkan produk tersebut dari platform mereka selepas mendapat aduan. Itu pun tiada jangka masa had untuk membuat siasatan ini.

Saya ingin mencadangkan kita memperketat peraturan penjualan e-dagang yang meletakkan beban kepada platform tersebut untuk memadamkan produk palsu. Sita atau rampas juga hasil jualan peniaga sepanjang tempoh penjualan produk tersebut dijual atas platform dan disimpan oleh kementerian untuk membayar sebarang pampasan kepada pembeli. Kita juga boleh letakkan had tempoh siasatan dan penalti ke atas platform e-dagang jika mereka gagal mengambil tindakan.

Penalti ini mestilah penalti yang besar bukan yang kecil. Dengan cara ini penguatkuasaan kementerian juga menjadi lebih mudah kerana para pegawai hanya perlu melakukan sampel pesanan secara rawak dan berkala daripada setiap platform. Inti patinya tindakan yang lebih tegas perlu diambil terhadap platform e-dagang dan peniaga-peniaga ini. Jangan pula sudah terhantuk baru tengadah. Sampai kita mengalami musibah kehilangan nyawa sebelum kita bertindak.

Berkaitan dengan isu jenayah penipuan dalam talian atau *online scam*, dengan izin. Saya menyambut baik penubuhan Pusat Pencegah Jenayah Kewangan, *National Scam Response Centre* (NSRC) di bawah Belanjawan 2023. Akan tetapi saya ingin mencadangkan penubuhan skim jaminan tersebut dan skim jaminan tebusan penipuan. Di mana wang yang hilang akibat kes penipuan ini diganti jika ia tidak dapat dikembalikan semula kepada mangsa. Perkara ini adalah sebagaimana tugas Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dalam melindungi dan menjamin simpanan kewangan rakyat Malaysia sekiranya institusi perbankan gagal.

Dengan adanya perkara ini kita dapat memastikan keadilan kepada mangsa-mangsa penipuan dalam talian di Malaysia. Moga tiada lagi kisah warga emas yang kehilangan simpanan hari tua dan meliputi semua mangsa walaupun yang tidak mempunyai kabel untuk mendapat bantuan dan pulangan wang yang hilang.

Tuan Yang di-Pertua, kelima, saya ingin membangkitkan isu keusahawanan wanita khususnya wanita berkeluarga. Sebelum ini, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas peruntukan lebih RM235 juta kepada usahawan wanita di bawah Belanjawan 2023. Perkara ini sangat memberangsangkan dan menyeru kaum wanita untuk mengguna baik peluang yang diberikan oleh kerajaan.

Cadangan saya adalah dalam pelaksanaan Program Keusahawanan Wanita ini, saya ingin memohon supaya kementerian, agensi dan jabatan-jabatan yang terlibat diarah oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi untuk memberikan keutamaan kepada golongan wanita yang telah berkeluarga. Sebagaimana Dewan mulia ini sedia maklum, trend

negara kita kini memperlihatkan ramai kaum wanita yang berhenti kerja untuk menjaga keluarga dan anak.

Setakat tahun 2021 kadar penyertaan tenaga buruh wanita adalah setakat 55.5 peratus sahaja. Dengan adanya keutamaan kepada golongan wanita berkeluarga ini, kita mampu mewujudkan cara dan peluang untuk kaum wanita terus produktif dan menyumbang kepada ekonomi negara tanpa menghalang mereka memainkan peranan aktif dalam institusi kekeluargaan.

Keusahawanan dan konsep perniagaan gig ekonomi kini membolehkan wanita-wanita ini untuk lebih fleksibel menabur bakti kepada keluarga dan ekonomi negara, sekali gus meringankan kos sara hidup keluarga yang semakin meningkat. Saya ingin menekankan bahawa ini hanyalah cadangan peralihan. Situasi yang paling ideal adalah untuk kerajaan mereformasi rangka kerja perundangan kita agar tugas menjaga anak dan keluarga tidak dipertanggungjawabkan kepada kaum wanita semata-mata.

Contoh ketara yang saya sendiri pernah sebut di Dewan ini adalah untuk memastikan cuti paterniti dan ibu bersalin materniti dimansuhkan dan cuti keibubapaan- *parental leave*, dengan izin, diperkenalkan. *Parental leave* ini, dengan izin, adalah di mana ibu dan bapa boleh berkongsi tempoh 90 hari cuti bersalin walaupun bekerja di organisasi yang berlainan seperti mana yang diamalkan di setengah-setengah negara Eropah.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, sudah tukar ya Tuan Yang di-Pertua. Selamat datang kembali. Berakhir sudah perbahasan dan pertanyaan saya berkaitan Belanjawan 2023. Dalam keadaan persaingan global yang semakin mencabar, keperluan untuk menjayakan inisiatif, polisi dan tindakan di bawah belanjawan negara semakin kritikal. Saya mendoakan kejayaan kesemua kementerian, jabatan dan agensi dalam memastikan keberkesanan perbelanjaan yang akan dilakukan. Pastikan ketirisan dan penyelewengan perbelanjaan tidak lagi berlaku.

Sesungguhnya Malaysia merupakan negara yang bertuah dengan sumber kekayaan yang dipandang iri oleh orang luar tetapi sumber-sumber ini terhad dan akan ketandusan suatu hari nanti. Tanpa kelestarian kita bersama kita perlu memastikan peluang pelaburan, *return on investment*, dengan izin, untuk setiap tindakan kita. Perkara ini penting bukan hanya untuk generasi sekarang namun juga untuk anak dan cucu kita.

Saya sangat memahami bahawa barisan Kabinet dan para penjawat awam sentiasa bertungkus-lumus untuk memastikan negara kita berada di landasan yang betul. Saya hanya mampu memastikan soalan yang saya bangkitkan dan disertakan dengan cadangan-cadangan dan amalan terbaik ataupun *best practice*, dengan izin, dari negara luar untuk

mencetuskan idea dan perbincangan agar kita dapat bersama mara ke hadapan demi negara kita negara Malaysia.

Izin saya berkongsi sebuah pantun sebelum saya berakhir?...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Andai ingin mencari rotan,
Jangan tuan takutkan onaknya;
Bajet Malaysia 2023 kita implementasikan,
Bersifat inklusif santuni rakyatnya.*

*Kalau tidak dipecah ruyung,
Manakan tuan dapat sagunya,
Muafakat kerajaan perpaduan saya sanjung,
Hemat berbelanja untuk kelangsungan se-Malaysia.*

Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan 2023 ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang ke-15, Yang Berhormat Dato' Ajis Sitin. Dipersilakan.

■1610

4.10 ptg.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya turut membahaskan Belanjawan 2023 pada petang ini. Saya juga ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang telah berjaya menyediakan peruntukan yang sangat besar, berjumlah RM388.1 bilion yang bertemakan "Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani" untuk dibelanjakan dalam tempoh tahun 2023 demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Asli di negara ini berjumlah sekitar 215,000 orang. Rata-ratanya masyarakat ini sangat adalah sangat miskin. Saya sangat gembira apabila Belanjawan 2023 ini mentekadkan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan tegar dalam tempoh yang singkat. Saya sangat mengharapkan agar usaha-usaha membasmi kemiskinan ini dibabitkan juga masyarakat Orang Asli. Semoga masyarakat ini dapat keluar dari kepompong kemiskinan tegar yang diwarisi sejak turun temurun.

Namun saya ingin bertanya, jumlah 130,000 isi rumah termiskin yang dinyatakan dalam belanjawan tersebut adakah termasuk juga masyarakat Orang Asli atau termasuk juga

rakan-rakan kita dari Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak? Kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli adalah berkait rapat dengan isu pemilikan tanah. Kebanyakan Orang Asli mendiami kampung-kampung atau penempatan yang tidak diwartakan sebagai rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*]. Kampung tersebut sangat rapuh statusnya di mana pada bila-bila masa mereka boleh dikeluarkan dari kawasan itu oleh pihak berkuasa.

Menyedari perkara inilah kebanyakan Orang Asli tidak mengusahakan apa-apa aktiviti pertanian untuk sara hidup dan berterusan menjadi miskin tegar. Pada masa sekarang terdapat banyak kerajaan negeri yang bersetuju untuk mewartakan kawasan tempat tinggal Orang Asli sebagai rizab Orang Asli, contohnya negeri Pahang.

Namun, kekangan besar yang dihadapi iaitu menyediakan pelan ukur tanah oleh juruukur tanah berlesen. Tanggungjawab menyediakan pelan ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Isu ini telah berlanjutan begitu lama sejak sebelum negara merdeka lagi. Sehubungan dengan itu, di bawah belanjawan ini saya memohon kerajaan hari ini berlapang dada untuk menumpukan kepada usaha menyelesaikan isu ini dengan segera. Kerajaan boleh melantik Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk berunding dengan pihak JAKOA dan pihak berkuasa negeri untuk penentuan kawasan dan syarat-syarat yang diperlukan untuk penyediaan pewartaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Belanjawan 2023 di bawah Ikhtiar 3, musibah banjir. Musibah banjir bukan sahaja berlaku di bandar-bandar besar atau pekan-pekan, malah perkampungan Orang Asli juga tidak terkecuali. Baru-baru ini beberapa buah kampung Orang Asli telah ditenggelami air kerana hujan lebat yang berterusan. Masyarakat ketika ini perlu dibantu. Sehubungan dengan itu, saya memohon agar pihak yang berwajib mengkaji kerosakan-kerosakan yang terlibat dan memberikan bantuan segera dan sewajarnya kepada kampung-kampung berikut:

- (i) Kampung Orang Asli Peta, Taman Negara Endau Rompin, Mersing, Johor serta kawasan berhampiran; dan
- (ii) Kampung Orang Asli Bukit Serok, Muadzam Shah, pekan Pahang.

Bagi masyarakat Orang Asli bencana bukan sekadar banjir dan tanah runtuh, kehadiran gajah-gajah liar dan harimau ke kawasan perkampungan Orang Asli juga merupakan musibah bagi mereka. Pada masa sekarang, acap kali gajah-gajah liar muncul di kawasan tempat tinggal Orang Asli dan memusnahkan rumah dan pokok-pokok tanaman mereka seperti kelapa sawit, getah, padi huma, pisang dan sebagainya. Malahan dalam tempoh enam bulan yang lalu terdapat dua insiden di mana gajah membunuh dua Orang Asli dalam kawasan kampung mereka. Kejadian ini berlaku di penempatan suku kaum Semai di Pos Simoi dan di Pos Tual, di kawasan Ulu Jelai, daerah Kuala Lipis Pahang.

Begitu juga harimau sudah kerap kali mengunjungi kampung-kampung Orang Asli. Telah beberapa kali berlaku insiden harimau mencederakan Orang Asli di kawasan perkampungan mereka sendiri. Seperti yang pernah berlaku di Hulu Perak dan Hulu Kelantan. Kejadian-kejadian ini merupakan fenomena terbaru membelenggu hidup masyarakat Orang Asli. Berdasarkan insiden-insiden tersebut, saya mencadangkan agar kerajaan melalui PERHILITAN menangkap dan memindahkan binatang-binatang buas itu ke tempat yang lebih sesuai supaya Orang Asli boleh hidup tenteram semula.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Kewangan kerana telah memperkasakan semula kemahiran semula jadi Orang Asli dengan melantik belia-belia Orang Asli sebagai Renjer Hutan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ikhtiar 5, sempena pembaharuan sektor awam dan sesuai dengan semangat Kerajaan Madani, saya mencadangkan pihak kerajaan mengadakan satu saluran khas untuk anak-anak Orang Asli memohon perjawatan kerajaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Ini disebabkan sistem yang diamalkan sekarang tidak memihak kepada Orang Asli. Mereka akan kecundang di peringkat saringan awal lagi, sedangkan mereka memenuhi semua syarat yang ditetapkan. Orang Asli masih memerlukan kuota dan perlu dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ikhtiar 8, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) masih relevan kepada Orang Asli. Namun, jabatan itu sudah tidak lagi efektif dan dipacu tidak berlandaskan kehendak Orang Asli yang lebih progresif. JAKOA tidak mampu menguruskan kemajuan dan kesihatan Orang Asli, di mana program-program yang dilancarkan tidak memberikan impak yang besar dan tidak memenuhi aspirasi Orang Asli. Tambahan pula banyak projek yang dilaksanakan oleh JAKOA gagal teruk, contohnya:

- (i) Pusat Latihan Ehwat Orang Asli Paya Bungur, Kuantan Pahang; dan
- (ii) Pusat Kecemerlangan Pelajar Orang Asli di Kuala Terengganu, Terengganu

Kedua-dua projek ini telah dilancarkan pembinaannya dalam tahun 2014, namun sehingga kini, masih belum disiapkan. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan pihak kerajaan mengkaji semula fungsi, tugas dan tanggungjawab serta struktur organisasi JAKOA bagi membolehkan jabatan itu bergerak lebih efektif dan memenuhi aspirasi Orang Asli yang dinamik. Begitu juga dua projek yang berimpak tinggi di atas perlu siasat dan dipulihkan segera agar dapat dimanfaatkan sewajarnya.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sejak kebelakangan ini JAKOA di ketuai oleh anak-anak Orang Asli sendiri. Namun, saya ingin mengingatkan bahawa pelantikan Ketua Pengarah JAKOA hendaklah dibuat berdasarkan merit dan kelayakan terbaik dan bukan kerana desakan politik.

Ketua Pengarah JAKOA mesti mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas berkaitan pentadbiran awam, mahir dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran kontrak, berusaha untuk mewujudkan projek-projek baharu berasaskan kehendak Orang Asli semasa serta mahir dalam menyelami denyut nadi masyarakat Orang Asli. Orang Asli sudah muak dengan karenah-kerenah peruntukan dipulangkan, projek tidak siap, peruntukan tidak habis belanja, projek siap tidak sempurna dan sebagainya.

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu ini, saya mencadangkan supaya JAKOA dijadikan jabatan yang memperkasakan graduan-graduan Orang Asli. Perjawatan di JAKOA diisi oleh graduan-graduan Orang Asli yang ramai sedang menganggur kini. Perkara ini hendaklah dimulakan mulai pengambilan tahun 2023 dengan mencapai sebanyak 80 peratus perjawatan di JAKOA diisi oleh anak-anak Orang Asli menjelang tahun 2027 dan seterusnya sehingga 100 peratus.

Di bawah Ikhtiar 8 ini juga saya ingin menegur berkaitan pelantikan pegawai-pegawai awam sebagai ahli lembaga pengarah syarikat yang berkaitan dengan pejabatnya. Perkara ini tidak baik dan bertentangan dengan konsep integriti, amanah dan telus serta membawa kepada konflik kepentingan antara tanggungjawab hakiki dan tanggungjawab sebagai ahli lembaga pengarah.

Mereka mentadbir jabatan, pada masa yang sama mereka dibayar elaun dan bonus oleh syarikat-syarikat yang berkait terus dengan bidang tugas hakiki mereka. Pelantikan Ketua Pengarah JAKOA menganggotai lembaga pengarah syarikat-syarikat swasta yang dilantik untuk memajukan Orang Asli, amalan ini telah menimbulkan prasangka dan harus dihentikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah inisiatif merencanakan sektor pelancongan, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana telah meluluskan pembinaan jalan baharu untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands, Pahang. Namun, pembinaan jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata yang bernilai RM480 juta dilihat tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya semasa musim cuti.

■1620

Tiada masalah kesesakan jalan raya berlaku di antara Habu dan Tanah Rata. Kesesakan jalan raya di Cameron Highlands adalah berpunca daripada kesesakan kenderaan yang berlaku di pusat-pusat jualan sayur-sayuran dan tempat-tempat tarikan pelancongan di kawasan Brinchang, Kea Farm, Tringkap, Kuala Terla dan Kampung Raja yang berada jauh di hadapan dari Tanah Rata. Oleh hal yang demikian, saya cadangkan projek ini dijajarkan semula menjadi Jalanraya Habu ke Kampung Raja dan menambah skop projek dengan memasukkan skop pembinaan tempat letak kereta di sepanjang pusat-pusat jualan dan tempat tarikan pelancongan sedia ada yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jalan dari Pos Blau ke Pos Sinderut Daerah Kuala Lipis, Pahang sejauh 30 kilometer merupakan jalan berdaftar dengan MARRIS. Jalan ini menghubungkan hampir 20 perkampungan orang asli di kawasan Sinderut dan kini berada dalam keadaan rosak teruk. Saya mohon supaya jalan ini dibaikpulih segera bagi membantu masyarakat Orang Asli yang mendiami sepanjang kawasan jalan tersebut, di samping memberi akses kepada pelawat-pelawat *ecotourism* ke pusat tersebut.

Dalam konteks yang sama, saya juga memohon supaya jambatan di kampung Orang Asli di Tasik Mentiga, Tasik Chini, Pekan, Pahang yang sering terputus hubungan semasa musim tengkujuh dibina segera. Jambatan ini digunakan oleh penduduk kampung berhampiran termasuk pelancong-pelancong yang datang ke kawasan tersebut. Dimaklumkan bahawa sudah beberapa kali pihak JKR membuat lawatan ke jambatan tersebut. Namun, jambatan itu masih tidak terbina sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan raya *Central Spine Road* jajaran Bentong ke Raub, Pahang sangat memberi manfaat kepada rakyat negeri Pahang. Namun, pemerhatian saya terhadap pembinaan tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, jalan raya dibina sebagai jalan berkembar empat buah lorong dua hala, hampir sama dengan Lebuhraya Pantai Timur. Akan tetapi, had laju yang dibenarkan cuma 90 kilometer sejam sedangkan Lebuhraya Pantai Timur ialah 110 kilometer sejam. Oleh yang demikian, jalan raya *Central Spine Road* ini dijangka akan menjadi lubuk kepada saman trafik kerana memandu melebihi had laju oleh pihak berkuasa.

Kedua, begitu juga pembinaan persimpangan yang menggunakan bulatan yang agak kurang sesuai pada zaman ini. Jalan-jalan besar yang merentas negeri ini, seeloknya persimpangan-persimpangan utama mestilah menggunakan persimpangan bertingkat atau *flyover*. Ketiga, daripada segi pembinaannya, permukaan jalan tersebut kini berkeadaan berombak dan rosak serta sangat bahaya jika memandu pada waktu malam. Sehubungan dengan itu, saya mohon pihak JKR mengambil tindakan segera membetulkan sewajarnya supaya jalan itu dapat digunakan dengan selamat dan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ikhtiar 9 : Menoktahkan Kemiskinan Tegar, saya mohon supaya Orang Asli dilibatkan dalam apa jua inisiatif-inisiatif untuk menghapuskan miskin tegar yang dilaksanakan oleh semua agensi yang terlibat.

Semenjak tahun 1999, JAKOA telah membangunkan seluas 21 ribu hektar ladang projek Tanaman Semula Komersial (TSK) Orang Asli untuk meningkatkan ekonomi lebih 9000 orang ketua isi rumah Orang Asli sebagai peserta. Ladang-ladang TSK tersebut dibangunkan dan dioperasi oleh RISDA- serta peladang TSK akan menerima dividen bulanan berdasarkan amaun yang ditetapkan.

Pada mulanya, inisiatif ini sangat memberikan impak positif. Namun sejak kebelakangan ini, usaha itu nampak longlai sehinggakan ada ladang-ladang TSK yang tidak

lagi membayar dividen. Untuk membantu meningkatkan ekonomi orang asli, saya cadangkan pengurusan TSK yang diuruskan oleh RISDA itu distrukturkan semula dan diserahkan kepada peserta Orang Asli untuk diusahakan sendiri melalui koperasi atau syarikat tempatan yang berkemampuan. Ramai usahawan Orang Asli yang sudah mahir dalam pengurusan ladang sawit. Berikanlah mereka peluang untuk sama-sama membantu memajukan masyarakat mereka sendiri. Puas sudah kita memberi ikan, kini eloklah dibekalkan kail pula untuk mereka menangkap ikan sendiri.

Tanaman padi bukit merupakan aktiviti tradisional masyarakat Orang Asli di negara ini. Sehubungan itu, saya cadangkan pihak kerajaan mempromosikan tanaman padi bukit kepada pihak Orang Asli yang tidak terlibat dengan ladang-ladang TSK. Saya percaya jika mereka diberikan benih, baja dan tunjuk ajar serta nasihat yang betul, masyarakat Orang Asli boleh berjaya mengkomersialkan beras padi bukit seperti mana rakan-rakan mereka di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada menghapuskan kemiskinan tegar, saya mohon pihak kerajaan memperkasakan usahawan-usahawan Orang Asli yang semakin ramai sekarang. Ramai daripada kalangan anak-anak Orang Asli yang telah berjaya sebagai kontraktor, pembekal, pengusaha kelapa sawit dan getah dan sebagainya. Mereka mempunyai kemampuan dan kemahiran tetapi amat sukar untuk mendapatkan kerja atau projek apabila bertanding dengan rakan-rakan mereka di luar.

Oleh itu, saya cadangkan sebagai permulaan mulai tahun 2023, semua projek di bawah JAKOA atau projek-projek untuk perkampungan Orang Asli hendaklah seboleh mungkin ditawarkan kepada kontraktor dan pembekal daripada kalangan masyarakat Orang Asli tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ikhtiar 11, selain daripada perolehan aset-aset keselamatan, saya mohon pihak Kementerian Dalam Negeri memastikan juga pejabat-pejabat polis yang terlalu lama dan daif dibangunkan semula. Contohnya, bangunan kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis, Pahang yang sangat sempit dan kurang selesa lagi digunakan. Balai polis yang saya kenali sejak tahun 1973 itu sehingga kini masih tidak berubah. Sehubungan dengan itu, saya mohon pihak yang berwajib supaya peka dengan keadaan tersebut dan mempertimbangkan pembinaan pejabat IPD Lipis yang baharu. Mereka ialah wira-wira yang menjaga keselamatan dan ketenteraman kita dan perlu diberikan tempat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ikhtiar 12 dalam bidang pendidikan pula, saya mencadangkan perbanyakkan lagi sekolah-sekolah bertaraf K9 dan K11 di kawasan petempatan Orang Asli, terutamanya di kawasan pedalaman. Ini adalah bagi membantu mengurangkan kadar keciciran pelajar-pelajar Orang Asli mengikuti pendidikan menengah yang berada di bandar-bandar atau di kawasan jauh daripada perkampungan mereka.

Sekolah K11 dicadangkan dibina di kawasan perkampungan Orang Asli di Hulu Perak, Ulu Kelantan dan Ulu Pahang.

Begitu juga sekolah-sekolah K9 dibina di kawasan Rancangan Penempatan Semula Orang Asli yang mempunyai ramai penduduk. Sekolah-sekolah kebangsaan orang Asli yang telah ada di Rancangan Penempatan Semula sekarang bolehlah dinaiktarafkan menjadi sekolah K9. Guru-guru yang akan mengajar sekolah-sekolah anak Orang Asli juga perlu diberikan ilmu yang cukup, terutamanya berkaitan dengan adat resam dan sensitiviti masyarakat yang berlainan daripada satu suku kaum dengan suku kaum yang lain. Kita tidak mahu kejadian yang berlaku di SK Pos Tohoi, Gua Musang, Kelantan pada tahun 2015 yang lalu berulang kembali. Sehubungan dengan itu, saya cadangkan diadakan satu sesi suai kenal khas bersama penduduk setempat dan semua warga pendidikan yang akan berkhidmat di sekolah-sekolah Orang Asli.

Saya juga memohon laluan khas diberikan kepada anak-anak Orang Asli yang memohon untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah berasrama penuh atau maktab khas seperti Maktab Tentera Diraja Malaysia ataupun MRSM. Laluan khas ini juga terpakai pada pelajar-pelajar yang memohon untuk melanjutkan pengajian ke IPTA atau IPTS. Saya akui bahawa anak-anak Orang Asli masih sukar untuk bersaing dengan rakan-rakan mereka yang lain dan memerlukan kuota kemasukan ke tempat-tempat tersebut. Pelajar-pelajar yang berjaya hendaklah ditaja terus oleh kerajaan dalam bentuk biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan semangat madani ini, saya juga ingin mencadangkan supaya MOU antara JAKOA dan Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2012 berkaitan pengurusan kesihatan masyarakat Orang Asli di negara ini dikaji semula.

Masyarakat Orang Asli adalah miskin tegar. Mana mungkin mereka boleh mampu membeli peralatan sokongan khas atau membayar ubat-ubatan- yang mahal, yang diarahkan oleh doktor atau membayar caj pemeriksaan doktor untuk tujuan memasuki IPT atau melaporkan diri untuk bekerja. Orang Asli seharusnya menerima semua perkhidmatan perubatan dengan percuma dan tidak dibebani dengan birokrasi MOU itu. MOU tersebut dilihat sebagai tidak adil dan menyusahkan masyarakat Orang Asli dan perlu dibatalkan. Tuan Yang di-Pertua, sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin atas pembahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Dipersilakan.

4.29 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua

atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan belanjawan bagi tahun 2023. Cuma, harapan saya walaupun saya pembahas yang terakhir pada petang ini, kementerian-kementerian masih lagi memberi perhatian kepada ucapan saya.

■1630

Sebagai wakil dari negeri Kelantan, saya memohon penjelasan daripada kerajaan mengenai program-program untuk menoktahkan 130,000 miskin tegar khususnya kepada rakyat negeri Kelantan. Dalam ikhtiar untuk menoktahkan miskin tegar ini, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM750 juta untuk Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Kelantan negeri yang termiskin. Saya ingin bertanya, berapa ramai, ataupun peratus miskin tegar yang berada di negeri Kelantan...? Saya mohon penjelasan, bagaimanakah mekanisme kerajaan untuk memilih dan mengagihkan peruntukan ini? Adakah kesemua rakyat miskin tegar ini akan menerima peruntukan di bawah IPR? Bagaimanakah kerajaan memantau mereka untuk memastikan mereka keluar daripada kemiskinan dan sasaran menoktahkan miskin tegar tercapai? Kami rakyat Kelantan menunggu pelaksanaan ini dan ingin melihat rakyat Kelantan bebas daripada kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Kelantan telah mendengar semasa ucapan penggulungan Yang Berhormat Menteri Ekonomi dalam sidang Dewan Rakyat pada 8 Mac 2023 berkenaan dengan peruntukan pembangunan Belanjawan 2023. Sebagaimana yang disebut dalam ucapan penggulungan, Yang Berhormat Menteri mengatakan jumlah peruntukan pembangunan dalam Belanjawan 2023 iaitu RM2.494 bilion, kadar tujuh peratus dengan jumlah 425 projek. Mohon perincian projek-projek tersebut dan pihak rakyat Kelantan memohon untuk projek-projek yang tertangguh dan projek yang akan datang dapat segera dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, projek pelaburan komited. Kerajaan negeri telah menerima jumlah pelaburan komited yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah kawal selia Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi tahun 2022 di negeri Kelantan adalah sebanyak RM2.218 bilion, terdiri daripada 16 projek yang menjana 780 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM917.3 juta atau 41.4 peratus merupakan pelaburan langsung asing dan RM1.3 bilion, atau 58.6 peratus pelaburan tempatan. Walau bagaimanapun, fasiliti dan infrastruktur kemudahan di Kelantan perlu dipertingkatkan dengan segera. Apakah langkah segera pihak kerajaan dalam mengatasi isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan ketika ini sedang rancak menjalankan pembangunan, sama ada pembangunan rohani mahupun pembangunan fizikal jasmani. Terdapat projek di dalam RMKe-12, *Rolling Plan* Kedua yang masih berstatus senarai projek belum mula dan adalah bernilai RM10 bilion. Projek dalam RMKe-12 *Rolling Plan* Kedua ini masih berstatus senarai projek belum mula adalah bernilai RM10 bilion. Projek-projek ini

adalah mendesak dan demi kepentingan awam, mohon pihak Kerajaan Pusat untuk memberi komitmen dalam menyelesaikan projek-projek yang status belum mula, dan apakah keputusan status pelaksanaan projek tersebut? Selain daripada itu juga, projek-projek yang tertangguh perlu segera dilaksanakan demi kepentingan rakyat Kelantan.

Kerajaan negeri sangat berharap cadangan permohonan projek-projek keutamaan RMKe-12 *Rolling Plan* Ketiga iaitu sebanyak 98 projek yang bernilai RM17 bilion, manakala *Rolling Plan* Keempat iaitu sebanyak 785 permohonan projek keutamaan yang berjumlah keseluruhannya RM31 bilion dapat dipertimbangkan dan diluluskan serta dilaksanakan segera.

Kerajaan negeri juga telah mengangkat cadangan permohonan projek-projek senarai utama negeri Kelantan untuk *Rolling Plan* Keempat RMKe-12 termasuk seperti senarai berikut:

- (i) menaik taraf jalan FT207 Jalan Pasir Mas-Salor dari Simpang Batu Empat di Kota Bharu sehingga ke Simpang Salor di Pasir Mas, Kelantan;
- (ii) pembinaan jalan dalaman utama pembangunan Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu;
- (iii) membina jambatan di Bulatan Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan;
- (iv) pembinaan Kompleks Maritim Negeri Kelantan di sekitar Muara Tok Bali, Jajahan Pasir Puteh;
- (v) membina baharu Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan dan perumahan;
- (vi) pembinaan Jambatan Pengkalan Kubor-Tak Bai;
- (vii) menaik taraf laluan FT003 dari Kampung Pak Badol ke Kampung Banir Belikong, Pasir Puteh, Kelantan;
- (viii) pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kota Bharu;
- (ix) menaik taraf jalan FT211 dari Persimpangan Kubang Kerian ke Persimpangan Binjai, Kota Bharu, Kelantan; dan
- (x) pembinaan Empangan Sungai Lebir.

Kesemua cadangan projek utama ini diharapkan dapat dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam pada itu juga, projek pembangunan infrastruktur berimpak tinggi juga perlu diberikan penekanan utama secara serius oleh kerajaan termasuk:

- (i) projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra;
- (ii) projek pembinaan Jambatan Palekbang-Kota Bharu;
- (iii) projek Laluan Rel Pantai Timur, *East Coast Rail Link* (ECRL);

- (iv) projek Lingkaran Tengah Utama (LTU), *Central Spine Road*;
- (v) projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai; dan
- (vi) projek Hidroelektrik Nenggiri.

Termasuk juga projek-projek khas iaitu:

- (i) pembangunan Rancangan Kawasan Khas Tok Bali, naik taraf Pelabuhan Tok Bali sebagai pelabuhan komersial;
- (ii) Taman Perindustrian IBS, Machang;
- (iii) *Madinah Al-Salam Islamic City*; dan
- (iv) pembangunan stadium utama Bukit Merbau.

Di samping itu, bagi menyokong pelaburan komited tersebut, jaringan jalan raya yang sistematik perlu dipertingkatkan. Adakah Kerajaan Pusat menyedari bahawa Kelantan memerlukan pembesaran jalan? Terutama jalan-jalan persekutuan yang sempit dan perlu dibesarkan, dibuat *fly over* dan *bypass* seperti mana negeri-negeri di Pantai Barat.

Banjir Monsun Timur Laut (MTL) yang agak besar melanda negeri Kelantan pada tahun 2022 telah membawa banyak kerosakan kepada infrastruktur di beberapa buah kawasan yang tidak dijangka di negeri Kelantan.

Laporan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Kelantan telah melaporkan kerosakan perlu dibaiki segera kerana fasiliti dikhuatiri akan menjejaskan keselamatan sekiranya tidak ditangani.

Justeru itu, kita juga memohon bantuan bagi memperbaiki segera infrastruktur rosak akibat banjir sebanyak lebih 400 item, antaranya meliputi seperti berikut:

- (i) memulihkan dan membina struktur kawalan;
- (ii) penstabilan dan pengukuhan tebing;
- (iii) siren amaran banjir;
- (iv) memulihkan saluran atau parit;
- (v) membina dan memulihkan jalan atau lintasan atau jambatan;
- (vi) pemulihan sungai;
- (vii) membaik pulih hakisan tebing;
- (viii) membaik pulih struktur denai;
- (ix) mencuci laluan anak sungai;
- (x) membaik pulih jeti;
- (xi) menaik taraf cerun;
- (xii) menaik taraf pembetung;
- (xiii) menaik taraf longkang; dan
- (xiv) menyelenggarakan dan membaik pulih lintasan serta cerun.

Kami rakyat Kelantan memohon supaya semua projek pembangunan di Kelantan diberi perhatian khusus oleh kerajaan untuk memastikan Kelantan keluar dari negeri termiskin.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, pada 16 Disember 2022 yang lalu Yang Berhormat Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mengumumkan pelaksanaan mekanisme pelepasan kos-kos tidak seimbang yang mengakibatkan pengenaan surcaj tenaga elektrik yang tinggi kepada loji-loji air rawatan yang dikendalikan operator-operator air di Malaysia. Dengan pelaksanaan ini menjadi kegusaran kepada kami akan berlaku implikasi yang tinggi kepada kos rawatan air daripada segi bil elektrik memandangkan operator-operator air ini sememangnya menggunakan tenaga elektrik yang tinggi dalam mengoperasi loji-loji rawatan air.

Kita sedia maklum bahawa dengan kenaikan ini pasti operator air akan mengalami implikasi yang sangat tinggi daripada segi kewangan. Dalam pada itu semua operator air tidak dibenarkan untuk mengimbangi kos kenaikan ini kerana operator air tidak dibenarkan untuk menaikkan tarif air. Justeru saya berharap agar pihak kementerian meneliti semula ICPT ini agar tidak menjejaskan operator-operator air.

Saya difahamkan ekoran surcaj ini akan berlaku kenaikan kos tenaga elektrik sebanyak RM423 juta setahun yang perlu ditanggung oleh operator-operator air mengikut tahap penggunaan elektrik masing-masing. Saya merayu agar surcaj ICPT ini ditangguhkan pelaksanaannya dan demi kebajikan rakyat yang menjadi pengguna bekalan air sewajarnya surcaj ICPT ini dikecualikan daripada dikenakan terhadap loji-loji rawatan air di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia mendapat peruntukan kedua terbesar selepas Kementerian Pendidikan Malaysia, terima kasih kepada kerajaan yang menyedari kepentingan penjagaan kesihatan rakyat. Namun jumlah ini belum lagi mencukupi seperti yang telah dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu sebanyak lima hingga tujuh peratus dari KDNK.

Kementerian Kesihatan Malaysia perlu membuat reformasi menyeluruh untuk memastikan isu-isu Kementerian Kesihatan Malaysia dapat diatasi. Pandemik COVID-19 telah membuktikan sektor swasta dan kerajaan boleh bekerjasama. Kerjasama ini perlu diteruskan dan diuruskan dengan baik supaya rakyat yang mendapat manfaat. Soalan saya, jumlah klinik swasta yang telah dilantik pelaksanaan program PeKa B40 di Kelantan..? Adakah ia mencukupi untuk memastikan rakyat luar bandar mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut. Berapa ramai rakyat Kelantan yang layak menerima skim ini?

Seperti yang kita sedia maklum klinik-klinik swasta tumbuh dengan banyak terlepas wabak pandemik COVID-19 antara sebab utama adalah kerana doktor-doktor kontrak meletak

jawatan dan membuka klinik. Justeru itu, situasi ini perlu diambil oleh kerajaan terutamanya dalam mengurangkan beban KKM.

Untuk makluman Dewan, ujian saringan kesihatan untuk penduduk luar bandar melalui program PeKa B40 masih dilaksanakan di klinik kesihatan. Saya berpandangan program ini perlu diserahkan kepada klinik-klinik swasta sahaja. Saringan PeKa B40 perlu dihentikan di klinik-klinik kesihatan supaya mereka boleh memberi tumpuan kepada rawatan-rawatan.

Kedua, soalan saya adalah berapa lama kah, tempoh masa diperlukan untuk meluluskan permohonan program PeKa B40 oleh klinik-klinik swasta? Adakah kerajaan tidak berhasrat untuk memudahkan proses permohonan dan meluluskan permohonan ini dengan masa yang lebih cepat? Apakah ada inisiatif untuk bekerjasama dengan pihak swasta di mana pegawai-pegawai atau pergigian yang tamat kontrak diberi tawaran kerja di sektor swasta dengan skim gaji yang setaraf seperti kerajaan?

Soalan keempat, saya apakah bentuk sokongan yang diberikan kepada doktor-doktor kontrak yang ingin membuka klinik sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, isu kebajikan doktor sama ada lantikan tetap ataupun kontrak perlu diberi perhatian, elaun lebih masa *on call* yang diberikan kepada doktor perlu dikaji semula iaitu RM9 ini bersesuaian pada tahun 2023. Mungkin ada yang belum memahami sistem *on call* bagi pegawai perubatan. *On call* bukan bermaksud doktor boleh duduk di rumah diam-diam dan hanya ke hospital semasa ada kes kecemasan sahaja. Saya memohon supaya JPA mengkaji semula supaya dapat menambah elaun *on call* para doktor atau JPA boleh menambah bilangan doktor supaya mereka dapat bekerja secara *shift*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa sudah tiba masanya KKM menguruskan kakitangan ataupun perjawatan sendiri dengan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan. KKM lebih memahami ekosistem kerajaan dalam bidang ini. Isu doktor kontrak menjadi satu cabaran kepada kerajaan. Kajian menyeluruh serta kajian masa depan- *future study*, dengan izin, KKM perlu dibuat supaya masalah ini tidak berlaku pada masa hadapan. Terima kasih kepada kerajaan yang telah menyerap doktor-doktor kontrak, pegawai farmasi, pegawai-pegawai pergigian dan pegawai-pegawai kesihatan kepada lantikan tetap bermula tahun lepas dan diteruskan lagi pada tahun ini.

Rungutan para doktor yang menyatakan tiada kenaikan gred gaji walaupun diserap ke jawatan tetap. Saya ingin bertanya bila tangga gaji doktor kontrak yang diserap kepada jawatan bertaraf tetap in akan dinaikkan dari UD43 ke UD44? Sehingga kini, berapa orangkah pegawai tetap dari pegawai kontrak yang menerima kenaikan gaji UD44..?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya apakah tahap kesiap-siagaan kementerian dalam menghadapi penyakit berjangkit rakyat terutama apabila kita menerima pekerja-pekerja asing masuk bekerja di negara kita? Berapa banyakkah kes *malaria zoonotic*

sehingga kini? Adakah ia boleh menjadi ancaman kesihatan kepada rakyat kita? Apakah langkah-langkah pencegahan segera yang telah diambil oleh pihak kementerian?

Saya juga ingin bertanya, apakah program pencegahan penyakit tidak berjangkit dan berapakah peruntukan yang diberikan untuk program ini? Bagaimanakah KKM mempromosikan gaya hidup sihat terutama dalam amalan pemakanan sihat dan aktiviti fizikal dan sejauh mana ia berjaya mengurangkan kes-kes penyakit tidak berjangkit?

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima aduan daripada pengusaha-pengusaha bas ekspres yang mengatakan mereka tidak cukup pemandu selepas wabak pandemik COVID-19. Antara faktor penyebab merupakan pemandu beralih kepada sektor barangan ataupun menjadi pemandu lori. Sehingga kini berapakah jumlah sebenar kekurangan pemandu bas di seluruh negara? Apakah langkah-langkah segera dan langkah jangka masa sederhana kerajaan bagi mengatasi masalah yang sekarang ini sedang dihadapi oleh industri ini yang mana kekurangan pemandu ini bukan sahaja melibatkan bas ekspres malah bas henti-henti dan juga lori? Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pendidikan Malaysia mendapat peruntukan yang tertinggi. Terima kasih kerana meneruskan program RMT kepada pelajar-pelajar sekolah. Negeri Kelantan antara negeri yang tinggi kadar kanak-kanak terbantut. Soalan saya apakah ada program pemakanan khusus kepada pelajar-pelajar terbantut dan bagaimana kementerian memantau pertumbuhan fizikal kanak-kanak ini?

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuka portal-portal berita di talian pelbagai iklan-iklan yang menjolok mata keluar ia amat memalukan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dan apakah langkah-langkah pencegahan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon supaya soalan-soalan saya mendapat perhatian dan mendapat jawapan dari kerajaan. Sekian saya memohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff atas perbincangan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Usul 11(1) yang telah dipersetujui oleh Majlis pada 28 Mac 2023, saya dengan ini menangguhkan Mesyuarat Dewan hari ini sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 30 Mac 2023. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.50 petang]